

Volume II
No. 31



Friday
3rd December, 1965

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**SECOND SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1966—

Schedule:

Heads S. 18, S. 19 and S. 20 [Col. 4589]

Heads S. 21 and S. 22 [Col. 4648]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)
Official Report

Second Session of the Second Dewan Ra'ayat

Friday, 3rd December, 1965

The House met at half past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

The Honourable ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HUSSIN (Lipis).

- .. ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- .. ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- .. ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- .. CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- .. PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- .. ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- .. ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- .. ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- .. ENCHE' D. A. DAGO ANAK RANDEN *alias* DAGOK ANAK RANDAN (Sarawak).
- .. ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- .. ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- .. TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- .. DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- .. DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- .. ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- .. ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- .. ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- .. TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- .. ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- .. ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- .. ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- .. WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- .. ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- .. ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- .. PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- .. ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- .. ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
- .. ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- .. ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K. (Sabah).
- .. ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

The Honourable ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).

- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Minister of Home Affairs and Minister of Justice,
DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.
(Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
(Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID
KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P.
(Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing,
ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH
ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry,
TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN,
(Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development,
ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW,
A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P.
(Telok Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance,
ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
(Krian Laut).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja
(Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

The Honourable ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).

- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr (Deputy) Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1966

Order read for resumed consideration of the Supply Bill, 1966, in Committee of Supply.

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr (Deputy) Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Heads S. 18, S. 19 and S. 20—

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya menyambong perbahathan saya pada petang samalam, dan saya juga berpeluang memberikan ucapan tahniah dan terima kaseh kepada Menteri Pelajaran. Kalau kita saksikan Kementerian inilah yang mendapat Anggaran Perbelanjaan yang paling besar untuk anak watan kita pada masa hadapan. Saya merasa sukachita Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul ini pada petang sa-malam, berchakap dalam

bahasa Melayu—bahasa kebangsaan. Saya berharap pada Menteri² yang lain juga dapat menggunakan bahasa kebangsaan ini pada bila² masa dia beruchap. Yang aneh-nya, ada pehak Parti Pembangkang mendatangkan soal dalam bahasa Melayu—bahasa kebangsaan, tetapi Yang Berhormat Menteri kadang² menjawab dalam bahasa Inggeris. Ini-lah kalau Yang Berhormat Menteri sendiri tidak mahu menggunakan bahasa kebangsaan tentu-lah orang lain—orang bawah, lupa dengan bahasa kebangsaan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya berchakap, muka 212, S. 19, Pemberian untuk Pengajaran Ugama di-Sekolah Rendah ia-itu Pechahan-kepala 9 dan Bantuan kepada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat, Pechahan-kepala 11.

Kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada beruchap di-salah satu tempat supaya Sekolah² Ugama Ra'ayat di-seluruh tanah ayer kita ini di-ambil aleh di-jadikan bantuan penoh. Jadi ini-lah saya beri pandangan patut-lah Kepala-kechil 11 ini di-masokkan sahaja kepada Kepala-kechil 9 menjadi bantuan penoh Sekolah² Ugama Islam Ra'ayat.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ugama ini, saya rasa, pehak saudara² kita yang lain, tentu-lah tidak iri hati, kerana kapada ra'ayat yang ada menganut fahaman ugama, payah fahaman kominis hendak masok ka-dalam sanubari mereka.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu pada muka 212, S. 19 berhubung dengan perkara Pechahan-kepala 1—Pemberian kapada Sekolah Rendah. Tuan Pengerusi, saya tahu guru² Sekolah Rendah ini ia-itu guru pereman, ia-lah guru sa-bahagian daripada guru² yang bernasib sangat malang, sa-hingga hari ini guru² itu tidak pun mendapat kenaikan gaji walau satu sen pun, pada hal guru² itu mustahak juga, sama dengan guru² yang berkelulusan yang ada di-tanah ayer kita. Saya perchaya guru² pereman ini lebeh mustahak lagi, kerana dia-lah yang mengajar anak² kita yang baharu masok sekolah, yang maseh berhingus. Jadi rayuan saya supaya dapat Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan, kerana gaji guru² ini, kalau tidak salah saya, hanya mati \$190 sampai 10-12 tahun kerja, umor dia sampai 42 tahun lebeh pun, itu-lah gaji dia.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, muka 213, Pechahan-kepala 20 berhubung dengan Biasiswa. Saya tentu-lah mengalu²kan estimate yang telah bertambah pada tahun hadapan ini. Hanya harapan saya kapada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan penuntut² Melayu yang berkelayakan mendapat pelajaran tinggi, berani-lah saya kata penuntut ini, sa-tengah daripada-nya, kekurangan wang dan tidak ada wang—berharap-lah Biasiswa ini akan di-peruntokkan lebeh besar lagi kapada penuntut² Melayu, kerana pada tahun yang sudah, kalau-lah tidak dengan ihsan daripada Yang Berhormat Menteri, rasa saya, ada salah sa-orang penuntut yang hendak masok di-University Malaya ini tergendala, kerana tidak dapat Biasiswa itu. Ini, juga oleh sebab penuntut itu datang-nya daripada kawasan saya, dan saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada pehak Kementerian yang pada masa ini kerana penuntut itu dapat belajar dan dapat Biasiswa.

Tuan Pengerusi, muka surat 211, berhubung dengan Asrama Penuntut Malaysia di-Kahirah. Ini juga saya berharap bukan sahaja di-situ, tetapi di-negeri² lain penuntut kita mendapatkan peruntokan yang lebeh, kerana pertama sa-kali di-Kahirah ini banyak penuntut², kerana ada satu penuntut dalam kawasan saya sendiri sangat-lah susah dia hendak melanjutkan pelajaran-nya sa-hingga dia terpaksa bekerja membuat bermacam² kerja kerana hendak melanjutkan pelajaran. Dengan itu, saya berharap-lah penuntut kita yang belajar di-luar negeri ini mendapat perhatian yang berat daripada Menteri Pelajaran memerhatikan sa-tiap masa kekurangan² perbelanjaan dan alatan² bagi pehak penuntut² ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Menteri, saya sangat terkilan kalau tidak berchakap. Dalam ucapan wakil Tanjong pada petang sa-malam, saya telah chatit, dia berkata saya berharap perkara ini akan menggonchangkan Kerajaan. Ini ucapan yang di-keluarkan oleh wakil Tanjong itu. Banyak lagi perkara² yang di-uchapkan oleh wakil Tanjong ini yang boleh mendatangkan merbahaya dalam negeri ini. Jadi saya berharap mendapat perhatian bukan sahaja daripada Menteri Pelajaran, tetapi pehak yang bertanggung-jawab kerana keamanan negeri ini, kerana dasar pelajaran yang kita hendak jalankan ini, apa² yang dilakukan oleh wakil Tanjong dalam ucapan-nya pada hari sa-malam, saya berpendapat sangat-lah merbahaya, sa-hingga dia menchabar wakil Perikatan daripada orang Tionghua suroh tunjokkan belang dalam Majlis ini. Ini-lah kerja pehak parti Pembangkang yang sa-rupa itu. Saya berharap mendapat perhatian.

Berhubung dengan pelajaran, saya berchakap sedikit, Tuan Pengerusi. Ini perkara cherita yang boleh diperchayai ia-itu ada sa-orang penuntut di-sa-buah Sekolah Ingeris, dia balek mengadu kapada ibu bapa-nya, katanya Che'gu-nya telah berchakap ia-itu dengan arahan Pejabat Pelajaran masa belajar bahasa Ingeris di-kurangkan 10 atau 15 minit daripada biasa, kerana di-berikan kapada peruntokan itu

supaya belajar bahasa Melayu. Che'gu itu berkata kepada anak murid itu tengok anak² semua, awak semua orang kampung dapat peluang belajar bahasa Inggeris, masa belajar bahasa Inggeris itu juga di-potong. Tetapi anak Menteri², anak orang² besar, anak Councillor², di-suruh belajar bahasa Inggeris. Ini semua kata dia, fasal orang Melayu Kelantan menuntut bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan. Jadi, tujuan saya, melalui Kementerian ini, supaya dapat bagi pihak Kementerian Pelajaran mengawasi Che'gu yang sara-rupa ini, kerana ada Che'gu yang bukan Melayu, dengan chara tidak langsung memberikan semangat dan perasaan kepada anak² murid supaya benchi kepada bahasa kebangsaan ini. Saya berkata ini bukan-lah saya tujuan semua Che'gu, tetapi ada, kerana ini dalam masa kita bergerak hendak mencapai matlamat kita berhubung dengan bahasa kebangsaan ini menjadikan bahasa rasmi dalam tahun 1967 tidak berapa masa lagi. Di-harapkan guru² sekolah-lah yang akan menanamkan semangat kasehkan bahasa kebangsaan ini kepada anak² kita, tetapi kalau di-berikan perkataan yang sara-rupa ini, ini-lah yang jadi. Terima kaseh.

Mr Chairman: Sabar dahulu sa-kejap. Saya suka mengingatkan Ahli² Yang Berhormat ia-itu mengikut jadual waktu bagi butiran² di-jadual kepada Rang² Perbekalan tahun 1966 ini, S. 18 hingga 20, Kementerian Pelajaran, akan di-pertimbangkan hingga pukul 12.00 hari ini. Dan dari pukul 11.30, Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan di-beri peluang menjawab atas pandangan² daripada Ahli² Yang Berhormat. Dari itu, saya minta-lah Ahli² yang dapat peluang, berchakap sa-berapa ringkas dan tepat supaya dapat Ahli² yang lain mengambil bahagian dalam perkara ini.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi,

Mr Chairman: Sa-berapa ringkas dan tepat kalau dapat, itu terpulang-lah atas kadar masing².

Dr Mahathir bin Mohamad: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Kera-

jaan berkenaan dengan perancangan yang telah di-buat untuk Kementerian Pelajaran ini. Nampak-nya kita maseh memberi keberatan yang lebeh kapada pelajaran, oleh kerana kita tahu di-sini anggaran ini lebeh daripada anggaran untuk pertahanan. Tujuan kita mengadakan anggaran yang lebeh ini ia-lah oleh kerana kita ingin supaya taraf pelajaran di-dalam negeri ini di-tinggikan. Tetapi sa-masa itu juga, saya perchaya, Kerajaan bertujuan supaya pelajaran ini dapat di-gunakan supaya membentok satu perasaan kebangsaan di-antara semua budak² atau pun murid² yang belajar di-sekolah² di-Malaysia ini.

Pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, dengan ada-nya empat jenis sekolah yang menggunakan bahasa pengantar-nya Inggeris, China, bahasa kebangsaan dan Tamil, dan juga sekolah² ini di-perasingkan, ia-itu sekolah China untuk budak² China sahaja, sekolah Inggeris ada-lah berchampor, sekolah Melayu untuk budak² Melayu sahaja dan sekolah Tamil pula untuk budak² India. Ini tidak akan membolehkan Kerajaan membentok satu perasaan ia-itu mereka ini memang terdiri daripada satu bangsa ia-itu bangsa Malaysia. Jadi saya ingin menhadangkan kepada Kerajaan supaya kalau-lah kita tidak dapat mengadakan chuma satu jenis sekolah sahaja yang menggunakan bahasa pengantar-nya chuma bahasa kebangsaan, patut-lah kita chuba supaya sekolah² yang berlainan bahasa pengantar-nya di-kumpulkan, umpamanya, kita ada tiga sekolah, sekolah yang menggunakan bahasa kebangsaan, sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris dan sekolah yang menggunakan bahasa China di-kumpulkan di-dalam satu group yang menggunakan satu campus sahaja, supaya dapat murid² di-dalam sekolah ini berchampor masa kelepanan dan juga pada masa sukan, dan dengan chara ini dapat-lah murid² itu belajar berkenaan dengan culture dan chara² hidup berbagai² kaum yang ada di-Malaysia ini. Kalau kita jalankan saperti mana yang ada sekarang ini, maka sampai bila pun tidak dapat budak² yang ada daripada sekolah China itu berasa ia-itu

mereka ada-lah sama dengan orang² yang datang dari sekolah Melayu, sekolah Arab dan sa-bagai-nya dalam taraf sa-bagai ra'ayat Malaysia ini.

Satu lagi perkara yang patut di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran ini ia-lah berkenaan dengan chadangan Yang Berhormat Menteri, mengadakan satu sahaja uniform untuk murid² sekolah di-Malaysia ini. Kalau kita pergi di-negeri² Jepun, kita tentu nampak ia-itu semua murid² sekolah² di-dalam negeri Jepun murid² menggunakan satu sahaja uniform ia-itu bagi murid² yang tua sedikit seluar panjang hitam dan coat tutup hitam dan bushy hitam dan penuntut² perempuan pula skirt hitam. Jadi dengan chara ini dapat-lah kita meninggikan perasaan yang mereka itu murid² sekolah² di-Malaysia dan bukan murid sekolah² jenis itu, jenis ini, atau pun yang nama ini, yang nama itu. Ini juga akan menimbulkan perasaan yang mereka ini terdiri daripada orang² Malaysia.

Yang ketiga-nya ia-lah berkenaan dengan perasaan kebangsaan. Kita patut menggalakkan dengan menggunakan chara² yang di-gunakan oleh orang² Jepun masa Malaysia ini ditawan oleh Jepun supaya menimbulkan perasaan ia-itu Malaysia ini ia-lah tanah ayer mereka dan chara yang saya maksudkan ia-lah supaya pada sabelah pagi di-dalam sekolah² yang tiga jenis atau empat jenis ini di-kumpulkan, di-adakan satu "assembly" dimana mereka itu akan menyanyi lagu kebangsaan dan juga mendengar sharahan² yang akan menimbulkan perasaan kaseh sayang kepada tanah ayer.

Juga di-dalam pelajaran mesti-lah di-adakan lebeh lagi kepada keberatan national history dan juga berkenaan dengan current history, berkenaan dengan Malaysia ini. Jadi dengan chara ini, maka perbelanjaan yang kita khaskan dapat-lah di-gunakan bukan sahaja untuk meninggikan pelajaran, tetapi juga untuk menimbulkan perasaan kebangsaan yang pada akhir-nya akan membawa kepada keamanan antara semua kaum di-dalam Malaysia ini. Dengan chara ini dapat-lah kita

menolakkan chara² fikiran yang timbul di-dalam hati Wakil Yang Berhormat daripada Tanjong. Terima kaseh.

Enche' Lim Kean Siew (Dato Kramat): Mr Chairman, Sir, I would be as short as I can, dealing with about four subjects only. Mr Chairman, Sir, I would like to commence my address by agreeing with the Member for Kota Star Selatan that we cannot have three separate streams according to racial groups; it is much better to have a unified stream so that all the school children can get together in the campus instead of having separate Chinese schools, Indian schools, and Malay schools. But how are we going to get that? You bring Tamils into a Malay school, they have to learn Malay, you put the Tamils with the Chinese, they have to learn Malay; you put the Chinese with the Malays they also have to learn Malay. So, there must be one unified language. As I suggested, therefore, our educational system ought to be based upon three groups of subjects of education in schools. The first group will be education in Malay where you can teach Malay history, Malay literature and Malay language; then the second group, where the boys can split into different classes—those who want to learn Chinese, those who want to learn English, and those who want to learn Tamil; and then these subjects will be according to the medium of instruction. By doing so, the Chinese stream can teach Chinese history or whatever they like in the Chinese language; the English stream shall teach English history, English literature and whatever they like in English; and then after they have finished, in the third programme, for about one or two hours, they have the optional subjects period, where the Malay boys can go and learn Chinese if they wish to, and the Chinese can go and learn English if they wish to. But essentially, Mr Chairman, Sir, we will have to decide first of all whether our policy is going to be a bi-lingual educational policy or a mono-lingual educational policy; and I suggest our educational system must be a bi-lingual educational system, with Malay as the common

medium in all schools, taught up to the same standard.

Then, Sir, I was asked what is my view on the National Language? I say Malay should be the national language. We have always held that Malay should be the national language, by which I mean the common language of our people. But, I would like to say that it has never been the purpose in the Constitutional Talks from 1954 to 1956, when it was decided what official languages to have, that the official languages or the national language should be used to suppress other cultures—that is our point. If you can guarantee that, it is all right. We do not mind having a common language, but where it is used as a medium of examination in order to prevent the development of any other culture, it is wrong, because, Mr Chairman, Sir, if in 1967, only Malay becomes the official language, then even English schools—English school students—have to be examined in the Malay language. That is why I maintain that it is wrong. It is much better, as I have said, that our education system must aim at outward spreading to encompass as many students as possible and then it must go upwards, that is to say, increase the quality, outwards and upwards. If we cannot go upwards but can only go outwards and restrict ourselves unnecessarily by having only one language, our country is going to suffer.

Again, Mr Chairman, Sir, take one example—the Parliamentary Secretary to the Minister of Defence. Yesterday, I spoke of either a very skilled mobile force or a land army, where all the people are armed to fight the common enemy, and he said, “I am not an expert in military affairs”. That shows ignorance. One does not have to be an expert to know that there is a difference between a mobile highly skilled army and a land army. It shows his general knowledge is very low. One does have to become a military strategist. All he has to do is to read “SAMKOK”, and as he is Chinese educated, he must have heard of “Tungchoe” and “the ten Eunuchs”, who nearly destroyed the Hung Dynasty—if he reads that, he can learn all about

military strategy—and my suggestion is nothing wonderful at all—and that Sir, shows lack of education.

Mr Chairman, Sir, I come to my next point, which is about the provisions for Malaysian culture—I refer to Head S. 18, page 209, item (61) Publication of Malaysian Literature in Chinese and Tamil languages. Now, this is an admission that there is an attempt to create a Malaysian culture but, unfortunately, there is only a token vote of \$10. If all students have to take their examinations in the official language, and in 1967 the official language becomes Malay, obviously there will be no point of spending any money towards the creation of a Malaysian literature in the Chinese and Tamil languages, because everybody will not want to study the other languages. Already, we have seen the practical effects of the grants to schools: more and more school children are enrolling in the English schools and less and less in the Chinese schools—you say, “Bravo”, and less and less in the Malay schools, what you say about that? Bravo, too? It is quite clear that as far as parents are concerned, they want the most useful language and they want to learn their own language as well. It is no use Backbenchers of the Alliance standing up and saying that the Ministers should only speak in bahasa kebangsaan, or answer in bahasa kebangsaan. It means sometimes this, and which is sad: “I cannot speak English, please speak to me in Malay, and I do not need to learn English”. In other words, if I am ignorant, let everybody else be as equally ignorant as I myself. Sometimes it is pitiful to see that kind of reaction from the Backbenchers of the Alliance.

Now, Mr Chairman, Sir, again I say, I am for a national language; I am for a common language; I am for a common language in the schools, taught to the same standard in all the schools—Malay, Tamil, Chinese and English; but I say, let it not be used to suppress the desire to learn a second language, or even a third language. So, when we are going to have a Malaysian literature, we must make certain that

what we give with one hand, we do not take away with the other.

Mr Chairman, Sir, continuing further with the proposals for the secondary schools, it has been suggested that Chinese schools could convert to the national-type schools, but this year only a token vote is given. So, even if there is an intention, I do not think there is the money for it. Of course, the Honourable Minister of Education may assure the House that I am wrong in this instance, and I am quite prepared to accept it.

Sir, should we at the same time re-introduce the examination, what is known as the 11-plus examination? If it is for the purpose of grading only, then it serves very little purpose. If it is for the purpose of failing the students, then we are taking a retrogressive step. I do not think that we should re-introduce it.

The next thing is that we have under Head S. 18, item (60), page 209, Assistance in the Purchase of Textbooks. Now, many students have money to travel to school but have no money to buy textbooks. If our Government has a policy, whereby we do not need to change our textbooks so often, and a system of supply of textbooks for the students based at the rate of 20 per cent of the cost of the textbooks, then it would help the students. It would mean free textbooks for all school children with a payment of 20 per cent of the cost. In other words, after five years the textbooks can be scrapped, because the 100 per cent would have been paid up for the cost of the books and the Government can buy a new set of textbooks. All students shall have, therefore, a right to hire textbooks from schools at about 20 per cent, or 25 per cent of cost, payable in the twelve months whilst they are in school, so that they need not have to find the capital to buy the whole set of books at the beginning of the year. This will help especially the sons of peasants, who are now very anxious to send their children to schools. If there are no free textbooks, how can their children really study? If their fathers have to slog to find the capital

at the beginning of the year to buy textbooks, and if they have to think how to sell the textbooks at the end of the year, then it is going to be difficult for the parents. So, it is essential that all schools should now be supplied with textbooks, and that these textbooks may be hired out to the children of poor parents. We can have a ceiling, for example, parents earning below \$250 may take advantage of that scheme, parents earning say over \$250, or who are rich must buy their own textbooks, unless there are sufficient textbooks for every school student to hire. Now, that is much better than to propose that they all wear the same uniform in schools, like the Honourable Member for Kota Star Selatan, who says, "We should follow the Japanese. Look at the Japanese students. They all wear caps, skirts, trousers, and so on, black and white." But we do not all want to look like penguins. Besides, many parents may not be able to afford school uniforms and they may then apply to the Government to give free uniforms. Then we will be giving free uniforms instead of free books. So, it is essential that these things should be done.

The next point I have is the Unified Scheme for Teachers. There has been talk and talk of a unified scheme, but up till now there is no unified scheme. We should have a unified scheme for all teachers. Does it matter whether a teacher is an undergraduate teacher or an overgraduate teacher, provided he does the same job and he teaches the same Form? It does not mean that if a person is qualified, therefore, he is a better teacher; if he is not qualified it does not mean he is a bad teacher. Provided he teaches the same subjects in the same school, he should get the same pay and only in this way can we bring about a more uniform pattern of service not only as between the different grades of teachers but also as between different schools. I mean, we all know how necessary it is in this competitive, capitalistic society which bases everything on money, that the person who gets a lower pay feels inferior. He is told, in fact, that he is inferior, he is not good enough—and it does not matter, if he has been teaching for

30 years, a young boy from the University, at 22, comes with double his pay.

Mr Chairman: How long more are you going to take?

Enche' Lim Kean Siew: Yes, I am coming now to the University, and that will be all. I am trying to be as short as possible. What I am saying now is, in fact, a summary. Mr Chairman, Sir, the Honourable Minister of Education has himself spoken of the rise in the intake of University students and under items (26) and (27), Head S. 19, page 213, we have an increased contribution of \$1,500,000 to the University of Malaya. He says very proudly—Mr Chairman, Sir, very proudly—that our total enrolment for the University this year is 2,800, the intake for this year is 1,208 students. Surely the Honourable Minister of Education ought to know, since he is not like, say, a hillsman or a man from the ulu, who has just come to town who is impressed by every little improvement he sees. This is nothing at all—this is chicken feed. For a country of nearly ten million people, with one university, a university population of 2,800 is nothing. Look at Australia. How many universities have we got? I know that we are a new nation and we must progress slowly. I accept that. But, Mr Chairman, Sir, unfortunately, it is not true to say that we cannot increase our intake at once. Destroy this “ivory-tower” type of university students, who must be housed in an isolated place like Pantai Valley with beautiful buildings. Allow non-residential students. Put our examinations on the same pattern as the University of London, so that external students, people who are working outside, who cannot enrol as university students, may take examinations. Put our educational courses through the radio instead of having Minister and Backbenchers discussing political situations everyday, or having this kind of comic, coffee shop discussions on politics, condemning the Opposition without allowing the Opposition a chance to appear on the radio to reply. Use that valuable time and educate our children for the whole of Malaya. Let them take the exami-

nation from Kelantan, Pahang, Trengganu, Kedah, Perlis, Penang and so on, and we can immediately double the number of students in the University.

Finally, Mr Chairman, Sir, I regret that there is no provision made here for the University of Penang in spite of such a great deal of talk in Penang about the establishment of a university. It would appear that we are depending on Japanese contributions, or Japanese war debt, to start a university. I say “No”. Make use of the existing buildings in Penang and start straightaway with a university college. I understand that a Memorandum has been sent to the Federal Government. I have not seen it, I do not know what it is like and I should like to see a university in Penang which would only be a second university for the whole of Malaya. Is it wrong that we should have a university in Penang, even if it is to save the threat of Penang starvation through the loss of our free port? Is it wrong, if we decide to start a university in a modest way? As it is, who is interested in the University of Penang? Where are the qualified men put on a full-time job to see if they cannot start a wing of the University of Malaya in Penang or start a new university in Penang? Nothing, no provision whatsoever is here. So, at least we have to wait another year before the plans can get going. It is a great pity that this should happen and we should immediately have a university of Penang. Thank you.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun monyokong peruntokan perbelanjaan dalam Kementerian Pelajaran ini. Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya bangun menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Menteri ini dan juga, pada keselurohan-nya kapada pegawai² Kementerian ini yang telah menjalankan tugas² bagi memajukan pelajaran di-dalam negara kita ini; kalau di-pandang dari sa-tahun kasatahun bertambah baik dan bertambah besar perbelanjaan-nya.

Tuan Pengerusi, saya tertarek sangat dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang mana akan

memberi kemudahan² kepada penuntut² kita, terutama sa-kali penuntut² Melayu di-luar² bandar dengan memberi bantuan yang banyak, dan saya harap juga, sa-lain daripada keutamaan² yang ada yang telah di-berikan kepada penuntut² Melayu, Tuan Pengerusi, hendak-lah juga di-longgarkan lagi segala kelulusan² yang dikehendaki bagi penuntut² Melayu yang hendak masuk ka-Tingkatan VI dan juga ka-sekolah tinggi ia-itu universiti, seperti mana yang kita tahu, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya penuntut² Melayu di-dalam Tingkatan V hendak masuk Tingkatan VI, maka terpaksa-lah mereka itu mendapat Grade I atau sakurang²-nya Grade II, baharu-lah dapat masuk dalam Tingkatan VI. Dan saya berharap-lah supaya Kementerian ini dapat mengatorkan bagaimana chara ia-itu kelulusan Grade III pun dapat di-masokkan anak² Melayu kita ini ka-dalam Tingkatan VI, begitu juga ka-Universiti.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah pelajaran ini, seperti mana yang di-chakapkan oleh parti² Pembangkang, terutama Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, ia-itu sa-olah² yang beliau ini hendak menekankan dasar pelajaran Malaysia ini supaya menurut syarak langkah dasar pelajaran yang di-anjorkan oleh negara lain. Tuan Pengerusi, di-dalam masaalah pelajaran ini, kita semua tahu chara² yang di-atorkan oleh Kementerian ini, bukan sahaja untuk memberi pelajaran.

Jadi, saya takut kalau sa-kira-nya bagini besar wang peruntokan yang di-utokkan kepada latehan guru² ini, maka segala atoran Kerajaan ini tidak berjaya, maka malang-lah, bagi negara kita ini, Tuan Pengerusi, kerana ada lagi sa-bahagian kechil guru²—saya berchakap di-sini sa-bahagian kechil. Saya sokong-lah ucapan Yang Berhormat daripada Melaka Selatan tadi, Tuan Pengerusi, bukan-lah kesemua, tetapi ada sa-bahagian kechil guru² yang ada berperasaan perkauman. Inilah yang sangat² kita churiga² dan sangat² kita takut ia-itu sa-olah² menjadi satu sokongan kepada puak² subversib, puak² parti Pembangkang yang hendak merosakkan negara kita sekarang ini, dan saya harap-lah

Kementerian ini awasi dan selideki dengan halus-nya, kalau-lah ada orang² yang sa-macham ini, bukan sahaja kita hendak pechat mereka itu daripada jawatan-nya, bahkan kita serahkan pula kepada pehak² yang berkenaan lagi, terutama sa-kali kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi lagi satu saya hendak berchakap ia-itu S. 19 juga, Pechahan-kepala 26 ia-itu Dewan Bahasa dan Pustaka. Tuan Pengerusi, saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka ini, walau bagaimana pun kita dapat-lah menekmati bertambah² lagi segala buku², bukan-nya sahaja untuk pelajaran anak² kita dan buku² bachean yang memberi faedah, bahkan yang berchorak kebangsaan negara kita ini, dan saya berseru supaya usaha² ini di-giatkan lagi, di-banyakkan lagi keluaran daripada Dewan Bahasa dan Pustaka ini ia-itu menjadi bachean, buku² bachean kepada bangsa kita yang sangat berkehendakan buku² sekarang ini.

Mr Chairman: Banyak lagi? Panjang lagi?

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus: Sadikit sahaja. Satu lagi, Pechahan-kepala 27, Tuan Pengerusi, ia-itu Universiti Malaya. Tuan Pengerusi, di-sini perbelanjaan yang kita utokkan simpanan \$12,500,000. Peruntokan ini, Tuan Pengerusi, ia-lah peruntokan yang besar di-dalam Budget ini, ia-lah kita hendak memberikan kanak² ini didekan, pelajaran dan maruah-nya yang baik, terutama sa-kali di-dalam Universiti ini kita semua tahu ia-lah tingkatan sekolah yang tinggi sa-kali. Jadi, Tuan Pengerusi, ini, saya berasa juga dukachita, walau pun kita dapati ikrar dan akuan² daripada penuntut ini, penuntut universiti ini yang mereka itu tidak akan menchampori hal² politik. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya sedeh mendengar apa yang terjadi baharu² ini, saya sendiri telah dapat satu salinan surat daripada Kesatuan Penuntut² Universiti yang menchampori hal² politik ini di-dalam soal kita memberi bantuan kepada Yang Berhormat Enche' Abdul Rahman Talib bekas Menteri Pelajaran kita yang lepas.

Jadi, Tuan Pengerusi, pada fahaman saya penuntut² ini ia-lah tidak berapa lama lagi akan menjadi penganjur, akan menjadi Ketua² Pegawai Kerajaan apabila mereka ini keluar daripada universiti ini. Maka patut-lah mereka bersabar, yang tidak berapa tahun lagi, mereka itu akan keluar, maka di-masa itu dapat-lah mereka itu menjawab beberapa jawatan. Kalau sa-kira-nya mereka suka menchamponi dalam hal politik, dia masuk-lah dalam politik. Ini-lah yang saya kata perkara ini tidak sesuai dengan keadaan sa-orang penuntut yang sedang belajar. Saya tidak-lah hendak menegahkan yang ra'ayat² dalam negara kita ini, Tuan Pengerusi, daripada menchamponi hal ehwal politik dalam negara kita sendiri, tetapi kita atorkan-lah, kalau sa-masa kita belajar, chari-lah ilmu untuk pelajaran kita, apabila kita lulus kelak, masuk-lah apa yang di-kehendaki. Sebab itu, saya berasa was², Tuan Pengerusi, segala perbuatan, desakan² daripada penuntut² Universiti ini saya sendiri kurang perchaya dengan fikiran penuntut² itu sendiri. Boleh jadi, ada anasir² yang tidak bertanggung-jawab yang chuba menchuchok, hendak merosakkan penuntut² itu supaya menjadikan negara kita ini negara huru-hara.

Ada satu, dua orang penuntut yang berasa terhasut menerima hasutan² ini, ini-lah yang jadi perkara yang kita tidak ingini. Tuan Pengerusi, berkenaan penuntut² ini, di-masa Dewan kita ber-sidang barangkali enam tujuh bulan dahulu, saya telah memberi ingatan kepada Menteri yang berkenaan, sa-kira-nya penuntut² di-Nanyang Universiti boleh membuat berbagai² perkara, maka tidak-lah dapat kita elakkan penuntut² kita dalam Malaysia ini pun boleh membuat berbagai² perkara yang kita tidak ingini. Kalau sa-kira-nya kita tidak awasi dan kita tidak jaga, halusi, dan kita tidak pereksa segala anasir² yang akan menchuchok, yang akan masuk ka-dalam universiti kita, atau kita tidak buat satu sekatan yang

AN HONOURABLE MEMBER: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Dia minta penjelasan, boleh di-beri?

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus: Saya ingat jam, Tuan Pengerusi, kita sampai 11.30. Kalau Tuan Pengerusi beri sampai petang boleh-lah.

Mr Chairman: Ya, dia sudah tidak beri, sudah-lah, tidak usah di-soal lagi.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, jadi sa-patut-nya kalau sa-saorang yang kita perhati menjadi bahaya kepada pelajaran, kepada kanak² kita apabila mereka hendak melawat ka-universiti ini, patut-lah kita awasi dan kita pereksa dengan sa-betul²-nya dan kalau kira-nya hendak melawat juga, kalau kita pandang bahaya, bagi-lah sama² mereka itu orang Special Branch ikut supaya jangan di-bawa²kan perkara yang kita tidak ingini merosakkan pelajaran dan negara kita. Sekian, terima kaseh.

Enche' Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak memberi ucapan tahniah kepada Kerajaan kita, khas-nya Kementerian Pelajaran, yang telah bersunggo² mengambil berat dalam masaalah pelajaran. Saya katakan begitu, Tuan Pengerusi, kerana Kementerian ini telah dan sedang menguntokkan wang yang banyak dari satu tahun ka-satu tahun. Mithal-nya, dalam tahun 1954 ia-itu sa-tahun sa-belum pilehan raya yang pertama di-negeri ini, peruntokan pelajaran bagi seluroh negara kita ini hanya berjumlah \$99.9 juta sahaja, tetapi pada tahun 1965 peruntokan berjumlah \$320.3 juta dan pada tahun yang akan datang pula, Tuan Pengerusi, ia-itu tahun 1966, jumlah ini meningkat naik kepada \$352.8 juta. Jikalau di-bandingkan jumlah tahun 1964 dengan jumlah tahun hadapan, maka jelas-lah kelihatan bahawa perbelanjaan pelajaran ini telah meningkat naik sa-banyak lebeh daripada \$250 juta dalam masa hanya lebeh kurang 10 tahun semenjak kita mempunyai Kerajaan sendiri. Tuan Pengerusi, dengan wang yang begitu banyak, maka Kerajaan telah dan sedang membena sekolah² di-cherok² rantau negara ini dan mengadakan alat² persekolahan

dari perengkat rendah hingga ka-perengkat menengah dan tinggi. Saya sendiri memang tahu di-negeri Perak boleh-lah di-katakan sekolah telah di-bena di-merata² tempat, sekolah menengah juga, saya dapat tahu sedang dan akan di-bena untuk menampung murid² yang bertambah ramai dari satu masa ka-satu masa. Dengan pembenaan sekolah² dan kelas² ini, Tuan Pengerusi, maka sudah tentu-lah Yang Berhormat Menteri terpaksa menjalankan ka-sana ka-mari.

Saya mengikuti ucapan-nya menerusi akhbar² dan daripada ucapan² itu maka saya dapat-lah menyakinkan diri saya betapa berat-nya tanggung-jawab yang di-pikul oleh Kerajaan kita dalam masaalah pelajaran ini. Dengan penerangan² yang luas, yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri dan ucapan²-nya yang di-siarkan oleh akhbar², maka kita dapat sekarang ini keraguan ibu bapa dari semua bangsa terhadap kejujoran kita dalam masaalah pelajaran ini bertambah kurang dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Pengerusi, kalau dahulu-nya Kementerian Pelajaran ini menjadi sasaran orang ramai, sekarang ini Kementerian Pelajaran ini menjadi satu Kementerian kesayangan ramai, kena apa yang saya ranchangkan, apa yang di-ranchangkan dalam tahun 1957 dahulu, sekarang ini telah mula mengeluarkan hasil-nya, ra'ayat jelata telah sedar akan kejujoran Kerajaan kita.

Petualang² politik tidak lagi dapat mengabui mata ra'ayat. Tuan Pengerusi, saya fikir itu-lah salah satu sebab-nya, Yang Berhormat wakil Pasir Puteh, sa-masa kita membahaskan Anggaran Belajawan ini sa-chara 'am, telah mengecham lawatan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, kerana mengikut-nya lawatan itu menghabiskan masa sahaja. Pada pendapat saya, lawatan Yang Berhormat Menteri kacherok rantau itu bukan-lah menghabiskan masa, tetapi menghabiskan modal petualang² politik, Tuan Pengerusi, yang sentiasa hendak menggunakan masaalah pelajaran ini sa-bagai modal mereka. Sunggoh pun saya memberi sokongan yang penoh pada Anggaran Belanjawan Kementerian Pelajaran ini, tetapi suka-lah saya hendak

menyentuh sedikit mengenai Kepala kechil 20, muka surat 213—Biasiswa.

Saya bukan-lah hendak menegor atau mempersoalkan jumlah biasiswa itu. Saya memang sedar bahawa jumlah biasiswa itu telah mendapat perhatian istimewa dan angka-nya telah dinaikkan dari sa-tahun ka-satahun. Tetapi yang kita dapati dalam Budget kita pada tahun ini, Tuan Pengerusi, dalam Dewan yang mulia ini, saya suka-lah hendak menyampaikan ucapan terima kaseh ibu bapa, khas-nya dari kawasan saya, kapada Kementerian Pelajaran yang telah berusaha memberi bantuan kapada murid² yang miskin.

Apa yang saya hendak sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, ia-lah chara² memberikan biasiswa tingkatan Persekutuan. Saya selalu mendapat rungutan dari ibu bapa pada tahun yang lalu, saya mengatakan, bahawa pemberian biasiswa ini tidak begitu lichin. Saya telah bertanya² dalam perkara ini dan saya dapati tidak ada satu saloran khas mengenai pemberian biasiswa ini. Begitu juga dengan kemasokan anak² ka-universiti, kadang²-nya sa-saorang anak itu telah dapat biasiswa, tetapi tidak dapat tempat di-universiti dan kadang²-nya mendapat tempat di-universiti, tetapi tidak dapat biasiswa. Ini-lah yang selalu menimbulkan kesusahan kapada orang² kampung. Pada pendapat saya, ada elok-nya pemberian biasiswa² Persekutuan ini di-tanggung-jawabkan khas kapada Kementerian Pelajaran. Satu lembaga khas patut-lah di-tubuhkan dalam Kementerian Pelajaran yang hanya bertanggung-jawab mengenai biasiswa² ini, sama ada yang hendak menjadi doktor, guru, jurutera dan sa-bagai-nya. Apa yang saya dapat tahu, sama-ada betul atau pun tidak saya berharap Yang Berhormat Menteri akan membetulkan saya, pemberian biasiswa sekarang ini di-tanggung-jawabkan kapada berbagai² Jabatan mithal-nya, Pejabat Perjawatan Persekutuan, Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam dan Kementerian Pelajaran, dalam mana masing² memberikan biasiswa kapada jurusan ilmu yang tertentu. Saya fikir ini sangat-lah menyusahkan anak² kita.

Tuan Pengerusi, jikalau sa-buah lembaga yang saya kata tadi di-tubuhkan yang bulat² di-bawah arahan Kementerian Pelajaran, dengan Menteri-nya sendiri menjadi Pengerusi-nya, maka saya fikir kerumitan mengenai pemberian biasiswa ini, tidak akan terbit lagi. Rengkas-nya, saya maksudkan Kementerian Pelajaran hendak-lah membentok satu lembaga khas yang mempunyai kuasa penoh untuk menyelenggarakan semua biasiswa, sama ada mahasiswa itu mengambil bahagian dalam pelajaran M.C.S., doktor, jurutera dan sa-bagai-nya. Saya juga mendapat tahu, mulai tahun ini chara inilah juga di-jalankan di-perengkat² Negeri dalam mana Menteri² Besar-nya sendiri menjadi Pengerusi Lembaga Biasiswa ini. Saya fikir ini-lah jalan yang sa-baik² kewajipan sa-orang Menteri mengetuai Lembaga Biasiswa itu, maka hasil-nya sudah tentu akan memuaskan kerana sa-orang Menteri itu ada-lah wakil ra'ayat sendiri.

Tuan Pengerusi, akhir-nya sa-kali lagi saya menguchapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang sedang giat memainkan peranan-nya untuk melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan kita yang bertujuan hendak membentok satu rupa bangsa yang mempunyai ta'at setia yang tidak berbelah bagi ia-itu Malaysia. Terima kaseh.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, oleh kerana masa terbatas, maka saya hendak berchakap sedikit berhubung dengan perkara S. 18, muka surat 200, Butiran (597) ia-itu berhubung dengan perkara Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Trengganu. Kenyataan telah menunjokkan—dan ada document saya—bahawa Ketua Pegawai Pelajaran ini telah melakukan satu perkara yang akan menimbulkan pergaduhan kaum dalam negeri ini, sebab itu-lah saya rasa perlu saya sampaikan perkara ini di-dalam Rumah yang mulia ini dan saya tidak ingin bahawa berlaku-nya pergaduhan kaum bagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, saya meminta izin membacha surat daripada Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Trengganu yang

telah di-hadapkan kepada guru ini. Di-atas kepala surat itu dia berkata: Berkelakuan biadab:

"Ada-lah di-arah mema'alomkan ia-itu dengan ini di-beri amaran kerana mengambil bahagian dan berkelakuan biadab di-dalam masa sokan tahunan Sekolah² Rendah seluruh Trengganu yang telah di-adakan di-padang Sekolah Pusat Chabang Tiga, Kuala Trengganu, pada 23hb Julai, 1965, dan tindakan yang tegas atau pun disciplinary action akan di-jalankan atas tuan, sa-kira-nya berlaku lagi. Amaran yang di-beri ini akan di-chatitkan di-dalam Buku Perkhidmatan Jawatan tuan."

Bagitu-lah bunyi surat yang menggunakan perkataan biadab dari sa-orang Ketua Pegawai Pelajaran yang bukan Melayu terhadap guru Melayu. Ini-lah yang saya katakan dan guru itu mengatakan, ibu bapa-nya tidak pernah menggunakan perkataan biadab yang sa-macham itu terhadap-nya.

Sa-sudah itu, Tuan Pengerusi, saya yakin dan perchaya, bahawa soal ini telah pun di-sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan mungkin Menteri Pelajaran telah menggunakan jasa baik-nya dan mengarahkan pula kepada Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Trengganu itu supaya menarek balek chakapan biadab-nya itu dan nampak-nya telah pun di-tarek balek, tetapi mendukachitakan kita, Tuan Pengerusi, sa-sudah di-tarek balek itu, maka di-ambil tindakan lain pula terhadap guru itu, tidak puas lagi Ketua Pegawai Pelajaran itu, langsung di-buat pertukaran mengejut guru itu ka-satu daerah yang lain dari barat Besut sampai ka-timor. Tidak chukup dengan itu lagi, Tuan Pengerusi, langsung di-adukan apa yang saya di-fahamkan, di-reportkan-nya kepada Polis mengatakan guru ini hendak memukul—ini pun tindakan tegas terhadap guru itu. Jadi, Tuan Pengerusi, besar-lah harapan saya kepada Menteri Pelajaran mengambil perhatian yang berat di-dalam soal ini supaya tidak akan berjangkit kepada orang² lain lagi dan tidak akan berpanjangan masaalah ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian di-muka 213, Pechahan-kepala 18—Bulan Bahasa Kebangsaan. Berhubung dengan

perkara Bulan Bahasa Kebangsaan ini nampak-nya, Tuan Pengerusi, pada tahun yang lepas telah di-belanjakan sa-banyak \$88,700 dan pada tahun yang akan datang akan di-belanjakan sa-banyak \$75,700. Apa yang saya suka mengeshorkan di-dalam Rumah yang mulia ini, Tuan Pengerusi, nampak-nya soal bahasa kebangsaan ini telah-lah terang dan nyata, umum telah mengetahui-nya, telah menyambut dan telah menentang. Jadi bila kita sudah dapati soal ini telah pun meliputi seluruh ra'ayat negeri ini, maka saya mengeshorkan supaya di-ubahkan chara² membelanjakan wang bagi Bulan Bahasa Kebangsaan ini, tidak lagi bagaimana chara lama mengadakan Majlis Sharahan begitu, bagini, dan menghabiskan wang itu dan sa-sudah itu entah apa hasil-nya kita pun tidak tahu-lah. Jadi apa yang saya suka mengeshorkan Tuan Pengerusi, wang ini di-tambah lagi ia-itu di-dalam masa Bulan Bahasa Kebangsaan yang akan datang ini hendak-lah sa-kurang²-nya di-belanjakan atau pun di-adakan peruntukan wang kerana mengadakan satu library atau pun Kutub Khanah Bulan Bahasa Kebangsaan, sa-kurang²-nya tiap² kepala negeri bagi seluruh Malaysia ini dan di-isikan dengan buku² Bahasa Kebangsaan untuk memberi keyakinan kepada ra'ayat negeri ini bahawa keseluruhan Kerajaan hendak menjalankan bahasa kebangsaan pada tahun 1967 ini. Sa-sudah itu, Tuan Pengerusi, di-adakan-lah satu chara sahaja ia-itu Pameran Buku² di-mana terdiri-nya bangunan kutub khanah tadi. Mungkin Menteri Pelajaran akan mengatakan bahawa kita tidak chukup duit. Ya! itu pun boleh di-jawab. Tetapi saya rasa kalau pehak Kerajaan boleh mengadakan Balai Raya di-tiap² kampung di-seluruh Malaysia ini, maka kenapa tidak boleh kita mengadakan sa-kurang²-nya satu kutub khanah di-tiap² kepala negeri di-seluruh Malaysia ini dan sa-lepas itu di-lanjutkan pula sa-kurang²-nya di-tiap² daerah di-seluruh Malaysia ini. Jadi soal ini, Tuan Pengerusi, saya rasa ada-lah soal penting untuk memberi keyakinan kepada seluruh ra'ayat di-Malaysia ini bahawa Bahasa Kebangsaan akan digunakan pada bulan Ogos, 1967, ini.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya fahamkan bahawa soal bahasa kebangsaan ini maseh ada mempunyai satu Jawatan-kuasa Bertindak Bulan Bahasa Kebangsaan yang mempunyai kuasa untuk membuat persediaan untuk membuat kelengkapan untuk menyambut, merasmi dan menjalankan bahasa kebangsaan pada tahun 1967 ini. Suka-lah saya menyatakan bahawa peruntukan patut di-adakan untuk Jawatan-kuasa Bahasa Kebangsaan dari sekarang ini sebab tahun 1966 tahun 1967 hanya sa-tahun lebeh sahaja lagi masa-nya. Jadi sudah sampai-lah masa-nya membuat persediaan dan kelengkapan di-dalam menghadapi bahasa kebangsaan ini.

Tuan Pengerusi, saya beraleh pula kepada Pechahan-kepala 20—Biasiswa. Banyak Ahli daripada Kerajaan telah pun berchakap dan menyentoh dalam butir ini dan juga suka hendak menyentoh sedikit ia-itu berhubung dengan perkara penyelewengan. Borang² untuk di-sampaikan kepada murid² atau kanak² yang patut dan mempunyai syarat yang chukup untuk mendapat biasiswa ini terlepas, kerana apa yang saya tahu di-Besut, di-tempat saya Guru Besar itu dia simpan dalam lachi sahaja, dan ibu bapa kanak² itu tidak tahu di-mana hendak di-chari-nya borang atau pun "form" ini. Bila habis tempoh-nya, ibu bapa pun sudah sedar sekarang ini anak-nya boleh mendapat hadiah pelajaran, atau pun biasiswa ini langsung-lah di-bahagi-nya borang, itu tetapi masa, atau pun tempoh-nya telah habis. Jadi apa yang saya suka mengeshorkan kepada Menteri Pelajaran supaya di-buat satu siaran kursus kepada Jema'ah Pengurus di-seluruh sekolah di-Malaysia ini supaya soal borang ini di-ketahui betul² oleh ibu bapa dan kanak² yang patut mendapat borang dan patut mendapat biasiswa itu supaya, tidak lagi berlaku sa-bagaimana yang saya katakan tadi tempoh telah habis baharu-lah keluar borang itu. Jadi kalau macham ini maseh berpanjangan lagi, maka saya yakin dan perchaya-lah kanak² yang tinggal di-luar bandar, walau pun mereka telah dapat dan patut mendapat hadiah pelajaran ini, tetapi

dengan pengkhianatan dan penyelewengan yang sa-macham itu, mereka tinggal-lah terbiar tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka

Mr Chairman: Panjang lagi?

Enche' Mohd. Daud bin Abdul

Samad: Tidak, Tuan Pengerusi. Jadi, Tuan Pengerusi, soal ini boleh barangkali sa-tengah orang mengatakan soal kechil, tetapi kepada saya, saya tidak pandang soal kechil sebab terputus-nya kanak² yang pelajaran dan otak-nya baik itu bagi melanjutkan pelajaran. Jadi kalau kita sediakan banyak hadiah pelajaran, tetapi kalau borang ini tidak boleh dapat, maka sia² sahaja. Dan saya suka memberi terima kaseh-lah kepada Menteri Pelajaran kerana telah menambahkan Biasiswa Kechil Persekutuan daripada \$1,100,000 jadi \$1,200,000 sa-bagaimana pernah saya mengatakan di-dalam Rumah yang mulia ini pada tahun yang lepas, kalau di-sediakan hadiah pelajaran peringkat tinggi, mithal-nya, di-peringkat persedian ka-Universiti, tetapi soal hadiah pelajaran kechil ini tidak di-tambah dan tidak di-banyakkan, maka kanak² yang dari bawah ini tidak sampai kepada tempat yang di-tunggu-nya itu, maka itu juga tidak akan dapat menambatkan kanak² dalam negeri ini daripada mendapat pelajaran tinggi.

Tuan Pengerusi, saya juga suka berchakap, yang akhir sa-kali, berhubung dengan Pechahan-kepala 27, muka surat 213 juga, ia-itu berhubung dengan perkara Universiti. Tadi, ada sa-orang daripada pehak Kerajaan telah gadohkan kepada penuntut² Universiti, konon-nya menchampori soal politik, tetapi saya rasa sa-bagai gulungan bijak pandai dalam negeri ini yang di-aku² oleh Kerajaan, oleh dunia, ia-lah penuntut² Universiti. Maka sa-harus-nya-lah, mereka itu patut mengambil tahu soal perkembangan politik di-dalam negeri ini, soal perbelanjaan dan soal hasil mahshul di-dalam negeri ini. Jadi, kalau soal ini di-bekukan begitu sahaja, maka saya yakin dan perchaya-lah penuntut Universiti ini akan mendapat ilmu, tetapi keadaan moral, jiwa semangat-nya tidak, berubah. Kita yakin dan perchaya, Tuan Pengerusi, kalau sa-lagi moral jiwa dan semangat

penuntut² dan bangsa kita di-dalam Malaysia ini berubah, maka bagaimana banyak sa-kali pun perbelanjaan yang akan di-belanjakan oleh pehak Kerajaan atau pun oleh pehak Kementerian Pelajaran ini, tetapi keadaan ekonomi dan pelajaran di-Malaysia ini tidak akan berubah. Sekian-lah, terima kaseh.

Mr Chairman: Nanti dahulu, ahli perempuan tadi ada na' berchakap. Saya na' bertanya perempuan ini dahulu, saya tadi nampak ada yang angkat tangan, tidak?—Ah tidak!

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala

Kangsar): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit di-dalam perbahathan yang di-hadapan kita ini, kerana saya ada mengingatkan ia-itu masa kita sudah lanjut dan akan larut, maka saya suka-lah memperjimatkan masa itu dengan sa-daya upaya saya, dan saya menyentoh chuma perkara yang bersangkutan dengan buku² atau pun butir²-nya sahaja. Saya suka menguchapkan tahniah kepada Kerajaan dan sa-terus-nya kepada Menteri Pelajaran, kerana menyediakan belanjawan yang di-hadapan kita pada hari ini, dan menyokong-nya dengan saratus peratus, tetapi saya suka memberikan sedikit pandangan di-atas beberapa perkara yang saya dapati terchatit di-dalam S. 19 ini, ia-itu pada muka 212 sa-hingga-lah sa-terus-nya kepada muka 213 sampai kepada bahagian universiti.

Saya ta' berapa faham ia-itu apakah pemberian, atau pun yang di-katakan di-sini, Lain² Perbelanjaan yang Berulang Tiap² Tahun yang ada di-muka 212 ini, ada-kah atau tidak ini berma'ana wang² ini akan di-belanjakan, mendirikan sekolah² yang baharu, atau pun menyelenggarakan perjalanan sekolah² yang maseh ada, kerana saya tengok di-sini ia-itu Pemberian kepada Sekolah² Rendah berjumlah \$169 juta, ada-lah satu bahagian yang lebih daripada Sekolah Menengah yang berkehendakkan chuma \$60 juta, dan sekolah menengah berasrama \$2,600,000 dan sa-terus-nya. Kalau kita bandingkan ada-lah pemberian² ini, barangkali maksud-nya tidak sama. Keseluruhan-nya

dengan tujuan hendak mendirikan sekolah² baharu atau pun tidak itu mesti-lah di-terangkan, kerana saya berasa ia-itu sangat-lah penting, kerana budak² yang hendak masuk sekolah pada tiap² tahun yang chukup umur, nampak-nya di-dalam negeri kita ini, sunggoh pun Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengetuakan satu Jawatan-kuasa pada meranchangkan keluarga, tetapi masa-nya berjalan belum lagi nampak berkesan sangat dan maseh banyak lagi kanak² itu hendak masuk sekolah pada tiap² tahun, dan sekolah maseh juga ta' chukup. Maka saya perchaya di-dalam ucapan menjawab-nya kelak, saya akan dapat-lah penerangan-nya yang di-kehendaki.

Pada muka 213 di-dalam Pechahan Kepala 17, ia-itu berkenaan dengan Maktab Islam. Pada tahun yang lalu, kalau ta' silap saya, rasa-nya kita telah membenarkan wang peruntukan bagi maktab² ini berjumlah \$2,500,000 untuk bangunan dan kemudian daripada itu kita juga telah memberi \$200,000 untuk menyelenggarakan maktab itu. Dan kita juga faham ia-itu ada-lah Maktab Islam ini ia-lah satu bahagian daripada universiti kita. Jadi, nampak-nya pada hari ini Maktab Islam dapat peruntukan yang berlainan daripada peruntukan yang di-sa-belahkan bagi universiti.

Jadi sa-lepas dan sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengemukakan satu perkara yang telah di-pandang berat dan di-titek berat oleh Kerajaan sendiri ia-itu di-sekolah² menengah yang ada sekarang ini, ia-itu jurusan sains, hendak-lah di-beri kepentingan dan tempat keistimewaan yang lebeh bagi menggalakkan anak² kita mengambil bahagian di-dalam jurusan sains, dan saya juga mengerti dan faham ia-itu banyak di-sekolah² menengah yang bertaboran di-seluruh negara kita, ada menjalankan kerja² itu, kerana ini-lah satu daripada kepentingan negara kita berkehendakkan anak² kita yang mengambil sains ia-itu yang mereka itu boleh, pada akhir-nya, mengambil jurusan menjadi doktor, menjadi loyar, menjadi engineer, menjadi begitu bagini, yang di-kehendaki banyak lagi pada masa yang akan datang di-dalam pembangunan negara kita, tetapi

malang-nya banyak daripada sekolah² menengah yang ada memberi titek berat kapada jurusan sains ini tidak mempunya kelengkapan yang chukup di-dalam menyelenggarakan kerja itu, ia-itu ma'amal dan juga segala perkakas² alat²-nya tidak menchukupi, banyak tempat, dan saya harap ia-itu perkara ini akan di-ambil berat oleh Yang Berhormat Menteri, dan kalau sa-kira-nya kita berkehendakkan murid² di-sekolah kita mengambil sains, pertama-nya hendak di-adakan tempat-nya, laboratories, yang kedua-nya perkakas, alat-nya, yang ketiga-nya guru. Maka di-dalam ketiga² perkara ini, saya dapati kekurangan, bukan sahaja di-tempat saya, tetapi juga pada keselurohan-nya.

Saya juga mengambil peluang di-sini menguchapkan tahniah, kerana biasiswa atau peruntukan biasiswa telah di-naikkan pada tahun ini, kerana pada tahun² yang sudah², saya berasa ia-itu biasiswa yang telah di-bagi itu tidak menchukupi dan di-sini juga walau sa-kali pun banyak daripada murid² di-sekolah² kita telah mendapat pertolongan dengan saloran biasiswa ini, saya harap ia-itu budak² yang miskin daripada kampong² yang berotak baik akan mendapat lebeh layanan daripada masa yang sudah². Dan pertama kali-nya saya perhatikan di-sini ia-itu di-dalam Pechahan Kepala 22—Biasiswa dan Hadiah Bantuan Latehan untuk Guru dan Pentadbir Pelajaran. Tadi, kalau ta' silap saya, Ahli Yang Berhormat daripada Dato Kramat mengatakan marilah kita satukan tangga-gaji guru² ini semua kerana kerja-nya yang sama, bukan-nya fasal kerana kebolehan-nya dapat degree atau pun dapat ijazah yang lebeh tinggi daripada orang yang lain, menjadikan dia itu satu orang yang istimewa. Jadi di-sini kalau sa-kira-nya hadiah memberikan peluang bagi guru² ini mengambil ijazah yang lebeh tinggi, tentu-lah rasa saya, akan menimbulkan kesukaran hendak menyatukan tingkatan gaji itu kelak.

Sekarang bukan-nya maseh kita di-jajah dahulu—masa di-jajah dahulu, saya ingat ia-itu guru² yang ada ijazah yang tinggi tidak di-hiraukan, kerana dia orang Asia, kerana dia orang

Timor, tetapi orang kulit putih, walau pun tidak ada ijazah—gaji-nya tinggi, bukan sahaja dalam lapangan perguruan, bahkan di-dalam lapangan kedokteran sa-kali pun. Tetapi, hari ini kita merdeka, dan kalau sa-kiranya orang itu layak mendapat layanan yang lebih baik dengan sebab dia mendapat ijazah yang lebih tinggi, tentulah dia minta layanan itu. Jadi kalau kita hendak jadikan perkara tingkatan gaji itu di-samaratakan, tidak ada lagi-lah *incentive* kata orang putih atau daya utama atau pun di-pergalakkan untuk guru² ini mencari kebolehan yang lebih daripada yang biasa. Jadi, itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, per-chakapan saya, kerana masa sudah lanjut, dan saya chuma mengambil 10 minit. Terima kaseh.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, dapat-lah saya berchakap—tidak-lah saya hendak berchakap panjang, chuma satu sahaja S. 19 muka 212, Kepala 11—Bantuan kepada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat.

Tuan Pengerusi, mengikut per-untukan yang ada di-buku ini, tahun ini dan tahun hadapan chuma \$600,000 sahaja. Tuan Pengerusi, \$600,000 ini, rasa saya estimate ini amat-lah kecil memandangkan kepada keadaan Sekolah Ugama ra'ayat yang ada di-dalam negeri ini. Dengan sebab ini, Tuan Pengerusi, saya suka-lah bagi tahu kepada Dewan ini, terutama-nya kepada Menteri yang bersangkutan-paut, tolong-lah perhatikan dan menghati²kan apa yang telah di-sebutkan sama ada oleh pihak Parti Pembangkang atau pun pihak Kerajaan. Dalam segi Islam, Tuan Pengerusi, ada bunyi sebut macham ini: (dalam bahasa Arab), erti-nya, perhati dan kita telek-lah kepada perkataan orang yang berkata, dan kita ta' usah telek-lah kepada mereka yang berkata. Di-sini, kalau-lah kita amati perkara yang samacham ini, selesai-lah kita, sama ada apa yang telah di-pertunjokkan, yang telah di-perkatakan di-dalam Dewan ini daripada pihak Pembangkang, atau pihak Kerajaan, maka ada-lah bersama². Tuan Pengerusi, dengan sebab yang ada terchatit di-dalam buku ini, peruntukan-nya tidak menchukupi,

banyak-lah Sekolah² Ugama Islam Ra'ayat di-dalam negeri ini terpotong bantuan-nya. Di-dalam negeri Kelantan, banyak sekolah² tidak dapat di-bagi bantuan, begitu juga di-Kedah. Tetapi alasan² yang saya dapati dalam surat² khabar, umpama-nya *Utusan Melayu*, Tuan Pengerusi, mengatakan ada-lah Jawatan-kuasa² sekolah itu ada berpolitik. Tetapi, Tuan Pengerusi, dengan tegas-nya saya berkata di-dalam Dewan ini, di-dalam Negeri Kelantan, tidak saya mengaku semua sa-kali sekolah yang di-potong bantuan itu, tetapi sa-tengah². Kalau-lah Menteri Yang Berhormat itu suka mengikuti, bila sahaja dia pergi Kelantan, jemput-lah saya pergi ka-tempat sekolah² yang tertutup bantuan-nya itu, kerana politik-kah atau bukan-kah? Kadang² sekolah itu dudok dekat dengan rumah² councillor² yang di-pandang pihak councillor itu pihak parti Pembangkang, maka sekolah itu di-hilangkan bantuan-nya. Ini boleh saya tunjukkan.

Tuan Pengerusi, alasan ini patut, dan jangan di-ambil berat sangat. Dan selalu-lah pihak Kerajaan mengatakan Sekolah Ugama ta' boleh menggunakan politik. Ini pun ada-lah satu perkara yang suka saya sebut juga di-dalam Dewan ini. Selalu-lah pihak² Perikatan mengatakan ugama dan politik itu ada-lah lain. Tetapi, pihak kami yang telah menjalani dan mengikuti di-dalam segi ugama, maka politik dan ugama itu ada-lah satu. Tuan Pengerusi, suka saya menyebutkan bandingan kepada Dewan ini, kalau-lah kita pergi ka-kedai, hendak membeli gula, atau pun garam—yang saya ini minta beli garam satu kati, atau lima kati, tetapi masin itu jangan di-bagi kepada saya, adakah boleh, Tuan Pengerusi, macham ini? Tiga kati, hendak beli gula, tetapi manis jangan di-bagi kepada saya—ta' dapat, Tuan Pengerusi! Tuan Pengerusi, maka ini-lah yang suka saya sebut di-dalam Dewan ini. Kiranya kalau pihak Kerajaan hendak bantu kepada sekolah ugama, maka ta' usah-lah di-sebut²kan politik itu dan politik ini, kalau saya sudah bagi tahu. Dan keterangan chara hendak bagi tahu—masaalah politik, dan masaalah ugama itu ada-lah satu. Maka

di-dalam Dewan ini, tidak-lah begitu saya hendak beri lanjut. Tetapi kalau di-luar² Dewan, selalu saya bagi penerangan sampai satu dua jam dan di-situ boleh-lah hendak bersoal jawab—di-sini bukan tempat-nya, Tuan Pengerusi. Maka ini-lah saya suka bagi tahu dan saya mengingatkan kepada Menteri yang bersangkutan-paut supaya jangan jadi negara kita ini bunyi dengung-nya—bagus. Sa-bagaimana satu pepatah Arab berkata: (dalam bahasa Arab) erti-nya, “dengar-lah suara satu perempuan yang hitam—rupa-nya burok, maka lebih baik daripada kita tengok, daripada kita lihat—daripada kita pandang.” Jadi, ini-lah yang saya suka bagi tahu kepada Dewan ini supaya jangan jadi negara kita ini sa-bagaimana panton Arab yang berkata: (dalam bahasa Arab). Ini-lah, Tuan Pengerusi, yang saya suka bagi tahu berkenaan dengan perkara ini dan saya suka bagi tahu lagi kepada Menteri Yang Berhormat itu—kaji balek di-atas apa yang telah di-buangkan bantuan kepada sekolah² yang di-sebutkan itu. Dan patut peruntukan ini di-tambah. Dan sa-banyak mana-kah patut di-tambah—itu tidak-lah saya sebut di-sini, pehak Menteri itu tahu-lah memikirkan. Sekian-lah.

Mr Chairman: Dengan sebab Kementerian Pelajaran ini sangat mustahak dan ramai lagi saya nampak ahli² yang hendak berchakap—jadi saya sambong-lah hingga sampai pukul 12 dan pukul 4 nanti, Menteri Pelajaran akan meng-gulung segala² ucapan itu.

Enche' Abdul Ghani Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang berchakap juga. Pada mula-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap banyak dalam beberapa perkara yang saya nampak ada sa-tengah² yang tidak bersesuaian, saya dengar dalam Majlis ini, dan oleh sahabat² saya. Untuk memendekkan, atau pun menuju tepat kepada perkara yang saya hendak chakap ini, biar-lah saya ambil pendek sahaja—dalam tiga empat minit sahaja dalam perbahathan ini dalam hal yang saya hendak sebutkan.

Yang pertama, Pechahan-kepala 8. Saya tidak hendak membawa sa-mula kepada perbahathan yang kita sudah dengar sa-malam, tetapi saya suka mengatakan, kepada Kementerian ini, bahawa sa-tengah² daripada sekolah² yang lari, atau pun yang tidak mahu mendekati untuk menukarkan daripada Sekolah Private atau Sekolah Ber-sendirian kepada sekolah yang dapat bantuan daripada Kerajaan—ini, tidak lain, tidak bukan, contoh-nya ia-lah ada sa-gelintir manusia yang sedang menjalankan kerja² ini yang terusan². Saya dapat tahu ada-lah ini, kerana di-Melaka, terutama sa-kali dalam kawasan saya sendiri, tidak ada sekolah yang tidak menerima bantuan, tetapi dalam luar kawasan saya, ada lagi sa-buah sekolah yang belum lagi menerima bantuan ini. Puncha dan sebab yang kekeliruan ini boleh ber-bangkit, ia-lah di-masokkan oleh salah sa-orang yang mengambil kepentingan daripada hal² politik yang sa-bagai mana di-anuti oleh mereka. Dalam masaalah ini, saya sa-kali lagi meng-ingatkan kepada ra'ayat dalam negeri ini, bahawa makin lama, makin besar jurang yang kita hendak buat daripada perbezaan pendapat pelajaran, ini, tentu-lah merugikan anak chuchu kita juga pada masa akan datang.

Dan saya harap perkara ini akan dapat di-timbangkan oleh ibu bapa, terutama sa-kali anak-nya yang maseh belajar di-sekolah private yang saya nampak perbandingan mutu di-antara sekolah private dengan sekolah yang di-bantu oleh Kerajaan, jauh sama sa-kali. Mithal-nya, dalam masa kita hendak memilih guru², atau pun latehan guru yang baharu² ini saya berpeluang menjadi salah sa-orang daripada-nya, anak² daripada sekolah private ini apabila kita tengok kelulusan di-dalam bahasa kebangsaan-nya, mereka lulus tetapi apabila di-soal, berapa banyak negeri sahaja dalam Malaysia ini, di-jawab-nya sepuluh tiga, jadi sepuluh tiga itu ber-ma'ana dia hendak sebut tiga belas—itu tidak boleh lagi. Pada hal dia tamat dalam peperiksaan L.C.E. dan pass dalam bahasa kebangsaan-nya. Jadi saya nampak guru² pun di-sekolah ini patut-lah di-ambil guru

yang berkelayakan—yang lulus di-dalam latehan guru supaya anak² kita yang masok ka-sekolah private tidak teraniaya pada masa akan datang.

Oleh sebab saya telah sebutkan berkenaan dengan latehan guru, biar-lah saya masok kapada Pechahan-kepala 22. Saya nampak elok-lah pada masa akan datang, kerana menjadi guru ini ada-lah satu jenis kerja yang istimewa sadikit, saya harap Kementerian ini dapat menyediakan atoran untuk menjadi guru, hendak-lah tamat dalam bahasa Melayu, bukan sa-takat bahasa kebangsaan dia di-bolehkan masok menjadi sa-orang guru. Kerana kalau kita tengok dia tamat L.C.E., pass bahasa kebangsaan, dia tamat Sijil Seberang Laut dengan pangkat yang pertama, membolehkan dia menjadi guru, tetapi di-dalam bahasa kebangsaan kadang² kita hendak pandu dengan penamatan dia daripada L.C.E., dia langsung² tidak dapat kita hendak ikuti, ma'alum-lah pada masa akan datang, pendidekan ini bukan-lah tiap² guru yang telah berlateh itu dia mengajar khas bahagian atau pun jenis keturunan sahaja, tetapi dia akan menghadapi berbagai jenis anak² yang berbagai keturunan, dia terpaksa di-mastikan layak dalam bahasa kebangsaan pada masa akan datang. Jadi saya harap dalam hal ini dapat-lah Kementerian ini menyemak balek darihal yang saya sebutkan tadi.

Kemudian Pechahan-kepala 9—Pemberian untuk Pengajaran Ugama di-Sekolah Rendah, mithal-nya, Sekolah Menengah yang di-Bantu. Oleh sebab perkara mendapatkan guru ugama ini, satu perkara yang termesti pada masa akan datang, saya harap shor, atau pun fikiran yang hendak di-jalankan oleh Kementerian ini patut-lah di-laksanakan sa-chepat mungkin ia-itu melateh terus guru² ugama ini menjadi sa-bagai guru yang terlateh. Jadi bukan-lah sa-bagai hari ini di-lateh dia pada hujung² minggu yang dia dapat minggu ini satu dan barangkali minggu akan datang lagi satu, jadi perkara ini tentu-lah tidak kita dapat bukti yang baik dalam hal bidang pendidekan.

Jadi yang akhir-nya, ini saya rasa, saya hendak merayu-lah sadikit bagi

pehak sahabat² saya guru yang tidak terlateh sama sa-kali. Saya dengar pendapat² dan sampai hari ini saya hendak ulang chakap² sahabat² saya yang tidak terlateh ia-itu guru preman—untrained. Saya sa-bagai sa-orang guru kata-nya, saya hendak hidup sa-bagai guru, saya hendak berchampur orang sa-bagai sa-orang guru. Saya hendakkan pelajaran pun sa-bagai sa-orang guru juga, tetapi apa hal bila saya mengajar hal² kesihatan, makan-lah benda² yang baik² mithal-nya, tetapi semua-nya tidak terdaya oleh mereka kerana pendapatan-nya terlalu kechil walau pun tiga kali pertukaran gaji yang telah di-dapati oleh guru² lain. Guru preman yang saya sebutkan tadi sampai sekarang maseh hanya menerima sa-tinggi \$194.50 pada hal kalau itu-lah gaji mereka sa-telah mereka bekerja salama 18 tahun atau pun 19 tahun yang ada mempunyai tanggungan yang banyak. Saya tahu di-dalam dasar kita tidak-lah berkehendakkan guru² yang tidak terlateh dan saya bersetuju perkara ini, tetapi oleh sebab mereka ini sudah menjadi guru pada masa sa-belum perang dan sekarang maseh mengajar dengan tanggong-jawab yang sama dan oleh sebab umur mereka sekarang hetong panjang 40 tahun ka-atas hendak di-sharatkan kapada pepereksaan, hendak di-sharatkan kapada hal² yang lain, tentu-lah saya rasa susah sadikit dan guru² ini harus tidak sampai 200 orang lagi atau 300 orang lagi dalam Malaysia ini dan patut-lah di-timbangkan agak sesuai-lah mereka ini hidup dan dia hendak mengajar lagi kalau umur 42 sekarang sa-kurang² ada yang 13 tahun lagi zaman-nya di-dalam guru. Jadi dalam masa 13 tahun kalau gaji \$194.50 sahaja, ini tentu-lah Yang Berhormat Menteri akan bersama² dengan saya hendak menimbangkan sa-chara khas untuk di-ubah jadi \$250.00 atau berapa-kah untuk penghabisan mereka ini dapat, biar mereka hidup dan menjalankan tugas-nya dengan sempurna. Jadi itu sahaja-lah yang saya hendak berchakap. Yang lain saya memang menyokong penoh atas segala yang di-uchapkan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari samalam, terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Alhamdulillah saya dapat peluang, Tuan Pengerusi! Saya hendak berchakap satu perkara sahaja ia-itu pertama berkenaan dengan Dewan Bahasa dalam muka surat 213 Pechahan-kepala 26. Dewan Bahasa ini, Tuan Pengerusi, di-dirikan betul² untuk menolong Kementerian Pelajaran ia-itu di-tubuhkan sa-bagai satu perbadanan menurut Undang² Pelajaran No. 25 Tahun 1959. Tetapi, Tuan Pengerusi, sa-hingga sekarang ini Dewan Bahasa ini belum dapat menolong atau pun menunjukkan kesungguhan-nya menolong Kementerian Pelajaran di-dalam masaalah menyediakan buku² text—Textbook—buku² sekolah. Saya tidak menyatakan yang Dewan ini tidak membuat apa² pun, tetapi sa-patut-nya Dewan ini sudah boleh membuat lebeh banyak daripada itu sebab dia tidak-lah di-tubuhkan dengan maksud samata² dengan meninggikan bahasa, tetapi di-tubuhkan di-bawah Undang² Pelajaran; saya rasa tugas-nya lebeh hampir kepada Kementerian Pelajaran.

Lagi satu perkara yang bersangkutan dengan-nya, Tuan Pengerusi, nampak-nya Dewan Bahasa kita sekarang sudah maju, tetapi penerbitan-nya itu tertumpu kepada buku² novel sahaja yang sekarang ini nampak-nya sudah di-bolot oleh satu company Far East Company di-Petaling Jaya itu dan akhir-nya saya bimbang Dewan Bahasa dan Pustaka itu akan menjadi satellite atau menjadi ekoran kepada kompani itu. Saya bimbang perkara ini, Menteri kita pun patut-lah mengambil perhatian sangat, sebab Menteri kita ini ada tiga Setia-usaha-nya ia-itu Setia-usaha Tetap, Political Secretary dan Setia-usaha Khas—ada tiga setia-usaha, jadi patut-lah di-perhatikan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun ia-itu berkenaan dengan Sekolah Lanjutan, ada di-sini hendak di-potong ia-itu Sekolah Lanjutan Kampong Pechahan-kepala 10, muka 212, Pechahan-kepala ini di-pindahkan kepada Pechahan-kepala 2, Tuan Pengerusi. Tahun sudah, saya boleh katakan bergaduh-lah sedikit dengan Menteri ini berkenaan dengan

Sekolah Lanjutan, tetapi Sekolah Lanjutan ini, Tuan Pengerusi, ada dua, satu Sekolah Lanjutan sahaja, satu lagi Lanjutan Kampong. Lanjutan Kampong ini dia merupakan Trade School, tetapi yang ini pun hendak di-hapuskan, hendak di-bawa masuk ka-dalam Pechahan-kepala 2 yang saya tidak tahu berapa peruntokan yang sa-benar-nya, dan ini-lah yang dapat memberi faedah kepada anak² Melayu di-kampong, tetapi ini hendak di-pusingkan masuk dalam Pechahan-kepala 2, apabila masuk Pechahan-kepala 2, sudah menjadi masuk ka-dalam laut. Saya tidak tahu berapa peruntokan-nya. Betul kita nampak di-sini \$47,000,000 tahun sudah, sekarang \$60,000,000 tetapi kita tidak tahu berapa yang di-untokkan kepada Sekolah Lanjutan itu. Dan kalau inilah erti-nya chara yang di-buat oleh Menteri itu, saya rasa, memberi kesan sangat kepada orang² kampong dan ini akan merugikan Perikatan sendiri.

Tuan Pengerusi, akhir-nya, Yang Berhormat Menteri kita ada bersungut ia-itu dalam ucapan-nya ada pelajaran² music dan art. Saya mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya di-adakan betul² academic music dan academic culture di-negara kita ini. Jadi dengan demikian dapat-lah kita kembangkan music itu dan dapat-lah kita salorkan kebudayaan kita yang kita hendak ia-itu national culture, kerana Menteri Kebudayaan pun sa-malam berkata bahawa perkara² ini boleh-lah kita rujokkan kepada Kementerian² yang berkenaan. Saya harap Menteri kita ini berani membuat academic music dan academic culture sa-bagaimana dia berani selalu melawat ka-kawasan di-Kelantan itu.

Yang kechil sedikit, Tuan Pengerusi, ia-itu perkara Pechahan-kepala No. 8 ia-itu token \$10 yang di-bahathkan oleh Ahli dari Tanjong sa-malam, yang saya telah silap pengertian tentang nature amendment dia itu. Ini, Tuan Pengerusi, betul dari satu segi, kita mempertahankan pihak Kerajaan, tetapi di-sabalek itu, Tuan Pengerusi, sa-tahu saya ini amat-lah besar perkara ini, dan sebab itu-lah Kerajaan kita tidak berani membuat peruntokan.

Bila saya sebut tidak berani erti-nya takut, bila saya kata takut ada-lah pula orang challenge saya dalam Dewan ini, saya sa-orang sahaja, Tuan Pengerusi, hari ini, orang lain tidak ada, tetapi saya hendak berchakap juga—kalau Ahli dari Batu hendak tolong saya, dia ta'kan hendak tolong, dia Socialist Front

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Boleh tolong!

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Ini, Tuan Pengerusi, kita nampak Ahli dari Tanjong angle-nya lain, dia takut sekolah² ini di-ambil oleh Kementerian dan hilang-lah sifat² yang mereka itu sembunyi di-dalam sekolah itu. Tetapi yang saya tahu sekolah² ini bila dia menukarkan nama menjadi sekolah full aided, dia menggunakan juga di-sabelah petang untuk menjalankan syllabus dan curriculum-nya itu, jadi erti-nya dia mendapat perchuma tentang bangunan dan sa-belah petang-nya dia mengajar culture dia dan bermacam² lagi. Kalau ini berlaku, dan kalau ini benar, dan kalau ini di-persetujui oleh Menteri, saya men-chabar Menteri ini supaya memberi kebenaran kepada saya menggunakan bangunan² sekolah Kerajaan yang ada sekarang ini untuk saya hendak menjalankan culture² yang saya mahu, kalau betul-lah, kalau tidak betul, tidak payah jawab chabaran saya itu (*Ketawa*).

Berkenaan dengan Kolej Islam ia-itu Pechahan-kepala 17 dalam muka 213. Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya Kolej Islam ini bukan sa-bahagian daripada universiti. Saya pun ber-setuju-lah dengan Menteri kita memberi kewangan sa-banyak itu. Chuma Menteri kita patut-lah memberi penerangan lebih luas lagi, kerana perkataan Kolej Islam ini sudah memomokkan—orang menyangka ini sa-bahagian daripada universiti—tetapi bohong, ini bukan sa-bahagian universiti, yang ada Islamic Studies di-dalam universiti itu, yang Kolej Islam ini tidak ada kena-mengena. Jadi orang² kampung kita ingat, ini universiti. Kalau universiti ta'kan gaji mula-nya \$210.00 dan barang siapa start \$310.00 tidak naik langsung satu sen pun (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification, Mr Chairman, Sir. I wish to say that what the Honourable Member for Bachok says is the true position and I regret to say that the Member for Kuala Kangsar is wrong. He said that the Islamic College is an adjunct of the University of Malaya. I, as a member of the University Council of the University of Malaya, would say that what the Member for Bachok says is the correct position.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya pun Ahli Universiti Malaya sama dengan Ahli dari Batu. Kalau saya tahu, dia tentu-lah tahu, kalau dia tidak tahu, memang dia tidak betul sangat dalam perkara ini (*Ketawa*). Tetapi walau bagaimana sa-kali pun, Tuan Pengerusi, dengan ringkas-nya patut-lah kita tambah lagi peruntokan \$76,000 ini kerana tahun sudah pun \$76,000 juga. Sekarang ini pelajar² itu sudah bertambah dan apabila bertambah dia tentu-lah berkehendakkan bantuan yang lebih banyak lagi dan ini akan merengankan Kerajaan daripada mengadakan kolej latehan sendiri. Jika tidak Kerajaan terpaksa membuat satu kolej melateh guru² yang hendak mengajar di-sekolah² agama itu.

Tuan Pengerusi, saya tahu berkenaan dengan guru² atau pun latehan agama ini, sebab di-dalam Penyata Rahman Talib berkenaan dengan sekolah², latehan guru agama ini ialah keputusan daripada konggres yang saya sendiri menjadi Yang di-Pertua pada masa itu, tetapi oleh kerana Kerajaan hendak mengelakkan daripada membuat kolej ini, di-berilah bantuan kepada Kolej Islam dan bantuan kepada Kolej Islam sampai sekarang ini tidak payah di-buat kolej yang di-maksudkan itu, maka di-ambil sekarang ini guru² sementara yang gaji-nya \$160.00, kalau saya tidak salah, dengan elauu sama sa-kali mengajar sekolah menengah. Chuba-lah Menteri fikir, guru ini pun tidak pas sekolah menengah—how can he teach in the secondary school (*Ketawa*). Jadi, ini Tuan Pengerusi, kita nampak sa-kali betul² Kerajaan Perikatan ini hendak buat tipu kepada orang, hendak buat tipu, bukan buat lagi,

tetapi hendak buat tipu. Kerajaan membawa guru yang tidak pass ka-sekolah menengah suroh mengajar di-sekolah menengah. Jadi result-nya dia hendak sa-bagai sekolah menengah, macham mana benda itu boleh datang? Ini, Tuan Pengerusi, kalau kita tengok di-dalam Repot Jawatan-kuasa Menyemak Dasar Pelajaran Tahun 1960 amat-lah kita kesali ia-itu Kerajaan tidak dapat, bukan sahaja hendak membuat perkara² baharu, tetapi perkara² yang di-shorkan oleh Penyata Rahman Talib dan Razak Report itu pun banyak di-kesali oleh Penyata ini.

Berkaitan dengan Penyata ini, Tuan Pengerusi, ada satu Jema'ah Nazir Bebas, ini pun patut-lah Menteri kita membuat penyelesaian dengan chepat ia-itu terms of reference atau pun kuasa² yang kita beri kepada Jema'ah Pengelola Nazir Bebas ini, erti-nya dia boleh pergi dengan tidak terikat dengan arahan daripada Ketua Pelajaran Negeri, dan kadang² orang ini bertindak terlampau bebas dan kadang² tundok sangat sa-hingga ter-kadang² itu menjadi dua Kerajaan ia-itu Kerajaan Bebas dengan Kerajaan Menteri Pelajaran betul, sa-hingga sa-tengah² guru itu takut. Pada satu hari saya pergi ka-sabuah sekolah, saya tidak pakai badge Member of Parliament itu, sebab budak² selalu patahkan badge itu. Jadi bila saya sampai di-situ, guru² ini semua takut dan menggeletar, mereka ingat saya ini Nazir Bebas. Jadi, Tuan Pengerusi, betul ini menguntongkan guru², tetapi sa-hingga guru² itu takut begitu, mesti ada sa-suatu di-belakang itu, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Panjang lagi? Panjang benar nampak-nya.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Sadikit lagi, Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan Islamic Studies. Yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Islamic Studies. Mengikut Undang² Pelajaran kita ia-itu Section 49 mana² sekolah yang ada 15 murid² beragama Islam, hendak-lah di-ajar ugama Islam di-sekolah itu, tetapi di-dalam masa general knowledge—general knowledge ini, Tuan Pengerusi, bukan-lah menjadi syllabus,

general knowledge itu boleh di-ajar apa² jadi macham meraba.

Ini yang di-untokkan kapada Islamic Studies. Kemudian, Tuan Pengerusi, bagaimana kita hendak fikir dalam sekolah itu ada 15 orang murid, buat satu kelas, bukan dalam satu kelas 15 murid—dalam sekolah itu ada 15 orang murid, kita kata dalam sekolah itu ada 5 kelas. Jadi, kelas satu ada 3, kelas dua ada 3, sampai 5 kelas itu, jadi-lah 15 orang. Hendak di-ajar satu kelas, budak²-nya ada 5 kelas. Jadi, guru itu hendak mengajar macham mana? Dia terpaksa menyebut kadang² faseh, kadang² tidak. Kapada murid yang standard lima, dia kata pisang, kapada murid yang darjah satu, "chang" dia kata. Jadi, macham mana guru itu hendak menggunakan dayanya sa-bagai sa-orang guru? Ini pun tidak ada satu ubat yang di-buat, dan saya rasa ini-lah satu chara, satu perkara yang mesti di-perhatikan oleh Menteri kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, yang saya minta ia-lah yang pertama hendak-lah Kementerian Pelajaran kita ini mengadakan academy music dan academy kebudayaan dan yang ketiga hendak-lah ada satu sekolah latehan guru² ugama dengan tidak payah kita berharap sangat kapada Kolej Islam dan yang keempat hendak-lah di-siasat penggunaan sekolah² yang bukan sekolah kebangsaan yang meminta diri-nya menjadi sekolah bantuan penoh, apa-kah benar mereka itu menggunakan untuk satu pelajaran yang lain. Sekian, Tuan Pengerusi.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, since time is short, I shall be very brief. A large part of these estimates of \$300 million plus is spent on Personal Emoluments. Mr Chairman, Sir, I wish to bring to the notice of the Minister, not that he does not know, what the teachers in this country want. As he knows, a large number of the teachers in this country, particularly those in the primary schools, are women, and for years they have clamoured for equal pay with men, and two years ago, if I am not mistaken, the Government announced that this principle of equal pay for

women has been accepted by Government, but unfortunately, Mr Chairman, Sir, it has not been implemented.

Next, Mr Chairman, Sir, the Minister knows that under the U.T.S., the two main grouses of the teachers are housing and medical benefits. Time and again in this House, I have asked questions on these two benefits for the teachers in the U.T.S. The latest has been the reply from the Minister that the matter is a subject of negotiation in the National Joint Council of Teachers. Mr Chairman, Sir, it is typical of the Government to drag its feet, to hasten very slowly, on matters like this, which are of great importance to the teachers, and I must warn the Minister of Education and the Government that if they drag their feet too much longer you cannot blame the teachers, if they threaten industrial action and go on strike. If they go on strike, I will say the Government deserves it, because this matter of equal pay for women teachers and this matter of medical and housing benefits for teachers in the U.T.S. has been a matter that has been dragging on for years.

Mr Chairman, Sir, there is another matter that I wish to touch on, and that is the pay of religious teachers in Islam in this country. I have asked a question on this matter in this session, and the Minister of Education has adroitly avoided answering this question by saying that these teachers are employed by the State as indeed they are. But that is beside the point. If I remember rightly, the Minister once said, I think it was in Kelantan, that he proposes to take all these schools under his own wing. I wish to bring to his attention, if he does not know, that until very recently these religious teachers are the worst, and I repeat, the worst exploited class of the professional classes in this country. Perhaps the Honourable Minister and this House do not know that a woman religious teacher in this country starts on a lowly salary of \$47.50 per month. Now, Mr Chairman, Sir, I do not know whether the Honourable Minister knows how long can a woman, a

young woman at that, keep body and soul together on a \$47.50 salary and can you blame them if they lose their virtue? Sir, I hope the Honourable Minister will take over religious instruction under his Ministry and see to it that the religious teachers in this country are no longer exploited by the various State Governments and that they should be given a fair and just pay.

Mr Chairman, Sir, I wish to bring to the attention . . .

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): May I ask the Honourable Member whether he is suggesting that female religious teachers are trying to earn extra pay by other means than as teachers, just because they get \$47.50?

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I am not saying that. What I am trying to say is that no one, whether teacher or labourer can live, can keep body and soul together on a pay of \$47.50 a month, and I hope the Member for Kota Star Selatan agrees with me on that. I think we beam on the same wavelength on that matter.

I wish to bring to the attention of the Minister what I would label as an infringement of the autonomy of the University of Malaya. I refer to the honorary award of LL.D. that was given to the Prime Minister of South Korea. Mr Chairman, Sir, to cut a long story short, there was a call from the Prime Minister's Department to the Vice-Chancellor. On receipt of that call, the Vice-Chancellor, on the 15th September called a meeting of the Honorary Awards Committee to award an Honorary LL.D. to the said Prime Minister. Having made the decision to give the honorary award, with one abstention, the Vice-Chancellor then wrote to all the members of the University Senate, because, Mr Chairman, Sir, the giving of honorary awards is the prerogative to the Senate of the University. The Vice-Chancellor wrote on the 16th to the members of the Senate with copies to the members of the University

Council asking for their approval of the honorary award, and asking for a reply by the 17th and they were told, "If you cannot write back, then ring back". Mr Chairman, Sir, there are so many unsatisfactory features in this honorary award.

Mr Chairman, Sir, firstly, it is most improper of the Chancellor—and this did not come from the Chancellor, but in the name of the Chancellor, somebody from the Prime Minister's Department rang up the Vice-Chancellor—it is most improper of the Prime Minister's Department, or even of the Chancellor, who happens to be the Prime Minister of this country, to make a suggestion of giving an honorary award to anyone, because if that suggestion is made, then virtually it leaves the University with a Hobson's choice, it must comply, as in this case with the suggestion of someone from the Prime Minister's Department—perhaps, on the instruction of the Chancellor, who happens to be the Prime Minister.

The second point is this. Normally, Mr Chairman, Sir, when an honorary award is made, the full details of the candidate are made available to the Honorary Awards Committee and also to the University Senate. In this case, Mr Chairman, Sir, the Honorary Awards Committee was asked to make an honorary award on the person on a blank sheet of paper—no details of the said Prime Minister were given to the Honorary Awards Committee, or to the Senate. You can see how ridiculous the University was reduced to. They were asked to give an honorary award to a person of whom they did not have the foggiest idea—perhaps some of them did not know that "so-and-so" was the Prime Minister of South Korea. Now, Mr Chairman, Sir, that is definitely an infringement of the autonomy of the University of Malaya, and I do hope that the Honourable Minister of Education will see to it that the Government will not, any way in future, infringe upon the autonomy of the University of Malaya. Before that award, there was a statement by the

Government saying that it is customary for the Government to give awards to visiting Heads of Government. Yes, Mr Chairman, Sir, the Government can give any award it likes, but not the University. The University is not an adjunct of the Prime Minister's Department, and that press statement meant that the award was given by the Government. What right has the Prime Minister's Department, or even the Ministry of Education, to give honorary awards? Perhaps they can give bakshees to the faithfuls in the UMNO, but they cannot give honorary degrees. Honorary degrees are the prerogatives of the University Senate. I have here a whole pile of notes regarding the long discussion that took place in the Senate where some of the members very violently objected to this honorary award, and if the Honourable Minister wants to read, I can pass them on to him at some later stage.

Mr Chairman, Sir, I now come to something a little less controversial, that is, the cut in the vote for the University of Malaya. Now, in 1965 this year, the vote, I think, is \$11 million. For next year it is \$12.5 million. The Minister, airily in his speech, when introducing these estimates, says that we are going to give higher education to lots of people, but he forgot to tell this House that his Permanent Secretary has written a letter to the University Council saying that its application for next year has been reduced by \$2.8 million. I do not know whether the Minister is aware of this.

Enche' Mohamed Khir Johari: Sir, that is shown in the Development Estimates, for the information of the Honourable Member. That does not come in here.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I am afraid that the Honourable Minister has been misled.

Enche' Mohamed Khir Johari: That is on capital expenditure.

Dr Tan Chee Khoon: No, it is not on capital expenditure. It is on O.C.A.R. The Honourable Minister

better check up the facts before he contradicts me.

Enche' Mohamed Khir Johari: I know the facts.

Dr Tan Chee Khoon: The \$2.8 million cut is on the O.C.A.R., not on capital development. The University cannot talk of capital development, because the First Malaysian Development Plan has not been passed by this House. I would ask the Honourable Minister to inquire into this—the \$2.8 million is in regard to the request by the University of Malaya for their O.C.A.R. and O.C.S.E. for next year. Now, Mr Chairman, Sir, the Government presumably wants more and more people to go in for higher education. If you propose a cut of \$2.8 million—the process is taking place now, the University Council in consultation with the University Senate is in the process of deciding how to spread this cut of \$2.8 million—I must warn the Minister of Education that if the Government persists with this cut of \$2.8 million, then the University has got no alternative but to curtail drastically the intake of students for next year, and the blame must fairly fall on the Government. I do hope that after listening to me he would ask his backroom boys to give him the facts and, perhaps, restore this \$2.8 million.

Mr Chairman, Sir, I fully support all those people, who have been asking for scholarships, whether it is for the University of Malaya or for elsewhere. I only wish to bring to the attention of the Minister of Education this unsatisfactory way of awarding scholarships, particularly to the University of Malaya, even before the results of the Higher School Certificate Examination are known. I am told the Public Services Commission has already made known its awards for next year. Now, this places the University of Malaya in a very invidious position because, under the Constitution of the University of Malaya, the University is compelled to take in students, who have been given State or Federal scholarships or bursaries. Now, these

people, who have been given State or Federal bursaries need not necessarily be the best students in this country. Consequently, I do appeal to the Minister to *berhubong* with the P.S.C. that these awards should be made after the H.S.C. Examination results are known, after the students are graded for entrance by the University of Malaya—then on the basis of those gradings, you give your awards. That will save the University a great deal of headaches, because we find that some people who have been given scholarships grade right at the bottom and do not even get a place but because they have been given scholarships, or bursaries, the University of Malaya is compelled to take in such students.

Mr Chairman, Sir, I did bring to the attention of the Minister of Education the unsatisfactory manner in which candidates presenting themselves for examinations in this country are asked to write down their names on the examination papers and, if I remember rightly, the Minister gave me an assurance that he would look into this. It was about thirty years ago that I myself sat for those examinations. Then, I just wrote down the index number and nobody would know a thing about the candidate, but these days it is written quite clearly there—name, index number. Now, I have the fortunate, or unfortunate, experience of being a student about a few weeks ago, and I had to write my name down on the examination papers, Mr Chairman, Sir. How embarrassing it will be, Mr Chairman, Sir, if I had written a wretched answer and the examiners say, "Look here, this chap, supposed to be a Member of Parliament, writes such trash. Let us throw it into the waste-paper basket!" I prefer, Mr Chairman, Sir, to remain anonymous, so that whether I have written a good paper or a bad paper, will remain in my heart and not be published abroad or be known, at least, to one examiner. I commend this to the Minister of Education.

Mr Chairman, Sir, I finally come to this very small item on page 209 of

the Estimates on money spent on literature in Chinese and Tamil—it is written down here “Publication of Malaya Literature in Chinese and Tamil languages”—a token vote of \$10.00. If the Government is really sincere in giving equal treatment to other streams of education in this country, then, instead of a token vote, it should give a more realistic figure, so that the people in these streams of education can enjoy, or can learn, Malaysian literature that is being published in this country. Thank you, Sir.

Sitting suspended at 12.00 noon.

Sitting resumed at 4.05 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE SUPPLY (1966) BILL

Committee

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

Heads S. 18, S. 19 and S. 20—

Debate resumed.

The Minister of Education (Enche' Mohamed Khir Johari): Tuan Pengerusi, sa-belum saya chuba menjawab segala butir² buah fikiran yang telah terbit daripada bahathan berkenaan dengan belanjawan atas Kementerian Pelajaran ini, suka-lah saya terlebih dahulu menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah mengeluarkan berbagai² pendapat dan buah fikiran yang sangat berguna sa-bagai panduan kepada saya bagi menjalankan tugas di-dalam Kementerian ini. Suka juga saya mengambil peluang bagi menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada segala ucapan² tahniah yang telah di-sebutkan terhadap Kementerian ini oleh beberapa banyak di-antara Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap di-dalam bahathan ini. Segala ucapan tahniah itu saya pulangkan balek kepada pegawai² yang berkhidmat di-dalam Kementerian Pelajaran, baik pun di-Kuala Lumpur, atau kepada pegawai² daripada semua perengkat di-dalam daerah² dan juga Negeri² yang berkhid-

mat bagi menjayakan dasar pelajaran kita ini.

Saya sa-bagai Menteri, chuma bertanggung-jawab menjalankan tugas saya, orang yang bertanggung-jawab kepada Parlimen, dan juga kepada negara kita. Dan saya memberi pimpinan kepada mereka itu bagi menjalankan tugas masing². Dan saya dapati, mereka itu telah bekerja bersungguh² dengan penoh semangat, kerana mereka itu semua sedar bagaimana penting-nya pelajaran itu terhadap negara kita bagi masa hadapan. Jadi, dengan rengkas-nya segala kata² baik yang di-sebut oleh Ahli² Yang Berhormat itu, akan menjadi satu peransang yang besar kepada semua pegawai² yang berkhidmat di-dalam Kementerian ini. Dan saya berjanji kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian bahawa pada tahun hadapan, kita akan bekerja lebih giat, lebih kuat lagi dan lebih penoh semangat lagi demi kepentingan pelajaran anak² kita sakalian.

Sekarang ini, saya chuba menjawab, terlebih dahulu, perkara² yang saya agak penting yang di-chakapkan oleh banyak daripada Ahli² Yang Berhormat dalam bahathan ini. Satu daripada perkara yang telah di-sebutkan tadi, ialah berkenaan dengan biasiswa. Saperti mana tuan² semua, Ahli² Yang Berhormat, mengetahui peruntukan untuk biasiswa bagi tahun hadapan ia-lah lebih meningkat daripada peruntukan yang telah di-buat pada masa yang lalu. Ini ia-lah dengan sebab kita semua tahu berkenaan dengan hasrat anak² kita hendak mendapat pelajaran bukan sahaja di-tingkatan tinggi, bahkan di-Sekolah² Menengah terbit daripada segala tegoran² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat di-dalam masa bahathan untuk belanjawan bagi tahun 1965. Saya berjanji juga kepada Ahli² Yang Berhormat, sa-kira-nya saya dapati peruntukan ini tidak menchukupi, saya akan datang ka-Dewan ini untuk meminta tambahan wang bagi menjayakan chita² kita itu. Ada juga tegoran² bersangkut dengan chara² kita memberi biasiswa itu. Saya sendiri memberi pandangan yang istemewa dalam perkara biasiswa ini, kerana saya sendiri sedar bahawa ini-lah satu

jalan bagi kita dapat memberi pertolongan kepada anak² kita yang mempunyai bakat untuk mendapat pelajaran dan untuk membolehkan mereka itu memainkan peranan yang penting didalam negara kita pada masa yang akan datang. Dan di-atas shor² yang dibuat itu, saya akan timbangkan dengan teliti-nya, dan sa-berapa boleh saya akan menjalankan.

Satu daripada shor yang saya suka sebutkan ia-lah yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Krian Darat yang telah mengeshorkan supaya pehak Kementerian atau pun pehak Kerajaan menubuhkan satu Lembaga Khas untuk mengendalikan segala tanggung-jawab berkenaan dengan biasiswa ini. Saya agak shor itu ia-lah satu shor yang baik dan saya akan memberi pertimbangan yang halus terhadap shor itu, dan kalau dapat saya akan jalankan.

Satu perkara lagi yang di-sebutkan ia-lah berkenaan dengan politik di-kalangan pelajar² kita terutama sa-kali berkenaan dengan politik dengan pelajar² kita yang ada di-University. Memang menjadi dasar kita hendak menggalakkan pelajar² kita, terutama sa-kali yang ada di-dalam University, untuk mengambil berat, atau pun mengambil interest di-dalam politik, sa-bagai satu pelajaran atau pun puncha 'ilmu pengetahuan untuk mereka itu. Tetapi, kita memang tidak menggalakkan mereka itu mengambil bahagian yang active di-dalam parti politik. Dan memang menjadi satu daripada sharat bagi siapa juga pelajar yang mendapat biasiswa daripada Kerajaan, bahawa mereka itu tidak boleh membuat sa-suatu yang boleh mengganggu pelajaran mereka itu. Dan jika sa-kira-nya di-dapati mana² pelajar yang mendapat biasiswa melanggar peratoran itu, memang-lah mengikut perjanjian, kita boleh menarek balek scholarship, atau pun biasiswa yang diberikan kepada-nya. Tetapi pada 'am-nya saya katakan, boleh-lah di-katakan pelajar² dalam University kita dan juga dalam College² kita memang-lah, kalau di-bandingkan dengan pelajar² di-lain negeri, boleh di-katakan sangat terator dan berkelakuan baik. Dan jarang

benar kita dengan mereka itu membuat sa-suatu yang boleh menjatuhkan maruah negara kita, saperti yang kita telah dengar di-lain² tempat. Jadi, kadang² kita dapati satu dua perkara yang mereka itu buat, yang boleh jadi untuk melepaskan steam atau pun hawa panas yang ada pada mereka itu. Jadi kita tidak boleh, dengan sebab satu kejadian, katakan semua mereka itu membuat perkara² yang ta' baik.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang telah di-sebutkan, yang saya suka menjawab di-sini ia-lah berkenaan dengan peruntukan kepada Sekolah² Ugama Ra'ayat. Ahli Yang Berhormat daripada Melaka Selatan dan juga Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hulu telah menyebutkan perkara ini. Dan saya suka menjawab perkara ini, dengan sebab perkara ini ia-lah salah satu daripada perkara yang sangat dekat di-hati saya, memang menjadi tujuan dan hasrat saya sendiri untuk membuat sa-suatu perkara bagi membaiki lagi keadaan Sekolah² Ugama Ra'ayat di-dalam negara kita ini, dan oleh sebab itu-lah, saya sendiri telah membuat satu shor supaya sekolah² itu dapat di-ambil alih oleh Kementerian dan dapat di-susun samula sesuai dengan keadaan zaman dan juga dengan keadaan yang berlaku di-sekeliling pinggang kita dalam dunia ini. Tetapi perkara ini, oleh sebab perkara itu bersangkut-paut dengan kuasa² yang luar daripada kuasa saya sendiri, maka mungkin perkara ini akan mengambil masa. Tetapi, saya berharap pehak yang bertanggung-jawab di-atas perkara ini akan memandang berat di-atas perkara menyusun sa-mula Sekolah² Ugama Ra'ayat ini, dengan sebab saya sendiri berasa sedih, jikalau kita pandangkan bagaimana banyak-nya bilangan pemuda-pemudi kita dalam masa yang sangat baik—dalam formative years, kata bahasa Inggeris, ia-itu masa mereka maseh menjadi pemuda-pemudi lagi, mereka itu tidak dapat pelajaran yang sesuai yang boleh menjamin hidup mereka itu di-dalam zaman yang moden ini. Dan saya berharap, kalau kita dapat membuat, menyatu-padukan sekolah² ini, ini ia-lah satu jalan yang membuka sejarah baharu bagi pelajar² kita seluroh-nya.

Saya suka menyebut di-sini ia-itu tegoran daripada Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hulu yang telah mengatakan bahawa peruntokan sa-banyak \$600,000 itu tidak menchukupi. Saya ingat lagi perkara ini. Sa-masa menjadi Menteri Pelajaran dahulu, saya telah memulakan peruntokan ini buat kali yang pertama dalam sejarah negara kita. Pada masa itu peruntokan chuma \$60,000 sahaja di-waktu kita mulakan dahulu. Tetapi sekarang ini sudah naik menjadi \$600,000. Ini ia-lah satu bandingan yang sangat terang dan nyata yang menunjukkan bagaimana berat-nya Kerajaan memandang di-atas perkara membaiki keadaan sekolah² ugama. Tetapi saya perchaya, kalau kita hendak membaiki keadaan ini, bukan-lah memada² dengan kita mem-beri bantuan wang sahaja, bahkan apa yang penting ia-lah isi yang ada di-dalam sekolah² ugama itu. Ini-lah, pada fikiran saya penting—lebih pen-ting lagi daripada wang, kalau kita hendak bagi wang pun kepada sekolah² itu.

Ahli Yang Berhormat itu telah me-minta saya pergi melihat sendiri. Saya kata kepada Ahli Yang Berhormat itu, saya samemang suka hendak melihat kalau saya di-jemput oleh mana² sekolah untuk pergi melawat sekolah² itu. Tetapi saya takut, kadang² kalau saya pergi dengan tidak kena jemput, barangkali kena konfrantasi, atau pun dapat salah faham. Mithal-nya, kalau macham saya pergi melawat banyak kali di-Kelantan membuka sekolah pun orang gadoh juga. Ada juga sungutan, sungguh pun saya tidak ada di-sini, tetapi sampai ka-radio di-Bangkok di-sana. Saya mendapat tahu bahawa ada juga orang bersungut, mengatakan saya tidak ada kerja lain pergi ka-Kelantan membuka sampai satu hari tiga empat buah sekolah, tujuh, lapan buah sekolah satu hari. Ya! saya pergi bukan dengan sebab apa, dengan sebab saya pandang sama sahaja, di-mana juga—di-Kelantan, di-Trengganu, di-mana juga—kerana, saperti mana saya kata sa-malam, bahawa pelajaran ini-lah satu perkara yang sacred yang tidak sa-patut-nya mengetahui chorak politik. Makin sedikit kita bawakan perkara politik ka-dalam masaalah

pelajaran, makin elok untuk pelajaran dan juga untuk anak² kita.

Jadi, sungguh pun bagitu, saya berani berkata di-sini bahawa sungguh pun ada kemarahan tentang saya melawat di-Kelantan, saya berchadang hendak melihat lebeh banyak lagi untuk masa yang akan datang, dan saya berchadang juga untuk menchari lebeh banyak lagi wang hendak bagi kepada orang Kelantan untuk mereka itu mendapat kepandaian menchari cherdek supaya dapat perbezaan di-mana baik, di-mana yang tidak baik, di-mana bohong, di-mana tidak bo-hong, untuk kebajikan mereka itu khas-nya untuk pada masa yang akan datang. Dan dalam lawatan saya itu, saya dapat peluang untuk mengetahui sendiri bagaimana hasrat ibu bapa, bagaimana keadaan guru² kita dudok, bagaimana keadaan sekolah² itu sendiri untuk menjadi panduan dan nasihat kepada saya sendiri.

Satu perkara lagi yang telah di-sebutkan ita-lah berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya suka menerangkan di-sini, sungguh pun peruntokan wang untuk Dewan Bahasa pada tahun ini ia-lah kurang daripada masa yang lalu berkenaan dengan Bulan Bahasa Kebangsaan, tetapi ini tidak berma'ana bahawa segala usaha-nya akan di-kurangkan, bahkan kita akan menggiatkan lagi segala usaha kita untuk memajukan bahasa ke-bangsaan kita dan untuk mengeluarkan buku² yang berguna bagi anak² kita sendiri; dan di-sini juga saya telah mendengar ucapan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Bachok tadi yang telah menyebut bahawa nampak-nya Dewan Bahasa ini chuma ashek mengeluarkan buku² nobel sahaja. Saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa 80% dari-pada kerja² dan tugas² Dewan Bahasa itu ia-lah untuk mengeluarkan buku² taxt untuk sekolah² kita. Chuma yang 20% lagi ia-lah untuk buku² nobel yang sama juga penting untuk jasmani, untuk rohani, untuk menjadi bacaan kepada anak² kita sakalian. Jadi, di-sini suka-lah saya memadamkan tegor-an yang telah di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dan juga Ahli Yang Berhormat telah menyindir, kata-nya,

boleh jadi Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi satellite kepada sa-buah Sharikat Perchetakan di-Petaling Jaya. Ini ia-lah satu perkara yang tidak benar sama sa-kali, kerana segala kerja² chap mengechap buku² dalam Dewan Bahasa itu ia-lah di-jalankan mengikut saloran yang biasa ia-itu mengikut tender. Jadi, mana Sharikat Perchetakan yang dapat memberi tawaran yang boleh di-terima, maka tawaran-nya itu akan di-terima. Dan tidak kurang daripada 10 Sharikat Perchetakan yang mengambil bahagian di-dalam usaha² chetak menchetak buku² keluaran daripada Dewan Bahasa ini. Kalau ada pun mana² sharikat yang mendapat lebih daripada sharikat lain, ini bukanlah berma'ana ada favouritism dan sabagai-nya, tetapi ini berma'ana barangkali sharikat itu lebih lengkap, mithalnya, dalam soal litography, barangkali sharikat itu mempunyai alat² yang modern yang boleh mengeluarkan buku² dengan chepat dan baik mutunya.

Kemudian saya suka menjawab hujah yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat daripada Larut Utara berkenaan dengan mengechap Kertas Peperiksaan yang masa ini di-buat lagi di-England. Waktu kita mula mengadakan peperiksaan kita sendiri, kita memang mula hendak mengechap di-sini. Mula² sa-kali, kita chuba hendak chap di-sini, tetapi malang-nya kita sampai hari ini, kita telah chuba beberapa sharikat, tetapi mereka itu tidak sanggup dengan sebab perkara mengechapkan kertas² peperiksaan ini yang berjumlah beratus² ribu, satu perkara yang sangat sulit. Jadi, tidak-lah ada satu sharikat yang boleh menjamin keselamatan kertas² peperiksaan itu. Kita telah chuba juga daripada Penchetak Kerajaan kita, dia sendiri pun tidak dapat menjamin kepada kita membuat kerja itu dengan memuaskan. Jadi dengan sebab itu kita terpaksa menyambong usaha kita bagi mengechapkan kertas² pereksa di-luar negeri, sa-hingga kita mendapat satu jaminan daripada sharikat tempatan daripada segala segi-nya untuk kita berbuat demikian. Jadi suka-lah saya memberi pengakuan kepada Ahli Yang Berhormat itu kalau ada mana² sharikat atau

pun apabila sampai masa-nya yang Penchetak Kerajaan kita sendiri sanggup, kita akan mula mengechap kertas² peperiksaan itu di-sini.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan telah menyebut berkenaan dengan sa-beberapa boleh sekolah²—semua sekolah²—yang berlain bahawa penghantar-nya patut-lah, sa-beberapa yang boleh, kita kumpulkan di-satu tempat. Itu ia-lah satu usaha yang kita telah pun chuba menjalankan—sa-beberapa boleh kita menjalankan, kerana ini memang menjadi dasar Kementerian kita. Tetapi kerap kali-nya kita tidak dapat berbuat begitu, tidak dapat kita kumpulkan tiga buah jenis sekolah di-satu tempat dengan sebab soal tanah, soal lain² yang berbangkit dengan perkara itu. Tetapi saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu, ini ia-lah menjadi dasar dan akan di-jalankan sa-beberapa daya yang boleh. Dan berkenaan dengan pakaian seragam atau pun uniform untuk anak² sekolah, Ahli Yang Berhormat itu sendiri, saya harap, tentu-lah ingat saya sendiri telah membuat ucapan atas perkara itu. Saya pun sangat tertarik dengan apa yang telah di-jalankan di-lain² negeri yang saya telah melihat dan saya chuba pula hendak menjalankan di-sini. Sebab-nya yang saya hendak menjalankan barangkali tidak-lah begitu tepat dengan sebab yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya hendak menjalankan dasar satu pakaian seragam bagi seluroh negara kita ini dengan sebab soal ekonomi. Kalau kita, mithal-nya, sa-orang Pegawai Polis, umpama-nya, dia terpaksa tukar ka-lain tempat, dia ada enam orang anak, dia kalau dia pergi enam jenis sekolah, enam set uniform baharu dia kena buat. Jadi, dengan sebab ekonomi inilah saya chuba hendak menjalankan dasar ini. Dan saya telah mengishtiharkan bahawa mula² daripada tahun hadapan, kita akan jalankan dasar ini sa-chara voluntary—sa-chara sukarela—berma'ana kalau-lah di-satu² tempat itu, satu area itu dapat kita jalankan dasar itu, kita chuba jalankan, dan apabila popular idea ini, baharu-lah kita kembangkan bagi seluroh negara kita.

Kemudian juga Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan berkenaan dengan kita patut menghidupkan semangat kebangsaan dengan kita menggalakkan anak² murid kita menyanyi lagu² kebangsaan, lagu² yang menarek semangat. Perkara ini memang kita sudah pun buat, terutama sa-kali di-tempat yang ada Dewan sekolah itu.

Kerana, kalau tidak ada dewan, tidak boleh kita buat hari², oleh sebab hujan dan sa-bagai-nya. Tetapi pada tiap² minggu, satu hari mesti di-buat—tidak kurang daripada satu hari mesti di-buat perjumpaan yang sa-macam itu di-mana kita menggalakkan nya-nyian² sa-bagaimana “BERJAYA” dan sa-bagai-nya dan juga termasuk lagu² kebangsaan dan juga mendengar shara-han² yang boleh membawa mereka itu lebeh lagi “civic conscious” dan sa-bagai-nya.

Saya suka menjawab berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar, yang pertama sa-kali dia bertanya ada-kah “provision” yang di-buat untuk “grant” sekolah itu termasuk belanja untuk mendirikan sekolah² baharu. Ini tidak termasuk. Perkara mendirikan sekolah² itu akan di-masokkan dalam belanjawan “Development Estimates” yang akan kita bentangkan pada akhir bulan ini.

Berkenaan dengan kekurangan lengkapan bilek² sains, saya mengaku perkara ini, memang berlaku pada sa-tengah² tempat dan kita chuba sa-daya upaya yang boleh bagi melengkapkan segala bilek² sains kita dengan penoh lengkap-nya untuk memberi pelajaran yang sempurna kepada anak² kita.

Kemudian, Ahli Yang Berhormat daripada Melaka Utara, telah menyebutkan berkenaan dengan sharat² menjadi guru, berkenaan dengan bahasa Melayu dan sa-bagai-nya, berkenaan dengan “private schools” atau pun sekolah² private, harus di-sharatkan mengambil guru² yang terlateh. Perkara ini semua, saya mengambil ingatan untuk di-timbangkan.

Kemudian, Ahli Yang Berhormat daripada Bachok telah menyebut berkenaan dengan academy of arts atau

pun academy of music yang patut didirikan di-sini. Perkara ini memang juga sangat dekat di-hati saya. Saya telah pun membuat ucapan tentang hal ini, kerana saya perchaya sangat mustahak bagi kita mengadakan sa-buah sekolah untuk melateh anak² kita dalam seni music, seni² yang halus yang saperti mana yang di-buat oleh negeri² yang sudah moden, dan perkara ini sedang di-timbangkan oleh Jawatan-kuasa Pelajaran Tinggi ia-itu Higher Education Planning Committee yang saya sendiri menjadi Pengerusi-nya dan saya harap apabila Jawatan-kuasa itu sudah habis kerja-nya, laporan-nya akan di-sampaikan kepada Kabinet, boleh jadi dalam masa dua atau tiga bulan lagi dan harus perkara ini akan di-timbangkan. Bagitu juga dengan apa yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bachok berkenaan dengan gaji guru² ugama, bagitu juga di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu. Saya sendiri bersetuju berkenaan dengan tidak chukup-nya gaji guru² ugama, tetapi ini bukan-lah boleh saya terima, ta’ baik itu sendiri, kerana saperti mana Ahli Yang Berhormat sendiri telah mengaku, perkara ini ialah di-bawah jagaan Kerajaan² Negeri, dan saya sendiri telah mengeshorkan supaya kita lantek satu Jawatan-kuasa, yang mengandongi wakil² daripada Pejabat² Ugama dalam Negeri², supaya dapat kita meletakkan keadaan guru² ugama ini dalam satu scheme yang boleh memuaskan. Hari ini kita tengok, Kelantan satu scheme lain, di-Trengganu lain, di-Kedah lain, di-Perak lain, masing² dengan jalan masing² punya style. Jadi mengikut keadaan macham itu, sampai bila pun kita tidak boleh menyatu-padukan. Jadi saya telah mengeshorkan supaya dapat kita menyusun sa-mula perkara ini untuk memberi satu nyawa baharu, nafas baharu kepada guru² yang mengajar ugama di-sekolah² kita. Tetapi berkenaan dengan guru² yang berkhidmat yang mendapat gaji daripada Kementerian ia-itu guru² yang mengajar ugama di-sekolah² menengah, perkara ini sedang mendapat timbangan daripada pehak Kementerian sendiri dan kita akan chuba dengan sa-daya upaya yang

boleh untuk memberi mereka itu gaji yang sesuai dengan tanggong-jawab, dan juga sesuai dengan kelulusan akademik mereka itu.

Then, I come now to the Honourable Member for Dato Kramat. He spoke about the University College in Penang. The question of higher education is now in the hands of the Higher Education Planning Committee of which I am the Chairman, and no doubt this question of a University College, or even a University for Penang, will be considered by this Committee; and in the light of the report by this Committee, which should come in about two or three months, we should be able to make a decision in this matter. The Honourable Member for Dato Kramat also spoke about textbooks assistance and he put forward a proposal of having a rental scheme for the poor pupils. As Honourable Members may note, I have asked from this House for a provision for assistance in respect of textbooks for our pupils in the primary schools, and this whole question of textbooks assistance is receiving my very careful consideration. I have asked that a high-powered Committee be set in my Ministry, because so far three proposals have been put forward and each one has got its good points as well as bad points. So I have asked that all these three proposals be considered by a special Committee with a view to coming to a decision that is satisfactory to all concerned.

Now, the Honourable Member for Dato Kramat also spoke about the policy of making all our pupils bilingual—at least bilingual. In fact, I would go further than that. I would prefer to see that each and everyone of our pupils is not only bilingual but also trilingual, and more lingual if possible (*Laughter*). For this reason it is one of my pet subjects, that is to say, that provided we have got money, it is my intention to set up a special Institute of Foreign Languages in our country, whereby we could make our children study the languages of our neighbouring countries, like Thai and other languages, make them study the modern languages,

like French, Japanese and German, so that they could read and could have access to knowledge in all these languages. Right now, each and every-one of our pupils is already bilingual because, whether he is in the Chinese Medium School or in the Tamil Medium School, he is forced to learn at least two languages. In fact, there is a demand now that we should make it compulsory for some to study even a third language.

However, I am doubting the wisdom of doing that, because we might be taxing the brains of the pupil too much, but if those are the wishes of the parents, I will gladly do everything to make them happy.

The Honourable Member talked again about the re-introduction of the Standard VI Examination. I think I have made myself very clear in so many statements that I have made to the Press that the idea of my re-introduction the Std. VI examination at the end of the primary course is merely to enable us to assess the standard of our pupils and of our schools in the country. There is no intention whatsoever to eliminate the pupils at the end of the primary course, because the Government has made its intention very clear, and that is that the Government is pledged to give universal education to each and every pupil for at least nine years.

Coming to the Honourable Member for Batu, first, I would like to deal with the question of equal pay for women teachers—I think that is quite an old subject already. As you know, the Government has already made an announcement to the effect that it has accepted in principle equal pay for women workers, not only teachers, but the question now is in respect of the effective date. So, until the women are able to agree on what should be the effective date for the implementation of this policy, I am afraid the women teachers have got to wait. But, now, if they want equal pay or more pay, what they have to do is just to marry—then they get their pay as well as the pay of their husband. (*Laughter*).

With regard to the question of the cut for the University, I have myself asked my Permanent Secretary to call in the Vice-Chancellor of the University to explain to him why it was necessary for us to make this cut. This cut is actually the result of the economy drive and the University is not the only institution that has been affected.

It is our hope that the University will be able to absorb this cut by making economies wherever possible, without having to resort to reduction in the student intake. But as I have stated, when I made my introductory remarks in my main speech I have said it clearly—I may have to come back to this House to ask for more funds for additional provisions, including provisions for the University, if I find it necessary.

Finally, I just like to answer the point raised by the Honourable Member from Sabah, Mr Leong, with regard to the problems in Sabah. I must say that I am quite aware of the deficiency in the Sabah system of education and also the inadequacies of educational facilities, especially the staffing aspect. But the Honourable Members will agree with me that these are the problems which we have inherited from the past and their solutions will not only take time but, more important still, will depend on the willingness of the Sabah State Government to depart from the present system and policy which is provided for in the Inter-Governmental Committee's Report. In my speech, I have said that the Sabah Government has now agreed to accept a Malaysian to be the first Director of Education in Sabah. I have personally asked him to go to Sabah to make an on-the-spot survey in regard to the whole requirements of the State, and I have asked him to give this matter top priority. I shall do everything possible, after receiving his report, in order to improve the conditions of schools in the State of Sabah with regard to the supply of teachers and other matters connected with education. But as you can see from the present estimates, we have increased the provision for the State of

Sabah and equally so for the State of Sarawak. We do so in the hope that we will be able to make whatever improvements that are necessary in order to give our children in Sarawak and Sabah the best education possible within the limits of our financial ability. (*Applause*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$51,288,474 for Head S. 18; the sum of \$262,612,668 for Head S. 19; and the sum of \$38,878,248 for Head S. 20 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 21 and S. 22—

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Dato' Pengerusi, dengan izin Dato' Pengerusi, saya memohon supaya S. 21 dan S. 22 di-bawa dengan sa-kali gus. Saya memohon supaya S. 21—Kementerian Luar Negeri sa-banyak \$12,877,045 dan S. 22—Pejabat Urusan Haji sa-banyak \$247,583 menjadi sabahagian daripada Jadual.

Dato' Pengerusi, berkenaan dengan S. 21 berjumlah \$12,877,045 yang diminta itu, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, kedudukan politik antara bangsa telah menyentuh kepentingan negara dan juga dasar luar negeri. Tindakan yang wajar ialah Malaysia, bukan sahaja perlu menguatkan lagi, malahan meluaskan juga gerakan diplomatik-nya di-negara² yang belum pernah di-wakili. Oleh kerana itu, kita telah mengadakan tiga buah perwakilan² baharu di-Lagos, Addis Ababa dan Singapura. Kita sekarang ini sedang merancang untuk mengadakan sa-buah lagi perwakilan di-Rome. Usaha mengadakan sa-buah perwakilan di-Algiers dan Belgrade maseh belum di-selesaikan laei. Adalah tujuan kita mengadakan perhubungan diplomatik dengan kedua² negara itu apabila kita menchapai persetujuan yang sa-wajar-nya dengan Kerajaan² Algiers dan Yugoslavia. Dapat-lah diperhatikan dari anggaran yang tertera di-hadapan Ahli² Yang Berhormat bahawa peruntokan yang di-minta bagi tahun 1966 ada-lah berjumlah \$12,877,045 berbanding dengan peruntokan yang di-luluskan bagi tahun

1965 sa-banyak \$12,886,755 yang menunjukkan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1966 ada-lah kurang sedikit daripada jumlah bagi tahun 1965. Tetapi hendak-lah di-perhatikan bahawa jumlah \$12,886,755 bukan-lah merupakan peruntokan yang sa-benar-nya bagi tahun 1965. Oleh kerana jumlah tambahan sa-banyak \$652,800 yang telah di-luluskan di-bawah Undang² Perbekalan Tambahan Kedua 1965 belum lagi di-masokkan dalam jumlah tersebut. Dengan demikian peruntokan penoh yang di-luluskan oleh Dewan ini bagi tahun 1965 ia-lah \$13,539,615.

Oleh itu, peruntokan yang di-anggarkan berjumlah \$12,877,045 bagi tahun 1966 ada-lah sa-benar-nya ternyata berkekurangan dari segi perbelanjaan yang di-anggarkan bagi tahun 1966 dan berjumlah sa-banyak \$662,570 kekurangan-nya itu.

Pada peringkat ini, elok-lah pula saya jelaskan dengan ringkas-nya berkenaan dengan peruntokan yang di-anggarkan bagi tahun 1966 di-bandingkan dengan peruntokan yang telah di-luluskan oleh Parlimen bagi tahun 1965. Perbelanjaan yang di-luluskan bagi tahun 1965 sa-benar-nya termasuk beberapa perkara Perbelanjaan Khas berhubung dengan lawatan² muhibbah ka-beberapa buah Negara² Afrika dan Timor Tengah oleh anggota² Kerajaan dan juga Lawatan² oleh Duli² Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda² Yang di-Pertuan Agong ka-Timor Tengah dan Perdana Menteri ka-Jepun dan Korea Selatan.

Jumlah perbelanjaan bagi lawatan² itu ia-lah \$827,159 dan apabila jumlah ini di-asingkan dari peruntokan yang di-luluskan bagi tahun 1965, Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1966 hanya menuniokkan bertambah sedikit dari yang telah di-luluskan bagi tahun 1965. Sekarang saya akan menerangkan anggaran² mengikut ketiga² kumpulan besar perbelanjaan, ia-itu Gaji, Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, dan Lain² Perbelanjaan Khas:

(a) Gaji—

Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1966 ia-lah \$7,235,165 berbanding

dengan \$6,497,566 dan ini menunjukkan bertambah sa-banyak \$737,599 yang di-sebabkan pertama-nya kerana di-masokkan peruntokan bagi Perwakilan² baharu di-Singapura, Rome, Algiers dan Belgrade yang semuanya mengambil tempat hampir² sa-tengah dari jumlah yang bertambah, dan kedua-nya kerana mengadakan jawatan² baharu di-Kementerian ini dan di-perwakilan² seberang laut bagi menguatkan kedudukan jawatan yang ada sekarang. Peruntokan hendak-lah juga di-buat bagi kenaikan² gaji yang biasa berlaku.

(b) Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun—

Dengan terdiri-nya perwakilan² baharu di-seberang laut dan bertambah-nya jawatan yang perlu di-kedua² jawatan yang datang dari Malaysia dan ambilan tempatan maka peruntokan² bagi perbelanjaan pentadbiran hendak-lah juga di-tambah. Bertambah-nya jumlah di-bawah kumpulan ini ia-lah sa-banyak \$522,700. Boleh di-perhatikan bahawa tambahan yang banyak dalam tahun 1965 itu ia-lah perkara di-bawah Pechahan-kepala 20—Sewa dan Chukai yang kenaikan-nya berjumlah \$381,947. Ini ia-lah kerana ada-nya peruntokan² bagi jawatan dari Malaysia di-Perwakilan² baharu itu berhubung dengan sewa pejabat dan tempat kediaman di-negara² Perwakilan² itu berada dan kenaikan² ini ada-lah di-dapati diseluruh dunia.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, Pejabat² Pesurohjiaya Perdagangan akan di-dirikan di-beberapa buah negara di-seberang laut. Sa-berapa yang boleh Pejabat² Pesurohjiaya Perdagangan itu akan di-tempatkan di-bangunan² yang sama dengan tempat² perwakilan² di-seberang laut dan perbelanjaan tugas² di-pejabat ini akan di-masokkan ka-dalam Anggaran Perbelanjaan bagi masing² Perwakilan² di-seberang laut. Perbelanjaan itu termasuk-lah perbelanjaan pentadbiran dan juga sewa tempat kediaman bagi pegawai²

dari Malaysia. Bagitu juga, Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun mengenai Perwakilan itu yang ada Pejabat² Penasihat Tentera telah juga di-peruntokkan dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Perwakilan² itu. Satu lagi perkara yang ada bertambah dengan terang-nya ia-lah Pechahan-kepala—25, Pengangkutan dan Perjalanan yang berjumlah \$45,530. ini pun ia-lah kerana mengadakan Perwakilan² baharu di-seberang laut dan juga kerana memberikan Pesuruhjaya² Perdagangan itu perbelanjaan² perjalanan.

(c) *Lain² Perbelanjaan Khas—*

Sekarang saya sampai kepada Lain² Perbelanjaan, Perbelanjaan Khas. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat dapat perhatikan, perbelanjaan yang meliputi di-bawah jenis perbelanjaan ini bagi tahun 1966 menunjukkan bertambah kurang dari tahun 1965.

Sa-lain daripada peruntokan sebanyak \$35,460, di-bawah Pechahan-kepala 35 bagi Perkakas dan Kelengkapan Pejabat untuk chawangan² Bahagian Penyelidikan Kementerian ini di-seberang laut, maka semua peruntokan² di-bawah Pechahan-kepala 27 hingga 36, dan 38 hingga 44, ada-lah kebanyakan-nya berkenaan dengan charuman² kepada Bangsa² Bersatu dan juga bagi memeralatkan perwakilan² baharu kita di-seberang laut dengan perkakas dan kelengkapan pejabat yang cukup dan juga alat² kelengkapan rumah.

Saya masuk kepada Kepala S. 22—Pejabat Urusan Haji, permohonan berjumlah \$247,583 itu ia-lah bertambah sa-banyak \$55,501 jikalau di-bandingkan dengan peruntokan bagi tahun 1965. Di-bawah perkara Gaji, perkara besar yang bertambah ia-lah Perkara² (12) dan (15) yang di-sebabkan oleh peruntokan tambahan sara hidup seberang laut kerana bertambah-nya anggota² perwakilan perubatan ka-Mekkah bagi tahun 1966 dan di-tambah dengan dua orang lagi derebar untuk membawa dua buah kenderaan tambahan yang akan di-hantar ka-Mekkah untuk di-

gunakan sa-bagai pengangkutan bagi orang² sakit ka-hospital. Anggota Perwakilan Perubatan ka-Mekkah bagi tahun 1966 akan termasuk:

4 orang Pegawai Perubatan
12 orang Pembantu Hospital
7 orang jururawat
13 orang attendant

—
Jumlah 36 orang

—
Tambahan anggota ini telah di-kemukakan oleh Pegawai² Perubatan dan juga oleh Kedutaan Besar Malaysia di-Saudi Arabia dengan tujuan memberi kemudahan² yang lebih baik lagi kepada orang² haji kita.

Tambahan di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$53,525 sa-bagaimana tertera di-dalam peruntokan² di-bawah Pechahan-kepala 2, 4 dan 5.

Berkenaan dengan Lain² Perbelanjaan Berulang², Perbelanjaan Khas, ada kekurangan sa-banyak \$15,430 di-bandingkan dengan tahun yang lalu.

Dato' Pengerusi, saya mengemukakan kedua² Kepala ini menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Chairman, Sir, I rise to move an amendment, that is a cut of \$1 in the token vote of \$10 for the post of the Minister of External Affairs under Head S. 21.

Mr Chairman, Sir, it was a year ago, at the last Budget session, that I forced a debate on foreign policy. Today I do so again not to vindicate myself, but to stimulate further debate on this very important aspect of Government policy so that some clarity will emerge from the confusion and muddled thinking that has been going on in the Government ranks. Mr Chairman, Sir, after I had spoken on my motion last year, an avalanche of abuse descended on my head. I was called "the Voice of Jakarta", "Suara Indonesia", "traitor", etc. in this House. But events of the past year have shown that the Socialist Front has been right and that my motion last year had a salutary effect on the Alliance Government.

Events of the past year—Mr Chairman, Sir, the Alliance Party, for the first time, has formed a Parliamentary Group on Foreign Affairs. The Afro-Asian Peoples' Solidarity Organisation of the Alliance Party has been formed. Curiously, Mr Chairman, Sir, the Afro-Asian Solidarity Organisation, with its secretariat in Cairo, has been dubbed a communist front organisation by our Minister of External Affairs. That being so

Dr Mahathir bin Mohamad: Mr Chairman, may I point out to the Honourable Member for Batu that the Alliance Parliamentary Group on Foreign Affairs was formed before the debate on foreign affairs during the last Budget debate and the Afro-Asian Peoples' Solidarity Organisation was also formed long before the debate that he forced on this House. Thank you.

Dr Tan Chee Khoon: If they were formed before the time that I forced the debate on foreign affairs, I did not know. It might have been formed secretly. (*Laughter*). Mr Chairman, Sir, if the Afro-Asian Peoples' Solidarity Organisation with its secretariat in Cairo is a Communist Front Organisation, as is alleged by the Minister of External Affairs, why is it that the Tunku has tolerated the formation of the A.A.P.S.O. of the Alliance Party?

Then Senator Athi Nahappan, an Alliance Senator and publicity chairman of the M.I.C. on the 18th of August, 1965, in the Dewan Negara called on the Alliance Government to re-orientate its political thinking to that of Afro-Asian countries. Dato' Liew Why Hone, then chairman of the M.C.A. Perak Division and still chairman of the M.C.A. publicity committee, called on the Alliance Government to review thoroughly its foreign policy.

When the Socialist Front called for negotiations with Indonesia without pre-conditions, we were called traitors and yet early this year in this House itself the Tunku said he would be prepared to negotiate with Indonesia without pre-conditions. Then, the Prime Minister, on his return from London,

in the Malaysia Day Message, hinted of changes in Malaysia's foreign policy to keep abreast of shifting trends in world events.

To cap it all, we saw the humiliating spectacle of the A.A.P.S.O. of the Alliance Party being refused admission to the A.A.P.S.O. at Wineba whilst the Socialist Front, although not present, had been promised admission. To white-wash (*Interruption*).

Mr Chairman, Sir, this character assassination of "stooge of Indonesia", "agent of Indonesia", well *ad infinitum* they can go on at this rate. It was none other than the Minister of Local Government and Housing, who said that we must not indulge in character assassination in this country. Is the Member for Kota Star Selatan calling me a Communist? I have very good credentials from the Prime Minister himself, Mr Chairman, Sir.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): On a point of clarification. I merely said Indonesia supported the Socialist Front. I did not say that he was an Indonesian or a Communist.

Dr Tan Chee Khoon: What was unsaid could be transmitted across here, Mr Chairman, Sir (*Laughter*):

To white-wash my criticisms, to brush aside my suggestions, or to ridicule me and say I was wrong 12 months ago would be talking with one's tongue in one's cheek. The events of the past year, and the isolation of the Prime Minister at the Commonwealth Prime Ministers' Conference have proved how right the Socialist Front have been in our criticisms.

Furthermore, I am glad that the Government itself has decided to take some positive action. Last year I called upon the Government to think seriously before appointing Ambassadors and High Commissioners and that we should only send the right people abroad. I am happy that the External Affairs Ministry has appointed several career officers of high calibre to high posts abroad. That is as it should be. But I regret to see that we have kicked upstairs a politician who everyone

knows, to say the least, has not been a success at home. It is appointments like this that bring our foreign office into disrepute. Then, there is the High Commissioner in Canberra, who ran away from his post in Canberra, when his erstwhile political opponent, namely the Prime Minister of Singapore, approached Canberra. The sooner we replace such a dumb-bell the better, although he is now a Malaysian citizen.

This House has just heard suggestion from backbenchers that we should not appoint "Kayu Buta" to high posts in the External Affairs Service. The Socialist Front heartily supports that view. Since French is the language of diplomacy, may I ask what efforts have been made to teach that language at least to the career diplomats?

Then, recently we saw a reshuffle in the top posts in London, Paris and Tokyo. They reveal how these appointees are related by blood and by marriage to the ruling House of Kedah. If this is the basis on which appointments are made, and this is what the recent reshuffle revealed, I shudder to think of the effect it will have on the countries that they serve in. In any case, all of them are well past their sixties and are we to be represented abroad in these three important posts by people who may well be doddering away? In this connection, Mr Chairman, Sir, this country knows that the appointment of our Ambassador to Tokyo, namely, Tengku Indera Putra, is another instance of a failed politician, discarded by the people, being kicked upstairs to an important diplomatic post. It is appointments like these, Mr Chairman, Sir, that give rise to a great deal of misgivings not only amongst the people at large but also to the diplomats abroad—but more important to our career diplomats, because whenever you make a political appointment to the diplomatic posts, then their chances of promotion are erased. Why should not our career diplomats be given a chance to serve in these plums of the diplomatic service? Why should these posts be reserved for political appointees, for people who have rendered services to the Alliance Party?

I was told that at the recent Prime Ministers' Conference the voice of our Prime Minister was alone in the wilderness. At the television interview on Vietnam, it was exposed beyond doubt that we are alone in our views. Even the British Government holds more tolerant views. Everyone who watched the interview concluded how far from reality we were in supporting the American bombing and the use of chemical gases in Vietnam by the Americans. The Prime Minister emphasised that there can be no negotiations or settlement with the Communists or the Vietcong, but he did not suggest a solution. Nevertheless, those who watched the programme knew what he would have suggested—war to the death with the Communists. Such a view is not even close to that of the Americans, let alone the British, or that of the Afro-Asian countries.

Alternative to Co-Existence—Global War—This country and indeed the whole world is tired of the Communist baiting speeches by the Alliance Ministers. I have already shown how stupid these speeches can be vis-a-vis our trade with Communist countries. Evidently, the Alliance Government does not believe in co-existence. Then, may I ask, what is the alternative to co-existence with the Communists? The answer is a simple one—global war.

Just because the Emergency ended in Malaya after independence had been granted to us, it does not mean that this Government, or any other Government, can wipe out communism totally from the face of the world. The might of the Americans is no match for the determination of the Vietcong. Even the Americans themselves admit that they cannot achieve a military victory in Vietnam and that peace can only be attained at the conference table. But Malaysia joyfully goes on rattling sabres not only at the Vietcong, but also at Red China and communism in general. If this is our own type of co-existence, how can we ever claim to be neutral or non-aligned in our foreign policy? On which side of the fence are we?

On the 30th August, 1965, the Permanent Secretary to the Ministry of External Affairs, speaking at Jesselton, is quoted by the *Malayan Times* to have said that Malaysia is not pro-West, and he cited its severance of ties with Portugal as an example. I wonder, Mr Chairman, Sir, how many members of the Alliance benches have ever heard of that country known as Portugal, and know where it is? But I am sure everyone would have heard of a country called China, or Communist China, as some would like to call it. We flirt with a little island which is supposed to represent China but we ignore the existence of a country which represents about a quarter of humanity and with whom thousands of Malaysians have very close ties. Is this a right policy? Is this a neutral policy? Is this a policy that will earn us the respect of our Afro-Asian brethren? Do we deserve to be in the comity of nations of Afro-Asia, who, though they subscribe to various ideologies, yet almost all believe in co-existence and are non-aligned and this group has become a potent force in world politics.

Mr Chairman, Sir, we are far from being neutral and non-aligned. The foreign policy of the Alliance Government is still lopsided. It is completely against the communist countries. It is not just anti-communism but it is *anti* the countries that have communist governments and their people. It is one thing not to tolerate communism within one's borders but another to decry, to oppose, and to interfere in the affairs of other communist regimes, or the legitimate aspirations of their people.

Our geographical position, our cosmopolitan and heterogenous population and, above all, our vulnerable economy, which depends so much on the purchases of rubber by communist countries, makes it imperative that we should and must take a neutral stand. We must recognise that communism has come to stay in this world, and that we must learn, and learn quickly, to co-exist with it.

The Americans have taken on themselves the Messianic role of containing

communism the world over, wherever it may be. They have one blind spot—they expect that everyone should be anti-communist. Even the Americans are now beginning to ask whether they have the will and capacity to fulfill that role. Even in America there is widespread resistance towards the war in Vietnam. But who are we, a puny and anaemic State by American standards, to ape the Americans?

We of the Socialist Front have always advocated a neutral stand but our voice has been brushed aside and ridiculed as pro-communist. Neutrality is not synonymous with pro-communism or pro-capitalism. However, I am glad that the Government has at long last opened its eyes and is endeavouring to establish relationship with some communist countries, at least with those whose skin is white while still abhorring those whose skin is yellow.

The Chairman of the Alliance Party A.A.P.S.O. has called on the Alliance Government to establish ties with Russia and other communist countries. This House on the 29th November, 1965, has heard many back-benchers urging the Government to allow M.Ps and others to visit communist countries. This is a move in the right direction and one that the Socialist Front heartily endorses. Why should we not face the facts of life and why should we bury our heads in the sand like ostriches? We should not only establish diplomatic relations with Yugoslavia but with other communist countries as well.

Malaysia and the admission of Communist China to the United Nations—There is no doubt that Red China is the biggest power in Asia today. Apart from the fact that she represents a quarter of humanity, Malaysia must not ignore the fact that Red China has already joined the Atom Bomb Club. Consequently, to ignore her presence or existence, not to co-exist with her or to rant against her, as is the habit of the U.S.A. and of our Ministers, or to block her admission to the United Nations, is hardly a neutral or non-aligned policy which the Alliance Government claims

it follows. Toeing the United States line on this issue has quite rightly led to our being labelled a stooge of the Americans. Even India, which has reason to be antagonistic against Red China, has supported the admission of Red China to the United Nations. On the other hand, our Permanent Representative to the United Nations, Enche' R. Ramani, has tried to be too clever, as has been his wont, by asking whether Red China herself wanted to be admitted to the United Nations and by laying down conditions for her admission. This is a stupid attitude to take, for had Red China not wanted to be admitted to the United Nations she would not have asked Albania or Cambodia to sponsor her admission to the United Nations.

This year's voting on the admission of Red China to the United Nations ended in a 47/47 tie. To some this may represent a victory for the U.S.A., but the vote only served to prove that the U.S.A. has won another battle but may soon lose the war. Where before there was an overwhelming majority for the exclusion of Red China, this year, for the first time in 16 years, the United States came within a hair's breath of being in the minority in the United Nations on the China question. Obviously, sooner or later—and probably sooner—Peking is certain to be invited to join the world body. And hence it behoves Malaysia not to be too clever or too foolish to toe the United States line but support the admission of Peking to the United Nations.

Breaking of diplomatic relations with Pakistan—Undoubtedly, Mr Chairman, Sir, the most important diplomatic event of the year has been the breaking off of diplomatic relations with Pakistan. This is an unprecedented step in Commonwealth history. Pakistan has virtually been at war with India but, nevertheless, she has not broken off diplomatic relations with India. Whatever may be the cause of this break, one thing is clear: Pakistan has, rightly or wrongly, taken very strong objections to the speech made by our Permanent Representative to the United Nations, Enche' R. Ramani,

on the Kashmir issue. Instead of assuring Pakistan that no offence was intended, the Minister of External Affairs added injury to insult by backing Enche' Ramani to the hilt, thereby precipitating the break between Pakistan and us.

Mr Chairman, Sir, the UMNO in Trengganu has asked for the recall of Enche' Ramani and this House has heard how the P.M.I.P. itself is not happy over the episode. The Socialist Front is not taking sides on this issue but hopes that this break will be healed in the not too distant future. We must remember that India and Pakistan are two out of the three giants of Asia, the other being Red China. And when they clash we must not think we can throw our weight about. What is Malaysia, with its tiny population of less than 10 millions, in a conflict involving about 600 million people? There is a saying in Chinese, Sir, which goes this way: "Small children should be seen, not heard".

The Minister of Lands and Mines (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub): The Socialist Front? (*Laughter*).

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, finally I wish to touch on the U.D.I., that is the Unilateral Declaration of Independence by Rhodesia. The Socialist Front fully supports the stand taken by the Alliance Government on this matter but regrets that it has not gone far enough. Here is small white racist minority group of about a quarter of a million imposing its will on a black majority of four millions in complete defiance of world opinion. If the United Nations is not to go the way of the League of Nations which tolerated, and indeed connived, at the rape of Manchuria, then Malaysia must urge it to take more vigorous steps to bring the illegal Smith Regime in Rhodesia to heel. It should not only urge that sanctions be applied to Rhodesia but, should that fail, should ask for armed intervention, preferably by contingents of troops from Afro-Asian countries to topple the illegal Smith Regime and restore rule by the majority in Rhodesia. The Socialist

Front urges the Alliance Government to advocate this course as early as possible at the United Nations.

Mr Chairman, Sir, in accordance with our Standing Orders, section 66 (7), I move that there be a cut of \$1 in the token vote of \$10 for the Minister for External Affairs—not that he minds that small cut.

Mr Chairman: The amendment proposed by the Honourable Member for Batu, namely, that the sum to be allotted for Head S. 21 be reduced by \$1 in respect of item (1) of Sub-head 1, the Minister for External Affairs, is now open for debate.

Dr Mahathir bin Mohamad: Mr Chairman, Sir, firstly I would like to thank the Honourable Member for Batu for supporting the A.A.P.S.O. but I am afraid that quite often when you are supported by the devil you may be classified as one yourself. So, I would like to disassociate myself from him. On the question of the abuse that he said was heaped on him last year when we had a debate on foreign affairs, I would like to say that if the Alliance back-benchers did heap abuse on him, it was not because he forced that debate on the House, but because he said things which could have been construed as placing him in the Indonesian camp, or as representative of Indonesia in this House, rather than as representative for Batu, which is after all in Malaysia. We would have expected him to make a stand against Indonesia, but his line of argument all along during that debate was as if he was here as a member for the very large parliament that they have in Jakarta. I would like also to explain about the A.A.P.S.O. with which I am very much tied up just now, because it seems that the Member is labouring under the impression that this is an organisation of the Alliance Government. I would like to point out that this

Dr Tan Chee Khoon: Sir, nowhere did I say that it is an adjunct of the Alliance Government. I said, the A.A.P.S.O. of the Alliance Party—the two are very different things, Mr Chairman, Sir.

Dr Mahathir bin Mohamad: Mr Chairman, Sir, there is no such thing as the A.A.P.S.O. of the Alliance Party. There is only the National Malaysian Afro-Asian Peoples Solidarity Organisation and it does not belong to the Alliance Party, because there are people who are definitely opposed to the Alliance within this organisation. So, it has nothing to do with what the Alliance Government says, and it is not necessarily that whatever is the policy of the Alliance Government it is also the policy of the A.A.P.S.O.

To go back into the question of the formation of this A.A.P.S.O. I would like to point out that the A.A.P.S.O. did attempt to attend the conference in Algiers, which was held towards the end of 1963, which was quite a long time before the debate on foreign affairs was carried out in this House in December of last year. So, it is quite wrong to say that this idea of forming an A.A.P.S.O. in Malaysia was actually motivated by a desire to please the Member for Batu.

On the question of foreign policy, like all policies, I feel that it is important for any government to have a policy that can withstand all criticism, but by and large I think we have followed a foreign policy that should be supported by both sides of the House. Our foreign policy has always been that of non-alignment as far as I can define it, and although there were things which we do which may indicate almost otherwise, but in the final analysis you cannot say that we are not non-aligned. In fact, we have conformed very strictly to the rules of non-alignment, which was drawn up for the Cairo Conference of non-aligned nation. If the people there did not admit us then, it was not because we did not conform to the rules but there were people there who had strings to pull and who were very powerful in the organisation and who did manage, in fact, to keep us out. Nevertheless, there is a large majority of people and nations all over the world who recognise our policy as being non-aligned. There are things which we do which, I believe, could withstand inspection or re-examination, and on

the question of various pronouncements on foreign policy, for example, we have fallen into the error of allowing various individuals, who have no business at all to make pronouncements about foreign policy, to say a few things in far away places. For example, we have a man who has a very "sweet" interest in foreign affairs making a pronouncement that we should have a Consulate in Taipei. I do hope that the Government

Dr Tan Chee Khoon: On a point for clarification, Mr Chairman, Sir. This man did not advocate a Consulate; he advocated Embassy and he called for a *Duta*.

Dr Mahathir bin Mohamad: It is irrelevant what he called for, but it is the form that he has taken, which is the thing that I am criticizing. And there has also been various other pronouncements which would have been better if they had been made by authorised people rather than by individuals, who have no business to make pronouncements like that at all.

The Member for Batu mentioned about the break of diplomatic relations with Pakistan. I feel that all along this was coming about, and that this break was in fact a good thing, in that it helped to put Pakistan in a very poor light indeed at the United Nations, where I was then. Our original pronouncement on the dispute between India and Pakistan was very much criticised, but when Pakistan broke off relations with us, which is quite different from our breaking relations with Pakistan, most of the nations in the United Nations regarded Pakistan as being rather childish and in this way Pakistan's act had in fact neutralised whatever bad effects the policy speech of our representative in the Security Council may have had on the other nations.

Apart from what the Member for Batu has raised, I would like also to raise this matter which concerns the statement made by Mr Michael Stewart regarding a settlement with Indonesia of confrontation. This is the sort of thing the British are capable of doing, that is to say, they quite often fail to realise that they are no longer an

imperial power, that they no longer have Malaysia as part of their colony, and they have no authority to criticise what policy we should have, or what settlement we should make. I do hope that the Government will take up this matter seriously with the British Government and tell them where they get off.

On the question of the Unilateral Declaration of Independence, we have definitely shown the world that we are with the rest on the side of right thinking people, but I feel that we have not gone far enough—and, if possible, a further step should be taken by Malaysia by declaring a state of war between Malaysia and the rebel State of Southern Rhodesia.

Lately, Mr Chairman, Sir, there has been this talk about restoring diplomatic ties with the Philippines. There has also been some public reaction to this, and quite a number of people feel that this is not a good thing after all. There are some who feel that the Philippines has discriminated against the Chinese from Malaysia and, therefore, we should not be too happy about the resumption of diplomatic relations with the Philippines. This, I think, is rather a poor attitude to adopt, because we have done a lot for the people of Chinese origin in Malaysia with regard to the question of finger-printing of Malaysian Chinese visitors to the Philippines. In fact, in insisting that all Filipinos coming into Malaysia be finger-printed, we have forced the Philippines to finger-print all Malaysian, including Malays, Indians and other races. We have, therefore, reduced all Malaysians to a common status with regard to the Philippines. If the Philippines wants to insist upon discriminating against people of Chinese origin from other countries, it is not for us to decide for the Philippines, and I feel that the people in this country should be urged to accept the resumption of diplomatic relations with the Philippines as a sign that stability in this area would be restored and the principles of A.S.A., about which we have so often talked about, will now become a reality. Thank you.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Saya, Tuan Pengerusi, suka mengambil bahagian dalam usul yang di-kemukakan oleh wakil daripada Batu. Memandangkan kapada pergolakan politik tanah ayer dan luar negeri hari ini, saya memandang kerja Menteri Luar ini ada-lah amat berat dan menyusahkan. Tambahan pula, Menteri Luar Negeri Malaysia ini di-pangku atau pun dipegang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Tuan Pengerusi, kita tahu bagaimana berat-nya kerja Perdana Menteri kita dalam menghadapi tugas menjaga dan melayan kehendak² dan tuntutan² pihak² yang tertentu yang memang kerja mereka meminta, di-tambah lagi dengan konfrantasi dari jiran kita, dan ada-lah tidak patut benar bagi kita membebankan Perdana Menteri kita dengan kerja² Menteri Luar pula. Saya memandang sudah-lah sampai masa-nya Menteri Luar Malaysia ini dilantek sa-orang yang khas menjaga Kementerian ini supaya tidak menanggung beban dan tidak pula memegang jawatan² yang lain.

Tugas Kementerian Luar kita sekarang ini, Tuan Pengerusi, memandang kapada keputusan Pilehan Raya di-Philipina dengan terpilih-nya sa-orang President baharu yang sudah menunjukkan sifat² persahabatan-nya terhadap kita dan pergolakan politik yang berlaku di-Indonesia hari ini, saya memandang ini-lah masa yang paling mustahak dan sesuai untuk kita perbaharui semangat menjayakan atau pun mendirikan Maphilindo yang kita mimpikan. Kita tidak dapat menyangkal, kalau kita berusaha ka-arrah ini, haru-hara dan persengketaan yang timbul hari ini akan lenyap di-saat penubohan Maphilindo. Ini ada-lah konsep perdamaian abadi kapada semua yang berkenaan dan dia juga akan memperbaiki keadaan bangsa Melayu dan menjaminkan kita mempertahankan pengaruh Malaysia ini daripada Kominis.

Tuan Pengerusi, kominis ta' mempunyai tempat di-Malaya, dan di-Philipina—di-Indonesia, kominis sedang dalam proses kehanchoran. Dengan ketiga² negeri ini bertujuan menghanchorkan kominis, maka sekarang-lah

masa-nya yang sa-baik²-nya di-usahakan penubohan Maphilindo. Kominis, kita percaya, tidak dapat di-hanchorkan dengan peluru, hanya dengan iman dan dengan semangat Islam sahaja-lah kominis akan hanchor, akan menemui ajal-nya, sebab itu-lah faham kominis ini tidak akan hidup di-negara yang betul² beridolojikan Islam atau sa-kurang²-nya ramai penduduk² Islam dalam negara itu. Sa-bagai bukti-nya, Tuan Pengerusi, lihat-lah di-negara Indonesia, walau pun kominis di-negara Indonesia itu kuat—berkuku dan bertapak, tetapi akhir-nya, hari ini mereka akan di-humbankan atau di-hanchorkan oleh ra'ayat dan tentera Indonesia. Tuan Pengerusi, kita hanya berdo'a kapada seluruh Tentera Republic Indonesia dan kapada ra'ayat Indonesia, supaya jangan berhenti daripada mengganyang kominis² yang ada di-bumi Indonesia itu. Konsep Maphilindo ini sudah lama di-suarkan dalam Parlimen, dan PAS pernah menyuarakan sa-belum penubohan Malaysia lagi. Kami tahu betapa mustahak-nya sa-buah persatuan yang besar di-Tenggara Asia ini, walau pun nama itu berlainan, ia-itu Melayu Raya atau Indonesia atau pun Maphilindo. Pernah konsep yang mula² sa-kali di-suarkan oleh PAS ini, di-ejek² oleh pihak Kerajaan sendiri, tetapi bila Sidang Kemunchak yang di-adakan di-Manila—berkumpul-lah tiga Kepala Negara—apabila President Macapagal menhadangkan penubohan ke-tiga² negara yang sa-rumpun dan sa-bangsa ini bersatu menjadi Maphilindo, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menurunkan tanda-tangan sa-bagai persetujuan-nya. Kita mahu Maphilindo, kerana kita tahu dan percaya hanya dengan Maphilindo sahaja yang dapat menolong bangsa dan negara.

Apa-lah guna-nya, Tuan Pengerusi, kita bergaduh dengan jiran² kita, tambah² lagi dengan negara yang berketurunan sama. Kita adek, bersikaplah sa-bagai adek—ajak-lah abang² kita berunding dan hapuskan segala persengketaan. Kebaikan dan perdamaian yang dapat di-datangkan oleh Persatuan Maphilindo ini tetap ada dan tidak dapat di-nafikan oleh

sa-siapa pun, walau pun akan ada orang² yang menentang-nya. Kita hendak-lah kuat. Seluruh Asia hendak-lah kuat tanpa sa-barang pertolongan dan champor tangan negara² asing di-samping mempertahankan merebak-nya fahaman komunis. Kita hendak-lah pandai memainkan peranan dalam menentukan hidup atau mati-nya negara dan bangsa² kita dalam menentang process China Komunis yang hendak mengembangkan pengaruh-nya di-Asia ini. Maphilindo ada-lah satu²-nya jawapan bagi segala² ini, dan peri mustahak-nya persatuan ini di-sabelah sini, tidak dapat di-sangsikan lagi. Maphilindo akan membolehkan kita menentukan nasib kita sendiri dan bertanggung-jawab pula menjaga keamanan dalam kawasan kita.

Tuan Pengerusi, Maphilindo akan membawa unsur baharu yang penting dalam sejarah dunia. Maphilindo akan menjadi sa-buah negara besar dengan penduduk²-nya yang ramai dan dihormati oleh Barat dan Timor dan menjadi tumpuan persahabatan dari semua gulungan. Maphilindo akan menjadi satu kuasa yang baharu yang mempunyai angkatan tentera dan pertahanan yang kuat yang menduduki tempat² yang penting andai-nya perang berlaku. Kita akan menduduki tempat² yang teristimewa dalam peta dunia. Maphilindo di-bentok, di-dirikan dalam masa Asia betul² berkehendakkan kapada satu negara yang boleh menjadi chontoh dan bimbingan kapada negara² Asia yang lain. Maphilindo akan menjadi sa-buah benteng yang paling tegoh dari segala rupa serangan dan pencherobohan. Demikian-lah besar-nya peranan yang dapat di-mainkan oleh Maphilindo. Sekarang Tuan Pengerusi, boleh-kah penubohan Maphilindo yang tegoh dan bebas ini di-Asia Tenggara ini di-anggap sa-bagai impian atau ejekan² oleh sa-suatu gulungan? Boleh-kah kita perchaya dengan pertolongan dan dengan sentiasa mengharapkan pertolongan dari negara Barat itu dapat menolong kita? Kita akan gagal, jika itu-lah tujuan kita sa-bagaimana gagal-nya dalam mempertahankan negara ini dari serangan Jepun, kerana sejarah telah membuktikan—orang² yang mula sa-kali chabut lari ia-lah British—

meninggalkan kita di-jajah oleh Jepun. Orang akan berfikir dua kali sa-belum kita di-serang, kerana kita kuat dan besar, kita besar dan kuat kerana kita bersatu dan kita bersatu dalam Maphilindo. Maphilindo mesti di-hidupkan, hakikat ini mesti-lah di-sedari oleh seluruh ra'ayat, bertambah² lagi oleh Kerajaan, kerana ini akan menjamin Malaysia dari sa-barang anchaman.

Tuan Pengerusi, apa-lah guna-nya Malaysia jika kita mesti bersengketa dan mesti pula memberi kata² manis serta sa-ribu satu janji kapada negara² yang bersatu di-dalam-nya supaya tidak menyebut perkataan berpisah? Apa-lah keuntongan atau faedah membuat sa-suatu itu, jika dengan melakukan sa-suatu itu akan menimbulkan berbagai² persengketaan dan terpaksa pula membelanjakan berjuta² ringgit.

Persingketaan yang timbul akibat penubohan Malaysia dan perbelanjaan yang merugikan ini dapat kita berhentikan dan jalan yang ada hanya-lah Maphilindo. Kita merindui dan men-chintai Maphilindo. Kita perchaya, dengan Maphilindo, perdamaian akan terchapai, konfrantasi akan tamat, kita ternanti² sinar matahari Maphilindo yang akan menerangi tiga negara yang sa-rumpun ini. Kita anti-Soekarno, Tuan Pengerusi, kerana sifat² diktator-nya, kita anti-negara Indonesia kerana ada-nya komunis² disana, tetapi kita tidak anti ra'ayat Indonesia. Kita sudah lama di-pisahkan oleh tiga bapa² tiri penjajah, dan sekarang kita mahu kembali hidup dalam Maphilindo yang sama² dengan saudara kita. Ada gulungan² yang tertentu dalam negara kita ini, yang menentang Indonesia, konon-nya, atas rasa ta'at setia ka-atas negara Malaysia ini, tetapi hakikat-nya yang sa-benar ia-lah mereka menentang Indonesia kerana mahu menjauhkan kita dengan Indonesia. Mereka tidak mahu kita berdamai, kerana kalau kita berdamai Maphilindo akan wujud, bila Maphilindo wujud, Indonesia, Malaysia dan Phillipina akan bersatu, akan kembali mewarisi kebesaran moyang² kita dalam Empire Majapahit dan Sriwijaya.

Umat Melayu akan menjadi 150 juta dan mereka akan menjadi gulungan

kecil dalam Maphilindo, sebab itu mereka bersungguh² benar menentang Indonesia. Mereka akan melakukan apa sahaja untuk menganchorkan Maphilindo dan gulongan² ini-lah yang di-gelarkan neo-colonialist. Tuan Pengerusi, ucapan² yang di-berikan oleh Wakil Tetap kita ka-Bangsa² Bersatu, Enche' R. Ramani, yang berat sa-belah dalam pertikaian India/Pakistan yang telah menyakitkan hati umat Islam Pakistan sa-hingga terputus-nya perhubungan diplomatik antara dua negara.

Tuan Pengerusi, kita tidak puas hati dan terasa bagaimana kechewaan-nya hati tiap² umat Islam di-negeri ini terhadap sikap yang di-ambil oleh sa-orang manusia berchakap mengikut hati dan ta'at setia-nya terhadap negara tumpah darah-nya—tidak mengikut atau tidak berchakap mengikut apa yang di-arahkan oleh negara yang di-wakili-nya. Oleh kerana sa-orang manusia yang tidak bertanggong-jawab ini, kita terpaksa memutuskan perhubungan diplomatik dengan sa-ratus sa-puluh juta umat Islam yang ada di-Pakistan. Memandangkan kepada mustahak-nya wakil yang ada ini di-tukar dan di-gantikan dengan sa-orang Melayu yang betul² boleh di-harapkan untuk menjadi wakil kita ka-dalam Dewan dunia yang terbesar ini, saya berchakap ini, Tuan Pengerusi, ada-lah berdasarkan dengan ucapan yang di-buat oleh Enche' R. Ramani di-Bangsa² Bersatu yang ada pada saya ini dan saya tidak mengikut apa² yang ada di-dalam surat khabar Tanah Melayu ini, kerana saya memandang ini-lah ucapan R. Ramani yang di-buat di-Bangsa² Bersatu yang telah di-hantar kepada saya dan ada dalam ucapan ini, walau pun pehak Kerajaan boleh menafikan ucapan² Enche' Ramani itu tidak menyokong Pakistan, tetapi di-dalam ucapan² yang ada dalam surat ini, kalau mahu, saya boleh bentangkan.

Tuan Pengerusi, perhubungan diplomatik Pakistan dan India ini sudah terputus, bererti Malaysia kehilangan satu lagi negara sahabat di-Asia ini. Sa-belum di-sentuh akan faktor² lain, ada baik-nya di-perkatakan sebab² terputus-nya perhubungan Pakistan/

Malaysia. Bagi pehak Kerajaan Malaysia senang sahaja menjawab-nya—jawapan-nya kerana Pakistan menyebelahi Indonesia atau pun Pakistan sudah di-hasut oleh Kominis China. Ini-lah jawapan-nya dan ini-lah alasan-nya sudah pun di-beri oleh Kerajaan Malaysia ini. Tetapi dapat-kah seluroh ra'ayat Malaysia menerima alasan ini? Ini-lah soal yang menjadi tanda tanya kepada kita.

Persoalan ini, Tuan Pengerusi, memang bermain di-tiap fikiran ra'ayat yang waras. Walau pun mereka tidak bersuara pada hal dalam tiap² jiwa umat Islam negeri ini mereka memberontak dan bertanya atas dasar apa-kah Kerajaan Perikatan ini maseh mempertahankan sa-orang wakil yang tidak bertanggong-jawab ini. Kita tahu bagaimana dahshat-nya ra'ayat Kashmir memperjuangkan kemerdekaan mereka dan salah-kah perjuangan yang di-lakukan oleh ra'ayat Kashmir ini dalam menentukan hidup atau mati-nya mereka dalam tanah jajahan atau pun dalam negeri mereka yang hendak di-jajah oleh suatu kuasa lain.

Bagi pehak saya, bagi pehak PAS, kami perchaya kebanyakan ra'ayat negeri ini pun menyatakan bahawa perjuangan umat Islam di-Kashmir itu ada-lah perjuangan yang benar. Sapatut-nya di-beri bantuan moral atau kewangan atau pun lain². Dunia tahu, Tuan Pengerusi, bagaimana tipu belit dan dengan chara kekejaman yang di-lakukan oleh India ini dan dengan chara tipu helah yang lichin Kashmir di-masokkan di-dalam wilayah India.

Tuan Pengerusi, dalam ketetapan Bangsa² Bersatu tahun 1948 dan 1947 ada bersama² dengan saya ini, Tuan Pengerusi, Report on Kashmir by United Nations Representative. Dalam buku ini tiap² patah perkataan yang di-ucapkan oleh semua wakil² yang ada di-dalam Bangsa² Bersatu itu mengutok India, kerana tidak mahu menerima penyelesaian di-Kashmir, ini United Nations Report yang baharu, yang bersidang baharu² ini. Saya tidak tahu-lah wakil daripada Kota Star Selatan mengatakan wakil Pakistan tidak mendapat tempat di-Bangsa² Bersatu dan di-hina²kan, tetapi ini

yang menjadi bukti bahawa tiap² wakil yang ada di-Bangsa² Bersatu itu menyokong Pakistan dan mengutok perbuatan Ramani dan India. Tetapi sayang-nya, Tuan Pengerusi, Kerajaan kita atau pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sanggup mempertahankan wakil kita di-Bangsa² Bersatu yang telah melakukan kesalahan, mungkin sa-tengah² gulongan akan berkata bahawa kedua²-nya bersalah dan sama² memulakan peperangan.

Ini ada-lah kata² dan pendapat orang² yang mahu atau menchuba memutar belitan jarum sejarah. Tuan Pengerusi, Kerajaan kita telah pernah berkata berkali² ada-lah mustahil bagi Malaysia yang mempunyai penduduk 10 juta orang dapat melanggar dan mengepong Indonesia yang mempunyai penduduk 100 juta manusia. Berdasarkan kepada pegangan ini ada-lah tidak lojik kalau kita memperchayai Pakistan yang mempunyai penduduk 100 juta manusia itu dapat memulakan peperangan dan pencherobohan terhadap India yang mempunyai penduduk 480 juta manusia. Berpegangan kepada lojik Indonesia mencheroboh Malaysia dapat-lah di-simpulkan bahawa India telah terang² dan dengan tidak berselindung lagi telah memulakan pencherobohan dengan maksud menduduki negeri Islam Kashmir—India mesti di-kutok, di-sinilah dudok-nya kebenaran. Kerana menafikan kebenaran ini-lah yang sangat² di-kesali dan akhir-nya terputus-lah perhubungan diplomatik itu.

Tuan Pengerusi, dalam peperangan yang tidak di-ishtiharkan antara India dan Pakistan ini, konon-nya, Malaysia bersikap neutral. Tetapi, *Utusan Melayu* pada 23hb September, 1965, Tuan Pengerusi, dengan izin, Tuan Pengerusi, saya hendak baca sedikit sahaja: "Tengku Ngah Mohamad Timbalan Setia-usaha Tetap, Kementerian Luar Negeri telah berkata di-Kuala Trengganu baharu² ini bahawa kenyataan yang di-buat oleh wakil Malaysia di-Bangsa² Bersatu, Tuan Rajakrishnan Ramani, bukan-lah kenyataan rasmi dari Kuala Lumpur".

Erti-nya kenyataan-nya dan pendapat yang di-keluarkan oleh Tuan Ramani itu ada-lah merupakan kenyataan dan pendapat beliau sendiri sa-olah² beliau itu tidak menyedari dasar Malaysia dalam soal sengketa antara Pakistan dengan India. Ini-lah kata Yang Mulia Tengku Ngah Mohamad, Timbalan Setia-usaha Tetap Kementerian Luar Negeri yang mengatakan bahawa ucapan Enche' Ramani ini di-buat tidak sa-tahu Kuala Lumpur. Dan ucapan ini di-buat dengan tidak tahu dasar Kerajaan Malaysia ini. Berpehak kepada siapa, berneutral-kah atau pun berpehak kepada mana² pehak? Dan apa kata-nya lagi, Tuan Pengerusi, mengingat perkara ini dan mengingat betapa penting-nya sa-orang wakil rasmi negara mempertahankan dasar Kerajaan yang di-tempat-nya bertugas, terutama sa-kali di-Bangsa² Bersatu, kita merasa bahawa sekarang sudah-lah tiba masa-nya bagi Kerajaan memanggil Tuan Ramani pulang segera untuk memberi penjelasan. Malah kalau perlu supaya mengirim sa-orang wakil tetap yang baharu di-Bangsa² Bersatu menggantikan tempat Tuan Ramani itu. Tindakan bersendirian atau bebas chara yang tidak di-buat oleh Tuan Ramani itu tidak sa-harus-nya di-biarkan begitu sahaja, kerana memungkin nanti akan di-salah ertikan sa-bagai dorongan atau galakan dari Kerajaan kepada wakil²-nya yang di-negara² lain bertindak sa-suka hati mereka sahaja. Kalau sudah keluar dari landasan, perlu di-berhentikan dan tidak sa-harus-nya di-beri ingatan sahaja.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Uchapan yang di-baca oleh Yang Berhormat itu ada-kah ucapan Tengku Ngah atau pun satu berita berkenaan dengan keputusan satu parti politik, satu ranchana?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Uchapan Tengku Ngah Mohamad Timbalan Setia-usaha Tetap, Kementerian Luar Negeri.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tetapi ayat² terakhir itu ada-kah ucapan-nya atau pun renchana pengarang surat khabar?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Itu-lah chakapan-nya. Tuan Pengerusi, kita sudah ta' dapat menentukan mana pihak yang mencheroboh dan mana pihak yang kena cheroboh. Dengan sikap yang kita ambil ini membuktikan kepada dunia bahawa kita—saya maksudkan Kerajaan—kurang penglihatan-nya dalam sejarah. Chuba kita kaji, Tuan Pengerusi mengapa-kah tidak ada sa-buah Kerajaan pun yang menyokong India dalam perjuangan-nya menentang Pakistan, tambah² lagi negara Islam. Saya perchaya ini ada-lah kerana mereka tidak buta dan tahu puncha sa-benar-nya perjuangan itu.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Ada-kah Ahli itu sedar bahawa tindakan yang di-jalankan oleh Pakistan memutuskan perhubungan-nya dengan Malaysia, negeri yang ta' kena-mengena dengan pertikaian dengan India, sedang India negeri yang dia berperang, yang dia orang di-mati, dia ta' putus hubungan satu tindakan yang paling sumbang sa-kali?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, yang sudah perang itu ta' apa, yang tengah berperang, tetapi yang ta' tentu perang ini, pergi masuk buat apa? Yang kita terhegeh² hendak pergi sokong India itu buat apa?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Dia bersikap berkechuali berapa kali ada di-terangkan oleh pihak Kerajaan dalam perkara ini.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, saya mahu Yang Berhormat Perdana Menteri menjawab-nya, orang lain ta' usahlah hendak berlagak² hendak menjadi Menteri, hendak jawab soalan saya ini.

Mr Chairman: Saya suka hendak ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat tiap² sa-orang Ahli yang duduk didalam Rumah ini, ada berhak hendak bertanya, hendak berchakap.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Betul, Tuan Pengerusi, saya

bersetuju, boleh berhak bertanya dan berchakap, tetapi saya hendak minta biar-lah Yang Berhormat Tunku yang menjawab—bukan dia, betul!

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya perchaya Enche' Ramani sendiri pun sedar dan faham siapa yang sa-benar-nya bersalah, dan siapa yang sa-benar-nya. Enche' Ramani telah membuat huru-hara yang besar di-Bangsa² Bersatu dan bersuara-lah wakil kita itu di-Bangsa² Bersatu dengan ucapan yang menyokong India sambil menghentam Pakistan sa-bagai pihak mencheroboh. Kerajaan boleh menafikan hal dan kejadian ini, tetapi dunia sedar apa-kah kejadian yang sa-benar-nya berlaku. Enche' Ramani telah mengambil kesempatan tanpa memikirkan lagi sikap Kerajaan Malaysia untuk melepaskan geram terhadap Pakistan yang memang sudah menjadi musuh besar. Jelas sa-kali dalam masaalah ini, dia telah melampaui batas. Dia telah menyuarakan peristewi sa-buah negara di-bahagi dua dan maseh berkelahi sa-hingga ka-hari ini. Mengikut-nya, peristewi hari ini ada-lah peristewi lama dan akan berlanjutan hingga ka-berapa masa. Puncha perbalahan ada-lah kerana negara yang bersatu di-bahagi kepada dua bahagian yang tidak sama, sebab itu-lah berlakunya perbalahan itu. Mengikut-nya jika tidak ada Pakistan, maka tidak akan ada pergaduhan pada hari ini. Ini-lah ucapan Ramani di-dalam ucapan yang di-hantar oleh Bangsa² Bersatu ini, Tuan Pengerusi. Kalau ini-lah yang menjadi persoalan, maka akan timbul-lah satu soalan terhadap Malaysia—di-Bangsa² Bersatu dan di-mana² sahaja nanti akan ada orang yang berkata, tidak guna-nya kita membicarakan kesah Malaysia, tidak guna-nya kita membicarakan kesah Malaysia, sebab jika tidak kerana terbentuk-nya Malaysia, maka tidak akan ada-lah sengketa² yang berlaku hari ini di-antara Malaysia dengan Indonesia dan Philipina.

Tuan Pengerusi, sa-telah itu Enche' Ramani telah pula membuat chadangan bahawa sa-barang ketetapan mesti-lah mengandungi empat syarat.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Standing Order 35 (6)—tiap² ahli tidak membenarkan membaca. Ahli Yang Berhormat ini membaca dari pada mula lagi, dia ta' pandai hendak berchakap sendiri ada tukang² ilham dari belakang yang tukang tulis baharu-lah dia boleh membaca, kalau tidak dia merepek².

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Saya ta' membaca, Tuan Pengerusi, saya tengok sahaja.

Mr Chairman: Jangan-lah baca, marah orang karang.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Kalau ini-lah yang menjadi soalan, Tuan Pengerusi, akan timbul-lah soalan, akan ada-lah orang yang berchakap, ia-itu apa-lah guna kita gaduhkan masaalah Malaysia ini, kerana kalau tidak di-bentuk Malaysia tidak-lah ada-nya persengketaan antara Malaysia, Indonesia dan Filipina.

Tuan Pengerusi, syarat² yang telah di-berikan oleh Enche' Ramani jika diteliti amat-lah berat sa-belah. Kechaman² yang terdapat dalam empat chadangan itu ada-lah membuktikan bahawa dia telah tidak bersikap saperti mana yang di-kehendaki oleh Kerajaan Malaysia. Enche' Ramani juga telah menyatakan bahawa ketetapan yang di-buat dalam tahun 1947 dan 1948 yang memberikan hak kepada ra'ayat Kashmir menentukan hak mereka, ada-lah satu ketetapan purba daripada rekod² yang lapok. Kemudian dia telah menguatkan tuduhan²-nya terhadap pencherobohan Pakistan, berkata bahawa Pakistan telah mencherobohi India supaya Bangsa² Bersatu segera mengadakan persidangan-nya untuk menbinchangkan bahaya² perang yang berlaku serta kemudian-nya mengadakan pungutan suara sa-bagaimana yang sudah di-janjikan kepada ra'ayat Kashmir. Ini-lah kata² yang di-ucapkan oleh Wakil Tetap Malaysia di-Bangsa² Bersatu yang sekarang kita ingin mendapat jawapan ada-kah chara²-nya ini yang kita membuktikan kepada dunia bahawa ini-lah sikap "neutral" kita dalam persengketaan antara India dan Pakistan. Ini-lah kata² yang di-

keluarkan oleh Wakil negara yang kita aku², dan ini-lah pula ucapan² yang di-pertahankan oleh Kerajaan kita. Malaysia kemudian-nya, di-puji mela-ngit sa-hingga di-datangkan khas Menteri Luar India ka-Malaysia ini untuk menguchapkan terima kaseh. Barangkali ini-lah yang di-harapkan oleh Kerajaan, negara kecil yang berjiwa besar ini. Ada di-satu kala orang² UMNO sendiri membuat usul supaya Enche' Ramani di-tarek balek—garang bunyi-nya usul itu, Tuan Pengerusi, tetapi kerana kita tahu sifat² manusia yang di-gelar panas², jarang² se-jok² bertahun² ini, tidak-lah kita hiraukan sangat, mereka semua akan diam beku, bila di-berikan kata² manis, atau saperti anak² kecil akan diam daripada menangis bila di-suapkan gula².

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan, Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan pembelaan yang chukup² kuat terhadap wakil kita ini, dan berkata-lah Timbalan Perdana Menteri kita ia-itu ucapan Enche' Ramani ini sudah di-salah ertikan. Dengan lain perkataan, wakil² daripada negara² lain tidak memahami apa yang di-ucapkan oleh wakil kita di-Bangsa² Bersatu, sa-olah² wakil² dari negara² lain itu semua-nya orang² bodoh dan wakil kita ini-lah sa-orang sahaja yang cherdek, sebab itu orang² lain ta' faham apa yang di-ucapkan oleh wakil kita ini. Dan berkata-lah Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sa-masa Malaysia di-cherobohi dan di-konfrontasi, tidak ada sa-buah pun negara Islam yang menyokong kita, dan Pakistan sekarang sudah di-hasut oleh China Kominis dan Indonesia. Dengan ucapan² ini jelas-lah niat hendak membalas dendam itu sudah memang ada pada Kerajaan kita, kerana Pakistan tidak mahu mengutok Indonesia, maka sekarang kami ta' mahu menyokong kamu. Berkata-lah lagi Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, saya fikir Enche' Ramani ta' berkata begitu. Jadi, Timbalan Perdana Menteri—hanya fikiran sahaja. Jadi tidak tahu dan sedar apa yang sa-benar-nya berlaku di-Bangsa² Bersatu.

Tuan Pengerusi, dalam Parlimen ini awal² lagi telah di-suarakan oleh PAS Wakil Bangsa² Bersatu itu hendak-lah di-lantek sa-orang Melayu, sa-orang Melayu yang mesti menjadi Wakil kita di-Bangsa² Bersatu. Saya maksudkan sa-orang Melayu ini kerana orang Melayu ini-lah ta'at setia kepada Tanah Melayu ini tidak berbelah bagi lagi. Tiap² orang Melayu, bila berchakap di-Bangsa² Bersatu ini dia akan betul² menyuarakan hasrat Kerajaan Malaysia, kerana ta'at setia dia kepada Tanah Melayu ini tidak kepada negeri India, tidak kepada negeri China atau pun tidak kepada negara² lain. Kalau Singapura sa-buah Kerajaan yang kita kata Kerajaan lain, boleh menghantarkan sa-orang Melayu dudok di-Bangsa² Bersatu, mengapa tidak boleh kita? Apa-kah tidak layak Ahli yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir, kalau dia di-lantek sa-mula menjadi Duta kita ka-Bangsa² Bersatu? Saya menguchapkan shukor kepada Kerajaan, atau pun ada orang² lain yang lebeh layak didalam Dewan ini yang pandai berchakap orang² ini yang pandai berchakap, orang² ini boleh di-hantarkan ka-Bangsa² Bersatu.

Enche' Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Biar-lah Wakil yang berchakap itu sendiri!

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Saya, saya ta' mahu menjadi wakil ka-Bangsa² Bersatu. Kalau tuan bersetuju, boleh-lah lantek wakil Bachok menjadi wakil ka-Bangsa² Bersatu.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Di-negeri Arab boleh, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*).

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, di-dalam istilah neutral tadi kita telah sa-kali lagi tersilap, bersikap—lain di-kata, lain di-buat. Ini semua berpuncha dari sa-orang manusia di-Bangsa² Bersatu dan orang² ini-lah yang di-pertahankan oleh Kerajaan. Akan timbul satu soalan, Tuan Pengerusi, mengapa Kerajaan berdegil, tidak mahu memanggil-nya pulang. Ini-lah satu² sikap yang patut di-ambil oleh Kerajaan bila Pakistan

membantah sikap Wakil kita di-Bangsa² Bersatu, tetapi berlainan sa-kali dengan apa yang telah berlaku, Malaysia sanggup membesarkan perhubungan diplomatik negeri ini dan Pakistan diputuskan sa-mata² kerana menjaga diri, diri sa-orang manusia yang salah itu. Tuan Pengerusi, siapa sahaja yang waras fikiran-nya akan bersetuju, bahawa wakil kita di-Bangsa² Bersatu itu, patut di-panggil balek, demi menjaga persahabatan dengan sa-buah negara Islam, yang terbesar di-dunia ini.

Sa-lepas saya berchakap ini boleh wakil Perikatan ini bangun menafikan ini, tetapi saya boleh bagi tahu nama kapada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri orang yang menyokong saya supaya Ramani ini di-panggil balek, orang ini ada di-dalam Dewan sekarang ini. Tuan Pengerusi, saya percaya soal mengapa wakil kita tidak di-panggil balek, akan sentiasa berdengong di-setiap kepala ra'ayat sakalian. Yang nyata di-buat hari ini, Kerajaan telah menghantar sa-orang yang di-fikiran layak benar, dengan demikian walau apa pun berlaku, orang yang telah di-fikiran layak ini mesti di-pertahankan, kerana kalau kita terus di-persalahkan dia berma'ana kesalahan itu tertimpa ka-atas Kerajaan juga. Bertambah² lagi orang ini di-berikan kera'ayatan-nya sa-mata² kerana hendak menjadikan duta.

Tuan Pengerusi, sa-telah kesalahan ini di-buat oleh Kerajaan, chari-lah dengan meraba² apa-kah jawapan yang patut di-berikan bagi menyenangkan hati Pakistan. Jika tidak ada jalan, chari-lah tuduhan² konon-nya Pakistan telah menurut telunjuk komunis dan Indonesia, namum menyalahkan wakil kita jauh sa-kali, pada hal kalau di-selideki akan kesalahan² yang telah dilakukan dengan uchapan² itu terang² menchercha Pakistan dan menyebelahi India yang nampak-nya Pakistan-lah yang mencheroboh dan memasoki kawasan India.

Yang Amat Berhormat Tunku Perdana Menteri telah berkata, beliau bertanggung-jawab dengan apa yang di-uchapkan oleh Enche' Ramani di-Bangsa² Bersatu. Jadi, kalau Enche' Ramani menyokong India kerana tanah

tumpah darah-nya, ada-kah kita juga mahu menyokong India—ini-lah soal yang mesti di-jawab. Pakistan telah memutuskan perhubungan diplomatik dengan Malaysia, kerana sikap kita di-Bangsa² Bersatu tidak menyuarakan kebenaran dan keadilan dan suara inilah yang di-pertahankan oleh Kerajaan kita. Sikap ini-lah yang menyebabkan India dapat bermegah² dan ada-nya negara yang menyokong mereka dan mengikut-nya. Uchapan² yang di-ucapkan oleh Wakil Malaysia ini sepatut-nya di-ucapkan oleh Wakil India sendiri. Dari sana dapat-lah kita dengar bahawa kita telah menyumbangkan satu perkhidmatan yang besar dan sumbangan yang berupa menolong India ini tidak dapat di-lupakan oleh seluruh ra'ayat India. Saya ingin mendapat penjelasan

Mr Chairman: Panjang lagi?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad

Mianji: Sadikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi, dan saya minta penerangan ada-kah pernah Kerajaan Malaysia buat penafian dengan apa yang di-ucapkan oleh orang India di-Parlimen India—oleh pemimpin² India yang patut-nya ucapan di-Bangsa² Bersatu itu di-ucapkan oleh wakil India sendiri, tidak seperti wakil Malaysia ini, ada-kah pernah Kerajaan Malaysia membuat penafian tentang ucapan² pemimpin India itu? Saya fikir kalau Kerajaan yang lain, tentu-lah mereka akan membantah seperti mana Kerajaan Pakistan telah membantah pada satu masa Indonesia melaong²kan mengatakan Pakistan menyokong Indonesia dan pada ketika itu juga Pakistan dengan serta-merta telah menafikan ucapan pemimpin Indonesia itu.

Tuan Pengerusi, ini-lah dua sikap yang telah berlaku yang saya beruchap tadi, ia-itu nombor satu masalaah Maphilindo yang mahu kita wujudkan supaya benar² menjadi kenyataan dan menyelesaikan masalaah politik dengan Indonesia. Saya perchaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini mempunyai hati yang lembut, sanggup membuat apa sahaja untuk menchari perdamaian dengan tidak menjatuhkan maruah kita. Dan Perdamaian ini-lah

yang saya seru supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lakukan bukan sahaja kepada Indonesia, seluruh ra'ayat Asia/Afrika apa-tah lagi 110 juta ra'ayat Pakistan, kalau perlu apalah perlu-nya kita mempertimbangkan dan mempertahankan sa-orang manusia yang bernama Ramani itu dan fikir-lah mana yang mustahak di-antara Ramani ini dengan 110 juta umat Islam di-Pakistan.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:
(Bangun).

Mr Chairman: Saya hendak bertanya berapa lama hendak berchakap? Kalau sa-orang berchakap satu jam, satu jam nanti ta' ada masa. Kita sekarang ada had.

Enche' C. V. Devan Nair (Bungsar):

Mr Chairman, Sir, I must confess to a very unusual feeling, which I entertained as I listened to the last speaker—and this unusual feeling, Sir, was a flow of sympathy in the direction of the Honourable the Prime Minister. Of course, I will have to explain this, because if the newspapers report that Devan Nair has developed a sympathy for the Alliance Government, my friend in Rahang might lose his by-election.

Sir, on this talk of neutrality and a proper foreign policy of a country, much has been said about it, but I am afraid there has been very little evidence of the realities of the position of Malaysia. By and large, Sir, I think most intelligent diplomats in the world, in the United Nations, foreign conferences which I have attended, they do not find it very difficult to believe that Malaysia is not a neo-colonialist country. There is no difficulty about establishing that fact because we have defence agreements, but they are bilateral defence agreements and bilateral defence agreements are acceptable in Afro-Asia, and they are not unique to Malaysia but are common features in Afro-Asia. Then, again, there is an understanding of the fact that Malaysia does not have bases like the American bases in the Philippines, or the American base in Cuba, where the Americans are there as of right, and with extra-territorial rights. But here

the bases are here by consent. When we talk of non-alignment, Malaysia by its defence commitments and so forth is technically a non-aligned nation. But what upsets me is that we have not done enough: in fact, we have done far too little to be consistent and positive in our non-alignment stand.

Sir, an American gentleman once asked me why in the trade union field some of my friends and I adopted a non-alignment stand—and I think I might care to explain what I said to this gentleman. I said, “We think that we ought to be non-aligned, because in this part of the world it is established that those whom the Communists love die young”. This is a lesson, Sir, which some Members of this House have yet to learn. But again, Sir, we are non-aligned, because those whom the Americans love have a habit of dying even sooner in this part of the world. Therefore, our foreign policy, Sir, should be based on empirical data—what is beneficial to the survival of Malaysia.

There is talk, Sir, of economic co-operation, regional co-operation, and so forth. Let us have it. This revival of friendly relations and friendly gestures between Malaysia and the Philippines is all to the good. And in the modern world, Sir, the regional groupings and alignments which are significant are the regional groupings and alignments which lead too to economic co-operation. What are the results of a regional grouping? Does it mean more trade? Does it mean regional common market developing? These are benefits, Sir, which are tangible and which can be thought of and regarded in material terms—in terms of material benefits. But when, Sir, we begin to talk of regional co-operation not in terms of economic benefits, in economic terms and trade terms, but in racialist terms, then we are taking a step backwards—by the terms and standards of the modern civilised world, we are definitely taking a step backwards.

The world, Sir, has got away from tribalism, from small little societies and from race and religion, and so forth. Sir, in a multi-racial country like ours,

we must not allow the Indians or the Malaysians of Indian origin, the “India versus Pakistan”, or let us fight the India versus Pakistan battle on the streets of Kuala Lumpur: we must say, “Sorry, please go back”. Our foreign policy cannot be geared to the feelings and attitudes of one group of Malaysians—Malaysians may be of Indian origin, but they are Malaysians. The same thing holds good for the Chinese. You cannot say, “Well, you know, we must secure the admission of China into the United Nations”. In principle, I support the admission of China into the United Nations but not on the grounds that the people here have got ties with China. At the same time, Sir, by the same arguments, our foreign policy and the foreign policy of a multi-racial country will go down the drain, will become bedevilled, if we were to say, “Let us have regional co-operation, not ASA and so on, but Maphilindo, the Rising Sun and so on. Maphilindo, Sir, is not an economic concept but a racialist concept, and for a multi-racial nation like ours, let us play, in our foreign policy, as in all other policies, the Malaysian game. In our foreign policy we are Malaysians. What is in the interest of Malaysian survival, let us take that. But any atavistic tendencies any revival of old, ancient empires, and so on, is not going to lead us anywhere, because all the great civilisations of Asia, they have their confluence here, in this country. So, if you start on the basis of revival of ancient glories of empire, then I am afraid that there will be quite a few conflicting empires and conflicting histories and conflicting loyalties, which we will have to deal with. Let us deal with only one single loyalty, and that is a Malaysian loyalty and let us, on that basis, evolve a foreign policy.

Sir, our foreign policy, our foreign image, has been damaged to some extent, and it does not give the appearance of consistency, because, as has been remarked by some other speaker, of the antics of some of our madcaps. Reference has been made to some of the statements made by a Senator in this country in Taipeh, statements to the effect that he will not

rest content until Malaysia cuts off all trade connections with China. Now, that gentleman is a distinguished gentleman, wellknown, and his remarks, Sir, are reported in all the major newspapers of South-East Asia. What kind of impression will that give? I hope, Sir, that the Government and the Prime Minister will tell the Senator concerned, and publicly, not to open his mouth and that he has not been appointed the Foreign Minister of this country. He wants to go to Taipeh, have a good time and make money, by all means do so. But do not make pronouncements on foreign policy; he is not authorised to do so.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Can you name the Senator?

Enche' C. V. Devan Nair: Senator T. H. Tan, Sir (*Laughter*). Sir, so that this does not degenerate into a conversation, I shall carry on. I have mentioned regional co-operation, Sir, and I think it must be emphasised, repeatedly, so that we do not get into any dangerous atavistic situation. By all means, let us have regional co-operation, and the quicker the better, but based on modern scientific analysis. What are the benefits of economic co-operation? What are the benefits which accrue from regional co-operation? These benefits must be material, tangible in terms of increasing trade, commerce, more factories, more industries, more trade for the people of this country, but not on any narrow racialistic or linguistic lines. I have already remarked, Sir, on a previous occasion that what our foreign policy lacks is coherence, that very often the left hand does not know what the right hand does and even if it knew, it does not seem to care, and I think that, if our Ministry for External Affairs could develop just one single personality, instead of diffusing itself through too many diffused and diverse personalities, the Malaysian image will make a bigger impact on world opinion.

Sir, I come now to the advantages of being positively non-aligned. There are many kinds of non-alignment. There are those who are non-aligned, there are Communist-front Organisations in

countries, and they are all absolutely non-aligned and neutral—but we find that this is a non-alignment which depends upon tuning to Radio Peking or Radio Jakarta, and now, of course, there is less enthusiasm for Jakarta simply because Mr Aidit is in serious trouble in Jakarta. Sir, non-alignment can mean many things and we must not give the impression that in Afro-Asia there is a solid bloc of Afro-Asian opinion. There is, Sir, in fact, no Afro-Asian consensus. Ideologically, Afro-Asia is divided into several little spheres. There are one-party states, multi-party states; there is Nkrumahism, there is Nasserism and so forth. So, all these talk about Afro-Asian consensus is, in fact, bunkum and I think those of us who were in Wineba at the Wineba Conference will realise that the Afro-Asian Solidarity Conferences have very often the habit of becoming Afro-Asian conflict conferences, but that does not mean, Sir, that there is no basic consensus. This is a consensus not based upon ideology but it is a consensus based upon experience, the experience that Afro-Asian countries are all emerging from colonialism and from imperialism. They have a common experience of imperial domination and colonial domination, for one thing; and secondly, Sir, Afro-Asian countries are under-developed and are trying to develop, to industrialise, themselves; and although they try to solve their problems of development in various ways by subscribing to various different ideologies, that consensus does mean that Afro-Asians do have an emotional habit of sticking to each other, when it comes to the developing countries. Never mind the quarrels between Kenya and Somalia, India and Pakistan and so on. But in relation to the developing countries there is this emotional consensus and let us, in implementing our foreign policy, take care not to jump out of this consensus—out entirely of the Afro-Asian court. On a number of occasions, this is precisely what has happened. As the Honourable Member for Batu pointed out, some of the statements made on North Vietnam did throw us out of the Afro-Asian court—I know, and those of us who have been

to African capitals know, Sir. When the whole of Afro-Asia, at least the significant nations of Afro-Asia—they are not necessarily communists and India is not communist—had taken a stand on the American bombardment of North Vietnam, they had not said that the Vietcong was right and they hoped that the communists must win and so on; but there was this general consensus that this was wrong—trying to achieve a political solution through military means.

Sir, such statements, as referred to by me have quite definitely embarrassed Malaysia's standing in the eyes of world opinion and particularly of Afro-Asian opinion and it will be my plea that we develop in our foreign policy a coherence, which is absent, and a consistency which is also absent; and if this is done, Sir, and worked out in detail, I think Malaysia will further strengthen her position in the community of Afro-Asian nations. Thank you.

Mr Chairman: The sitting is suspended.

Sitting suspended at 6.20 p.m.

Sitting resumed at 6.45 p.m.

Debate resumed.

(Mr Speaker in the Chair)

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Mr Chairman, Sir, it was rather rare for me to sit in this Chamber for two solid hours, without having to go out to smoke cigarettes, for example, because I was so interested in the debate that came about just now before the recess. It is becoming a fashion in this House latterly that Members of the Opposition have taken the opportunity of Standing Order 66 (7) or (8)—I cannot remember which one—to provoke a debate in principle during Committee stage on many items, and I must admit that they are, those that have been debated here yesterday and to-day, are very important items. The Honourable Member for Batu, of course, as we know, has put in a motion in his name to debate the foreign policy of this Government, maybe because he fears that the time of the present sittings will

not be sufficient to discuss other matters and that his motions may probably not be brought up. Hence, I take it that he took this move to make this amendment, in order to generate a debate on the foreign policy of this Government.

I personally welcome this, because if we can settle once and for all and let everybody knows what our policies are, then probably in the future we may not need to recourse to more debates in this matter. But the foreign policies of any Government are such that with the changing of times and circumstances in the international world, we have got to probably raise matters of policy from time to time. But definitely I would say that we, the Government, have always had a form of foreign policy and within the concept of that policy, we take a course, or courses, of action affecting various international problems.

Now, as a member of the External Affairs Parliamentary Group, I was very interested to learn, especially from the Members of the Opposition, what their views are, what their observations are, and what their comments are, on our policy, because I should like to assure the Honourable Member for Batu that the External Affairs Group of the Alliance Party was formed well before his speech last year and we, the members of the Group since the Group was formed, have been taking quite a lot of interest and much deeper interest, I think, than ever before in matters pertaining to international problems. That is why I sat for a solid two hours without going out hoping to get, from the Opposition especially, the benefits of their wisdom if there are any, so that these can give me personally, and I can pass on to my friends who are not here, what new thoughts and ideas that we can bring together and discuss. But when we have heard three speakers from the Opposition side, we have got three different sets of views. None-the-less, I must admit that they are very useful views but whether we agree with them or not, is another matter. Each one is entitled to his own views. That is the working of parliamentary democracy.

Now, first of all, I should like to reiterate that we do have a foreign

policy which is a non-aligned foreign policy, and I was very happy to hear the Honourable Member for Bungsar admitting that we do have a non-aligned foreign policy. We have been accused of not having a non-aligned foreign policy because of our pact with the United Kingdom in the form of the Treaty of Defence and Mutual Assistance. I hope by now the public and the nation should be aware that, as the Honourable Member for Bungsar said just now, that our pact is a bilateral pact and not a multilateral pact, such as, SEATO, ANZUS, or NATO, or even the Communist pact, the Warsaw Pact, and it is permissible in international politics for two nations to enter into a bilateral agreement for all sorts of purposes. For example, Cuba: Cuba has a pact with the communist countries but she likes to call herself a non-aligned nation. The world may accept that or may not, but the pact between Cuba and a communist country need not put her out of the non-aligned circles.

We have always stated—if I remember correctly, stated by no less a person than our Prime Minister and the Deputy Prime Minister—that we have had this non-aligned policy ever since we emerged as a sovereign independent nation. But, we have also been accused of not following a non-aligned policy, because we are not bringing ourselves closer to the communist world.

The Honourable Member for Batu said that we are not only anti-communism now, but we are anti-communist countries. Now, surely, the Honourable Member for Batu must admit that our latest proposal to open up Missions, say in Belgrade, for example, would certainly give the lie to his statement that we are anti-communist countries. We have sent trade missions to communist countries. Now, what we are anti is communism brought into our country. That has been my understanding all along. The communists, if they like to live in their own countries and practise their ideologies, that is none of our business, because we have always held to the principle that we do not wish to interfere with other peoples' internal business, as we

do not wish other people to interfere with our own internal business. However, if communist countries were to try and spread communism in our country, then that is our business to fight against them and our country has fought militant communism for over twelve years, a real fight against militant communism. Admittedly, we may probably have not done much to get closer, or opening Missions in other communist countries, but the country should understand that our External Affairs Service is a new service, a service only formed since we attained independence in 1957. Our officers are young and it must be accepted that to build an External Affairs Service to cover so many countries in the world in a short time is a sheer impossibility. Hence, in the beginning, I believe Government had to have recourse to the appointment of many pensioners to the Heads of Missions abroad. Now, I certainly share the happiness of the Honourable Member for Batu that latterly Government has seen fit to appoint career officers to be Heads of Missions abroad and it is rightly so, because all those young people who joined the Service and have seen the world and have been trained and so on, have now reached a position so that they can represent adequately our interests abroad. I personally welcome that move by the Government, but at the same time I would say that the Government has the prerogative and the right to appoint anybody who the Government feels is able and capable of discharging his responsibility abroad as a representative of our country. I was rather hurt earlier to hear from the Honourable Member for Batu his reference to the many members of our missions abroad connected with the family of our Prime Minister. And he also mentioned that our Ambassador-designate to Tokyo, Tengku Indra Putra, is a discarded politician. He is not a discarded politician; he was a Member of this House until the House was dissolved last year. He did not choose to seek re-election. He sought retired life. At one stage he was appointed Officer Administering the Government in Penang. He is a man

of integrity and how could the Honourable Member for Batu refer to him as a discarded politician, somebody not worthy but is being kicked upstairs? These are his very words "kicked upstairs", Sir.

I have been in the service myself and I know how difficult it is to be abroad. I was at United Nations. A lot has been said here just now on the question of our present Representative at the United Nations. Now, our representatives abroad, from my own personal experience, have certain instructions to carry out. Maybe in making speeches and so on, whilst the instructions are being carried out to the letter, certain words or phrases may be injected which might probably annoy other people. In the case of the speech of Enche' Ramani—and this is not because I am trying, to defend him or anybody—I have got a copy of his speech here and I have been reading it, and knowing the procedure in the United Nations, I would say that the debate on the particular day was to discuss about the cease fire, not to discuss as to who was right or who was wrong about Kashmir; and, so, when Enche' Ramani said that "it is not to recall ancient resolutions from the musty records of the past", I take it to mean, in my interpretation, "that we are not today discussing the problems of Kashmir but what we are doing today and what we are discussing today is the question of the cease fire, to get the two parties to stop shooting each other, before we can talk other business." And if those words were read in the whole context, then I feel myself that there was nothing really that could have annoyed Pakistan to force her to break diplomatic relations with us. But, of course, people are entitled to interpret things in the way they like.

Sir, earlier on in his speech, Enche' Ramani mentioned about the division, and I quote, "With the simmering situation between India and Pakistan, indeed, it began simmering on that fateful day in August, 1947, when one Asian country and an Asian people were cut into two unequal parts". Now, I have heard my Pakistani friends

themselves complain against these two unequal parts, and if you look through your map in geography, you will see that Pakistan got the lesser of the two parts. So, I cannot imagine, why they should take offence at that, because what Enche' Ramani said was the actual fact.

We have, Sir, I hope, up to now shown in our actions abroad in the international world that we want to remain at peace with everybody, especially, with our neighbours next door. We have made efforts to settle this most unnecessary confrontation from Indonesia by peaceful means, but all our efforts have failed. We are not facing Indonesia with arms and troops to attack Indonesia but, as a sovereign independent country, we have got to defend ourselves and I am sure, and I hope, should the opportunity occur from time to time from now onwards, that the Government will do its best, will do everything the Government can, to stop this confrontation. We certainly welcome the news which emanated from Manila that the Philippines Government may wish to restore happy relations with us in the very near future. Now, we live in an area here, where we must, although we are an independent sovereign nation, accept that there must be interdependence between those countries in our region in all fields—political field, economic field, cultural field, educational field—and, I believe, if I understand correctly, that that has always been our wish. Hence, the formation of ASA, Maphilindo, and so on and so forth. And so long as we continue with our declared policy of non-alignment, of wanting to be friendly with everybody, then what else are we expected to do? I ask the Honourable Member for Batu, what else are we expected to do? We are not anti-communist countries. We are opening missions, and we hope to open more missions. I think that is the intention of Government to open more missions but, as I said earlier, I personally know full well how short-handed we are on the ground. We have been supporting the Charter of the United Nations right from the beginning, when we first joined as a

member, and as a member of the Security Council we have a more responsible voice in that Council than if we were making just an ordinary policy speech in the General Assembly itself; and whether one likes it or not, as a member of the Security Council—one of the duties of the Council is to preserve world peace and security—we have got to take part in any action that may be proposed in the Council so that the peace and security of the world may be preserved. And that was what Enche' Ramani was doing, acting jointly in the Council to enable the Council to take steps so that peace and security, especially of that particular region and of the world may be preserved. I feel that we have discharged our responsibilities fearlessly at the United Nations. We have taken a definite stand against colonialism. We have taken a definite stand against the apartheid policy of South Africa. We have taken definite stands against any acts perpetrated by anybody against the principles of the Declaration of Human Rights. We took a very strong stand on Tibet. If the Honourable Members of the House will remember, we co-sponsored a very strong resolution with Ireland on Tibet. Now, what else are we expected to do? We have been doing, and I am sure will be doing, all these things that we believe in. I am contributing these thoughts, Sir, because I am not speaking without knowledge—I have been involved in all these things myself, and I was privileged to be involved in all these things myself. As a member of the External Affairs Group of the Party, I am learning more and more and I am trying to pass on what I learn to my other friends; and I was hoping, as I said, to learn quite a lot from the Opposition side today, but three speakers spoke three different ideas. They are useful ideas, of course. They will have to be weighed, considered, very carefully, I suppose, but I would say that nothing constructive, really constructive, came from across the floor, excepting from the Honourable Member for Bungsar, and I must admit that I do agree with much of what he said. Under the circumstances, Sir, I do not feel that the House should support the amendment proposed by

the Honourable Member for Batu. Thank you (*Applause*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya berdiri di-sini ikut champor sa-banyak sadikit-nya

Mr Chairman: Saya hendak tanya berapa lama hendak berchakap?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Sadikit sahaja, di-dalam perbahathan ini yang telah kita ikuti dengan panjang lebar-nya pada petang ini dan yang menjadi kemushkilan kepada saya di-dalam beberapa perbahathan ini sa-telah kita mendengar ucapan yang boleh menimbulkan kekeliruan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu tentang masaalah yang di-kemukakan-nya, masaalah Maphilindo. Dia menyebut bahawa masaalah Maphilindo itu ada-lah satu konsep yang pada mula²-nya di-lahirkan oleh PAS dengan nama Melayu Raya. Pada hakikat-nya, Maphilindo yang disebut² di-masa² yang akhir ini ada-lah chetusan daripada tiga buah negara yang di-wakili oleh Tiga Ketua Negara yang bersidang di-Manila, di-mana Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita sendiri hadir untuk mewujudkan persafahaman di-dalam lingkungan negara² tiga bersaudara ini dengan apa yang di-namakan Maphilindo. Dengan tujuan ini akan dapat menghindarkan sa-barang keretakan persahabatan yang nampak pada waktu itu akan lahir, tetapi Maphilindo tidak berjaya untuk membendung sa-suatu yang sudah di-takdirkan oleh Allah.

Tuan Pengerusi, yang menjadi kemushkilan saya; kata saya tadi ia-lah, Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu menyatakan bahawa dia mahu Maphilindo itu lahir dengan bentuk dan chara yang di-fikirkan oleh PAS sendiri, sa-bagaimana yang disebutkan sa-bagai Melayu Raya. Melayu Raya yang di-maksudkan itu, dan telah di-terangkan-nya di-dalam Dewan ini sa-banyak sadikit, merupakan sa-bagai suatu lingkaran sejarah daripada Empire Majapahit atau Sriwijaya yang akan melahirkan kata-nya, satu negara yang besar di-dalam

lengkongan Tenggara Asia ini. Di-sinilah timbul-nya kemushkilan saya daripada konsep PAS hendak melahirkan Melayu Raya itu, dan di-sini-lah juga timbul-nya beberapa pertanyaan didalam hati kita. Apa-kah bentuk-nya Melayu Raya yang hendak di-lahirkan oleh PAS dengan apa yang di-namakan pada masa yang akhir ini, katanya dengan nama Maphilindo. Kalau ini sa-bagai suatu rangkaian daripada Majapahit, atau daripada Sriwijaya, maka nyata-lah negara yang tiga ini akan lebor sendiri-nya, menjadi satu negara yang hanya satu, tetapi kalau saya boleh meninjau ucapan yang terakhir ucapan-nya dalam masaalah hendak menyelesaikan masaalah confrantasi kita dengan Indonesia serta putus-nya perhubungan kita dengan Pakistan, dia telah menyatakan adakan-lah perhubungan diplomatik ini kembali dengan semangat dan perasaan yang penuh harapan, tetapi jangan-lah menjatuhkan maruah kita di-tengah² perchatoran politik dunia ini. Kalau kalimat ini-lah yang hendak saya pinjam, kita mesti mempertahankan dan kita mesti membuat perhubungan, tetapi tidak menjatuhkan maruah, maka berlawanan-lah chakap ini dengan chakap-nya yang pertama hendak melahirkan suatu apa yang di-namakan lanjutan daripada Empire Majapahit atau Sriwijaya.

Tuan Pengerusi, ini-lah kesilapan agak-nya, atau pun berlainan faham di-antara kita dengan pendirian PAS sendiri. Kita telah mengadakan asas saperti mana Ahli Yang Berhormat di-Kota Bharu Hilir tadi menyatakan, asas bukan merupakan satu bentuk negara yang berpadu di-dalam politik-nya dan di-dalam Perlembagaan-nya, tetapi sa-bagai satu ikatan yang tertentu di-dalam satu perjanjian yang terbatas. Kalau bagini bentuk Maphilindo maka ini-lah yang di-kehendaki oleh Persidangan Ketua² Negara yang berlangsung di-Manila itu. Tetapi kalau sakira-nya pendirian PAS hendak melahirkan suatu negara Melayu Raya atau negara Maphilindo di-mana sa-tiap kita mesti mengorbankan, sama ada Malaysia mesti mengorbankan negara-nya, mengorbankan kera'ayatan-nya, mengorbankan Perlembagaan-nya,

mengorbankan Ketua Negara-nya, bagitu juga Filipina mengorbankan Perlembagaan-nya, Ketua Negara-nya, dan keperibadian-nya dan bagitu juga Indonesia, maka akan lahir-lah satu negara yang di-kehendaki-nya, negara Maphilindo di-mana hanya akan melahirkan satu Ketua Negara sahaja. Siapa-kah yang akan menjadi Ketua Negara di-antara negara Maphilindo ini? Kalau ini yang menjadi tujuan PAS dan kalau ini-lah yang menjadi tujuan, bagaimana-kah pandangan PAS terhadap Ketua Negara kita, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang telah di-anggap sa-bagai Ketua Negara didalam Malaysia ini? Bagaimana-kah kedudukan-nya terhadap Raja yang telah menguasai negara ini sekarang mengikut Perlembagaan? Ini-lah masaalah² yang mesti di-kaji.

Tuan Pengerusi, ini-lah saya katakan, kita tidak dapat menerima fahaman Melayu Raya yang melebor-kan semua kita ini yang menjadi satu di-mana kita mengorbankan keperibadian kita, maruah kita sendiri, maruah kita dan kemerdekaan kita sendiri, menjadi satu bentuk negara yang berasingan dengan bentuk yang lain. Ini yang kita tidak mahu. Yang kita mahu kita hidup dalam rumah kita sendiri, dan Indonesia hidup dalam rumah-nya sendiri, dan Filipina hidup dalam rumah-nya sendiri, tetapi kalau boleh, terikat di-dalam satu perjanjian persahabatan di-antara satu negara ini dengan satu negara ini, menghormati kemerdekaan, menghormati hak, kedaulatan-nya mengikut Perlembagaan masing². Ini yang kita wujudkan dan ini yang kita mahu. Tetapi malang-nya bagi Indonesia tidak mahu lahir-nya Malaysia ini dengan apa yang kita mahukan dalam lingkungan Maphilindo, tetapi mahu menghanchorkan Malaysia, dan kita sa-bagaimana yang kita tahu, bukan kita yang mula' konfrontasi dengan Indonesia, bagitu juga dengan Pakistan, bukan kita yang memutuskan perhubungan kita dengan Pakistan, tetapi mereka-lah yang telah memula' ini semua sekali dan kita menerima takdir daripada apa yang telah berlaku itu sahaja.

Jadi, Tuan Pengerusi, pada faham saya sendiri, itu-lah supaya jangan dapat terkeliru, atau di-pesona dengan ucapan² yang lemak manis yang sedap di-dengar oleh telinga, tetapi menjatohkan maruah dan kehormatan serta kemerdekaan kita sendiri. Terima kasih.

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak): Mr Chairman, Sir, I wish to intervene in this debate solely to reply to one point raised by the Honourable Member for Batu. The Honourable the Prime Minister will, no doubt, reply to him in full in due course, but there was one criticism he made, i.e., the criticism against the persons of our Ambassadors and High Commissioners serving abroad. Although the Honourable Member for Kota Bharu Hilir has already replied to him, but I feel that I must stand up and reply to him, Sir, because I consider that the criticisms he made are unfair, unnecessary and unwarranted. These persons were appointed Ambassadors and High Commissioners because they were considered suitable, because they were men of experience, who have served the country well. They may be connected with any ruling house, but that is a mere coincidence. The fact that our High Commissioner in London is connected with the ruling house of Kedah is a mere coincidence. Tunku Yacob is a man of considerable experience and has served this country for many, many years.

Our High Commissioner-designate in the United Kingdom, Dato' Syed Sheh, has served as Ambassador in Bangkok and in Tokyo with great distinction. He was respected by the people of these two countries. So it is very unfair, Sir, to criticise these officers, who are in no position to reply to such criticisms in this House. Also, Sir, as the Honourable Member for Kota Bharu Hilir has said, the Honourable Member for Batu spoke of our Ambassador-designate in Tokyo, Tengku Indra Petra, as a discarded politician. This is again, Sir, completely unfair and unjustified. Tengku Indra Petra was a distinguished Member of this House and he has served this

country well indeed. He had thrown his lot in the movement to achieve Independence for this country and I suggest he had done much more service to the country than many Members of the Opposition (*Applause*). I must ask Honourable Members that if they want to engage in personal criticism, they must be fair, particularly to officers, who are serving our country abroad and who have no opportunity to reply in this House. The Honourable Member also spoke that the Government should give opportunities to career diplomats to serve as Ambassadors and High Commissioners.

Well, Sir, we have a very young diplomatic service, only just about eight years old, and as our permanent officials become senior enough to fill these posts, they are being appointed as Ambassadors and High Commissioners; and this process will go on. We are giving them full opportunities to serve the highest posts in that service. This is clear, Sir. We have appointed a few now to be Ambassadors and High Commissioners.

Sir, this is the only point I wish to say in this debate and as, I said, the Honourable the Prime Minister will reply adequately to the Honourable Member for Batu.

Enche' Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah (Pasir Mas Hilir): Tuan Pengerusi

Mr Chairman: Sa-lama mana hendak berchakap? Ini kita bahath atas pindaan sahaja, bukan atas usul yang mula. Jadi tolong pendekan sedikit, kalau tidak soal pindaan ini sampai dua hari.

Enche' Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Pengerusi, lebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berchakap sedikit atas usul yang di-bawa oleh wakil Batu mengenai potongan \$1.00 pada peruntukan kepada Menteri Luar Negeri. Tuan Pengerusi, kita, negara kita ini baharu sahaja telah merdeka boleh-lah di-katakan negeri yang termuda sa-kali, tetapi dalam

muda kita itu, kita telah membuat record yang menggemparkan ia-itu mula-nya tertuboh-nya Malaysia, terputus dua hubungan dengan negara tetangga kita dan baharu² ini pula satu lagi putus hubungan dengan negara Pakistan. Tetapi kalau-lah saya mengatakan ini ada-lah kurang kecekapan daripada Kementerian Luar Negeri atau mengatakan tidak sah-nya kita putus hubungan dengan Indonesia, maka Ahli² Yang Berhormat di-sebelah sana mengatakan boleh jadi saya dapat ilham daripada Radio Jakarta, atau pun tempat² lain yang di-benchi oleh orang² dalam negeri ini. Wakil daripada Hilir Perak berchakap tadi, saya terasa juga sa-suatu yang akan di-keluarkan oleh beliau kepada sahabat saya daripada Pasir Mas Hulu tentang soal Maphilindo itu, tetapi rupa-nya tidak-lah sa-garang yang dahulu lagi perchakapan-nya kepada sahabat saya ini, hanya dia mengatakan kurang faham-nya soal Maphilindo yang telah di-sebutkan oleh saudara saya tadi. Dia chuba pula hendak mengaitkan Maphilindo atau Melayu Raya yang di-sebutkan oleh sahabat saya itu untuk mengelirukan apa yang kami sebutkan ia-itu mengatakan kita hendak masuk terus begitu sahaja menjadi hamba, atau menjadi sa-bagai ta'alok kepada Indonesia, begitu juga Pilipina yang menganggap barangkali kita memilih sa-orang President atau Raja daripada Indonesia dan ini adalah memalukan atau menjatuhkan maruah kita. Ada-kah sa-saorang ahli politik ia-itu dasar-nya untuk menjatuhkan maruah negeri dia sendiri? (*Di-sampok*).

Enche' Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Ya-lah barangkali tidak berapa banyak dan kita perchaya orang² dalam Dewan ini, kalau dia telah buat begitu, saya perchaya tindakan telah di-ambil, sebab kita telah bersumpah untuk ta'at kepada Perlembagaan Malaysia, Tuan Pengerusi.

AN HONOURABLE MEMBER: Ketua PAS apa jadi?

Enche' Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Itu soal tidak di-zahir-

kan lagi, sebab kita telah menchabar Kerajaan supaya membawa kepada Mahkamah, terbuka, tetapi sampai sekarang tidak ada lagi—itu sa-belah pehak mengatakan dia bersalah, tetapi kita tidak boleh dapat menerima lagi, Tuan Pengerusi. Kita tahu, Tuan Pengerusi, penubohan Malaysia dahulu, kita telah berchantum di-antara Singapura dengan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Tetapi kita tahu hari ini, Singapura telah mendapat kemerdekaan-nya, sebab boleh di-buat kalau sa-suatu yang tidak mengingini bagi kita, atau bagi Singapura, dapat keluar begitu dengan tidak ada jatoh maruah apa² pun. Tetapi mengapa-kah hanya mengatakan kalau berchantum, Maphilindo itu hanya satu jalan sahaja, hanya kita yang menundok kepada Indonesia, Tuan Pengerusi? Banyak jalan, confederation dan sa-bagai-nya boleh kita buat dengan syarat kita tahu kedudukan kita tidak jatoh maruah sa-bagai bangsa yang merdeka, hanya boleh melalui segi kebudayaan, dari segi ketenteraan dan sa-bagai-nya, boleh-lah kita menjaminkan kedudukan negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, dalam soal pembelaan tentang putus perhubungan kita dengan Pakistan, sahabat saya daripada Kota Bharu Hilir telah mengatakan Enche' Ramani di-Bangsa² Bersatu telah membuat kerja yang baik sa-kali, kerana dia menyuarakan soal perletakan senjata supaya tidak mahu orang bergaduh² lagi. Tetapi kita harus ingat, Tuan Pengerusi, waktu menjadi soal di-Pakistan dengan India itu ada-lah terbit-nya daripada kedudukan Kashmir yang pada satu masa dahulu dalam tahun 1947 dan tahun 1948 telah diputuskan oleh Bangsa² Bersatu untuk mengundi—plebiscite kepada anak negeri itu untuk menentukan ada-kah dia hendak bergabung dengan India atau bergabung dengan Pakistan atau merdeka sendiri yang dapat di-terima oleh ketiga² pehak, ia-itu-lah India, Pakistan dan juga Bangsa² Bersatu. Tetapi apa yang kita bangkitkan di-situ lain daripada apa pegangan kita asal, ia-itu kita dalam soal pembentukan Malaysia, Tuan Pengerusi, kita mengagong²kan sangat soal pungutan suara di-Borneo Utara, kita mengatakan

seluruh ra'ayat telah menyokong untuk pembentokan Malaysia, wal-hal dengan itu-lah menjadi konfrantasi negara tentangga kita, tetapi kita berasa dan kita melaungkan keputusan ini kepada seluruh dunia mengatakan kita telah menentukan pungutan suara dan kita telah ta'at kepada Bangsa² Bersatu. Tetapi Bangsa² Bersatu telah memutuskan soal India, kita tidak mengungkitkan mengapa tidak di-jalankan keputusan yang telah di-buat bertahun² dahulu—lebeh daripada 10 tahun dahulu. Yang kita lebeh titekberatkan soal tidak mahu negeri kedua² ini bergaduh, dan dalam pada itu wakil

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Untuk penjelasan. Saya hendak tanya ada-kah Ahli Yang Berhormat itu tahu atau ketahuī apakah sharat-nya yang di-buat dalam tahun 1947 waktu di-putusan atau di-buat satu resolusi berkenaan dengan masaalah Kashmir itu? Ahli Yang Berhormat itu sebut berkenaan dengan pungutan suara sahaja. Adakah Ahli Yang Berhormat itu ketahuī ada-kah sharat² lain yang kena di-sempurnakan dahulu daripada sharat pungutan suara itu?

Enche' Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Pengerusi, saya tidak tahu-lah dengan sa-jelas² perkara itu (*di-Sampok*) sebab saya tidak pernah pergi ka-United Nations, Tuan Pengerusi.

Dato' Nik Ahmad Kamil: Ma'af, saya tolong terangkan: di-buat resolusi itu ada tiga sharat. Satu-nya kena-lah di-undorkan troops daripada dua pehak daripada kawasan Jammu dan Kashmir. Sharat yang kedua-nya kena-lah India menjaga, mengambil tahu, bertanggung-jawab supaya sharat² itu di-ikut. Kedua² sharat—satu dan dua ini—tidak di-sempurnakan. Itu-lah sebab-nya plebiscite atau pungutan suara itu tidak boleh di-jalankan.

Enche' Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Pengerusi, saya berkata pada dasar-nya ada-lah walau pun ketiga² itu tidak dapat di-sempurnakan oleh dua belah pehak, tetapi

tentang pungutan suara yang kita melaong²kan bagi kita ini sa-patut di-titekberatkan dalam perkara itu, Tuan Pengerusi. Tetapi kepada orang, soal pungutan suara itu tidak begitu besar, tetapi soal penubohan Malaysia kita mengatakan ini ada-lah perkara yang paling besar bagi kita. Jadi, soal-nya di-dalam negeri kita sendiri tidak dapat mencherminkan kedudukan kita di-luar negeri.

Tuan Pengerusi, kita tahu kita lepas daripada penjajahan Inggeris. Apa yang, kalau sa-kali pandang, negeri² yang telah di-beri kemerdekaan oleh Inggeris, dia tidak-lah meninggalkan negeri yang di-beri kemerdekaan itu dengan suchi hati atau pun dengan tidak akan membangkitkan sa-suatu. Kita lihat, Tuan Pengerusi, bila kemerdekaan di-beri kepada India dan Pakistan, soal Kashmir maseh terlekat lagi. Kita pergi pula kepada Cyprus, di-beri kemerdekaan kepada Cyprus, ada lagi perkara yang terlekat dalam soal Cyprus untuk keadaan dua negara daripada orang keturunan Turkey dan daripada orang keturunan Greek. Dan kita pergi kepada Somalia, dia beri kemerdekaan kepada Somalia ditinggalkan satu penyakit atau duri dalam daging kepada Somalis yang tidak menentukan perbatasan-nya dengan Abyssinia. Jadi, begitu-lah juga di-beri kemerdekaan kepada Kalimantan Utara menjadi suatu badan yang ada duri dalam daging. Bagi kita sendiri yang menyebabkan sa-hingga hari ini, perhubungan kita dengan negeri jiran kita, terutama sa-kali dengan Indonesia, maseh tidak baik lagi. Tetapi walau macham mana pun kita meng-uchapkan shukor, Tuan Pengerusi, kerana ada ura² baik yang telah di-dengar pada masa yang akhir² ini tentang Filipina akan mengadakan hubungan baik pula sa-bagaimana asal dengan kita. Kita sambut baik-lah usaha² Kerajaan kita, tetapi apa yang kita tahu, Tuan Pengerusi, ia-lah bukan usaha² itu yang keluar daripada Kerajaan kita sendiri, yang kita tahu-nya ia-lah di-mulakan oleh President baharu Filipina yang akan di-lantek tidak berapa lama lagi, ia-itu Tuan Marcos tentang perhubungan dengan kita.

Tuan Pengerusi, kita tahu dalam negara kita ini terdiri daripada tiga bangsa satu tiga kaum yang besar iaitu orang Melayu, orang India dan orang China. Kita baharu sahaja mendirikan satu bangsa baharu yang kita harap tiga² bangsa ini akan dapat bersatu padu dan dengan itu kita perchaya kekuatan kita akan lebih lagi, baik dalam negeri atau di-luar negeri, tetapi, Tuan Pengerusi, saya maseh ragu² tentang ketiga² itu maseh ada lagi emosi² yang tidak berapa di-kehendaki telah terzahir, tetapi, Tuan Pengerusi, kita perchaya emosi orang² Melayu tidak suka berkelahi dengan orang yang sa-keturunan dengan-nya ia-itu-lah sa-bagaimana Indonesia dan juga Filipina dan juga satu lagi emosi orang Melayu tidak suka menjadi pergadohan sama² Islam sa-bagaimana yang berlaku dengan Pakistan, tetapi kita tahu emosi yang dua bangsa lain itu. Kita tahu dengan sa-chara kita menghormati emosi orang lain ini membiarkan diri kita terdedah kepada satu negara Islam lain yang menyebabkan putus hubungan kita dengan Pakistan. Saya tidak kata-lah, kerana kita, boleh jadi orang mengatakan putus hubungan dengan Pakistan, tetapi tentu sa-kali dunia tidak dapat menerima-nya yang kita tidak sangkut-paut dalam perkara itu.

Mr Chairman: Lama lagi-kah?

Enche' Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Sadikit lagi

Mr Chairman: Tadi kata sadikit.

Enche' Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tiga minit Tiga Pengerusi, tentu sa-kali pehak sa-belah sana mengatakan kita hanya pandai mengatakan tentang tidak puas hati, tetapi walau macham mana itu-lah, Tuan Pengerusi, kedudukan seluruh orang Melayu di-dalam negeri ini tidak boleh kita menipu, dia mengatakan bahawa perkelahian di-antara dua buah negeri ini ada-lah salah orang lain, tetapi dia hanya boleh tutup mulut, Tuan Pengerusi, atas dasar boleh jadi hormat kepada Ketua Agong kita ia-itu-lah Perdana Menteri yang kita hormati dan juga kerana takut sa-

suatu yang akan terkena akibat-nya kepada diri-nya sendiri terpaksa mendiamkan perkara itu, tetapi satu masa akan zahir-lah perkara itu.

Tuan Pengerusi, saya juga menyokong saudara saya dari Pasir Mas Hulu tentang dalam soal Kementerian Luar Negeri ini kita berikan tugas kepada sa-orang yang tertentu untuk menjaga dasar luar negeri kita atau Menteri Luar Negeri kita, sebab bukan-lah saya, apabila berkata bagitu, saya tidak perchaya kepada kerja² baik yang di-buat oleh Tunku Perdana Menteri kita, tetapi, Tuan Pengerusi, boleh jadi dengan kita meletakkan sa-orang yang bertanggung-jawab penoh dalam soal dalam negeri dan juga soal luar negeri yang sa-harus-nya kita memberi kedua² itu kepada dua tuboh supaya perkara itu dapat di-jalankan dengan lancar. Ada perkara², boleh jadi silap faham di-antara orang² luar negeri tentang Tunku Perdana Menteri kita membuat satu statement, boleh jadi statement dia itu umum sa-bagai Perdana Menteri di-salah ambil oleh negeri lain mengatakan statement itu ada-lah statement khusus sa-bagai Menteri Luar Negeri, tetapi kadang² boleh jadi bila statement yang di-buat oleh Tunku bawah daripada dia itu telah menjawab statement itu, itu ada-lah memalukan negeri kita sendiri. Jadi, sa-lain daripada itu harus kita buat bagitu, kerana Perdana Menteri kita, orang yang taraf kita hendak kedudukan kita ini agitu lancar memandangkan kedudukan dunia yang berubah mendadak dalam masa yang akhir ini, terutama sa-kali dalam soal yang berlaku di-Indonesia dengan "Gerakan 30 September-nya" itu orang² di-sana menghentam lumat Parti Kominis Indonesia yang kita mengatakan itu-lah orang yang paling kuat untuk menghentam kita, tetapi pada sa'at sekarang bahawa ucapan yang mengatakan Radio Indonesia kita dapat ilham dari Indonesia itu telah tidak bangkit lagi dalam Majlis Dewan ini, Tuan Pengerusi, berapa bulan sahaja daripada perkara itu.

Sa-lain daripada itu, saya tegaskan lagi soal Menteri kita tadi, dan kalau-lah saya boleh buat chadangan, Tuan Pengerusi, saya boleh menchadangkan Menteri Luar Negeri ini, barangkali

Menteri Penerangan kita, orang yang boleh di-katakan lama berdiplomasi dengan Indonesia, baik mewakili kita menjadi Duta di-sana, atau pun bekerja dalam Indonesian Secretariat di-Bangsa² Bersatu sa-belum konfrantasi dahulu—waktu baik dahulu, Tuan Pengerusi, bukan lepas konfrantasi, beliau juga pernah pergi ka-Bangsa² Bersatu mewakili negeri kita. Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, beliau ini tidak boleh di-katakan tua—gulungan tua yang maseh ada daki² penjajah maseh tebal dalam kepala masing², dan juga bukan-lah termasuk dalam gulungan muda yang di-katakan dia maseh mentah lagi—dia memang orang yang sederhana. Itu-lah sahaja. Tuan Pengerusi.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Berapa lama hendak berchakap?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Lima minit. Saya tunggu lama, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Saya tidak peduli siapa² walau pun telah tunggu lama. Saya jumlahkan sa-belah sini berapa banyak, sudah lama, sa-belah sini berapa jam sudah!

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Lima minit sahaja, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangun hendak buat dua sokongan. Yang Pertama saya hendak sokong pendapat saya yang hendak saya kemukakan dan yang kedua saya hendak menyokong apa yang di-bawa oleh sahabat saya daripada Pasir Mas Hulu. Tuan Pengerusi, rengkas-nya bagini sahaja yang saya hendak chakapkan. Pindaan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu memotong \$1.00 daripada gaji Menteri Luar Negeri, meski pun \$1.00, tetapi ini-lah the worst insult, itu-lah kechaman yang paling hebat sa-kali yang pernah dibuat di-dalam sa-sabuah negara yang demokerasi yang sa-macham kita ini. Kurang sedikit berat-nya ia-lah kita memotong gaji daripada satu² item yang tertentu. Jadi motion yang di-

pinda ini amat-lah berat dan saya per-chaya perkara tentu-lah kena-mengena dengan urusan yang besar, ia-itu per-kara² nasional yang sa-benar²-nya.

Sebab itu, Tuan Pengerusi, bagi pehak PAS ini telah berchakap sampai kapada MAPHILINDO, kerana memandang bahawa sa-lain daripada per-kara² yang berlaku pada masa ini yang telah kita terlibat, sama ada di-fahami oleh orang, atau pun tidak, mewujudkan MAPHILINDO dengan bentuk Confederation, atau pun sa-bagai-nya ada-lah merupakan satu perjuangan yang kita hendak menjaga kawasan di-sini yang saya rasa Ahli dari Bungsar tadi yang tidak mahu kapada dasar perkauman, tetapi dia mahu kapada dasar regional, saya rasa ini ada-lah satu dasar regional. Jadi, tidak berlawanan dengan itu, tetapi saya bimbang, takut, kalau² Kerajaan kita menerima apa yang di-chadangkan oleh Ahli dari Bungsar itu, ia-itu yang penting, yang hendak membuat sa-suatu persatuan yang baharu sa-lain daripada Malaysia ini ia-lah di-dasarkan di-atas satu chorak negara kita ini under-develop. Jadi, erti-nya sebab negeri kita mundor, maka kita bersatu hendak maju. He speaks in term of stomach, erti-nya kita hendak memikirkan untuk perut kita. Apabila kita maju di-masa itu, kita bergaduh lagi, sebab itu-lah di-sebutkan MAPHILINDO, atau pun apa juga nama yang di-sebutkan mengasaskan persatuan itu di-atas stock—human stock—lebeh kuat daripada perkara² yang lain lagi, sebab itu kita mengharapkan MAHPILINDO itu meliputi keturunan² yang asal.

Tuan Pengerusi, betul zaman modern sekarang ini tidak berdasarkan keturunan darah dan tidak sangat juga fanatic dengan ideology, tetapi kita nampak, Tuan Pengerusi, keturunan ini menjadi satu factor yang kuat bagi perpaduan. Kita tengok masa dharurat dahulu apabila di-ishtiharkan manpower, atau pun kerahan tenaga ra'ayat, beberapa banyak orang² yang bukan asal-nya di-Tanah Melayu ini telah tidak menyambut seruan itu, dan mereka rela di-buang negeri atau pun di-hantar ka-mana². Mereka tidak mahu mempertahankan di-Tanah

Melayu ini. Ini menunjukkan bahawa stock Malaysia itu ada-lah menjadi factor yang utama, sa-kali pun factor² yang lain kita akui; itu-lah maksud yang di-katakan MAPHILINDO itu. Ada pun dalam masaalah kita hendak mengorbankan maruah bangsa kita, Tuan Pengerusi, saya suka hendak memberitahu Dewan ini terutama kepada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita pada hari ini, ia-itu Parti P.M.I.P. ini ia-lah Parti Islam dan keturunan Melayu. Tidak manasabah dalam sejarah yang bangsa Melayu ini pernah menjatuhkan Raja-nya sendiri, dan boleh-lah di-uji keta'atan kami apabila negara kita ini telah di-confrontasi oleh Indonesia sa-bagai mana kami menyambut bermacam²—tentera saperti wataniah dan terkadang² itu kami menchabar dan terkadang² itu kami menghentam Kerajaan kerana tidak memberi peluang kepada kami untuk turut sama. Apa-kah ini boleh di-bayangkan oleh satu pehak bahawa kami ini chuba hendak menjatuhkan Raja² sendiri? Ini tidak mungkin, ha-nya sa-bagai hendak memburok²kan, hendak menjatuhkan kami sa-bagai Parti Pembangkang yang loyal dalam Rumah yang mulia ini. Tuan Pengerusi, ada satu masaalah yang besar sa-kali di-dalam

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan hendak berkata ta' perchaya, kepada Kementerian ini belanja duit ini, dua tiga patah boleh. Kalau panjang² pun, ma'ana-nya bagitu juga—ta' perchaya, no confidence rasa-nya; itu sebab di-turunkan, walau satu ringgit, walau satu kupang, itu no confidence tentang ini. Jadi, tolong pendekkan ucapan itu.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Pengerusi, untuk merengkaskan ini, saya suka-lah hendak menyebutkan berkenaan dengan masaalah Tuan Ramani kita yang menjadi, nampak menjadi inti-sari dalam perbahathan ini.

Tuan Pengerusi, sama ada di-pandang boleh di-perchaya, atau pun tidak, kita boleh melihat statement, atau pun kenyataan² daripada pehak Kerajaan—tiga statement yang contro-versial, yang berlawanan sama sendiri.

Yang Pertama saya tertarek hati dengan apa yang di-terjemahkan oleh Ahil Yang Berhormat dari Kota Baharu Hilir tadi yang kata dia, membacha di-sini ia-itu kata-nya wakil kita di-dalam Bangsa² Bersatu itu telah menyuarakan tidak puas hati, kerana satu bangsa yang lama dan negara yang lama di-pechahkan dua tidak sama—lihat-lah di-dalam peta, erti-nya Pakistan itu kecil, India itu kecil

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Ahli Yang Berhormat itu berjanji chuma lima minit sahaja. Bagi sa-orang Ahli Pembangkang yang ta'at dan sa-orang Islam yang memegang janji, masa-nya lima minit itu sudah sampai, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*).

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya hendak menyelesaikan perkara ini

Mr Chairman: Ada pun perbahathan dalam Rumah ini, satu² orang itu bebas dia punya keperchayaan, macham mana kalau dia berchakap tiga jam pun, barangkali Ahli yang itu dia perchaya macham dia punya keperchayaan juga. Jadi, ta' payah di-ulang²kan, ta' payah di-provekan dia tidak betul. Jadi, chakap dia sendiri punya keperchayaan pun sudah-lah.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, keperchayaan saya, Tuan Pengerusi, bagini: oleh kerana kenyataan² yang di-beri oleh pehak Kerajaan sendiri berlawanan antara satu sama lain, maka saya perchaya Enche' Ramani, atau pun Tuan Ramani, telah terlibat di-dalam perkara ini sehingga terputus-nya perhubungan kita dengan Pakistan, ia-itu kalau-lah kenyataan Tuan Ramani itu bermaksud susah hati-nya di-dalam Majlis yang telah mewakili kita, kerana negeri India yang besar itu di-bahagi dua tidak sama, erti-nya sa-patut-nya mahu bagi banyak kepada Pakistan, kalau mengikut map. Saya tidak fikir wakil di-India itu sampai bagitu tidak dapat faham apa yang di-katakan sa-hingga boleh di-bodohkan oleh wakil kita ini. Saya tidak fikir sampai bagitu. Jadi, itu satu perkara. Ada-kah terjemahan, atau pun tafsiran ini betul sa-bagaimana

yang akan di-tafsirkan oleh Perdana Menteri kita—itu tidak tahu lagi, sebab itu, saya was-was.

Yang Kedua, lantekan Enche' Ramani ini sendiri, sa-tahu saya, yang sampai kapada saya ia-lah dia sendiri ada urusan hendak pergi ka-Amerika kerana hendak membuat ubat. Badan-nya sakit, oleh itu Perdana Menteri kita ini sa-bagai satu orang yang tidak tahu marah, dan hendak menjaga perbelanjaan ekonomi di-negeri kita ini, dia kata ini-lah peluang-nya orang ini pergi ka-sana, kita lantek. Jadi, ini-lah sebab-nya dia pun tidak payah belanja ubat dan pun tidak payah mengurangkan staff kita di-Malaya ini oleh dia ada di-sana. Ini, Tuan Pengerusi, ada di-mana-kah, saya dapat tahu benda itu.

Yang ketiga, kenyataan sa-orang pegawai yang bernama Yang Mulia Tengku Ngah sudah mengecham kenyataan Tuan Ramani, tetapi Tunku sendiri sa-bagai sa-orang yang selalu baik sangka terlampau, dia sendiri kata dia tidak fikir yang Enche' Ramani itu berkata begitu, tetapi ada pula Ahli pada hari ini berkata dia berfikir begitu—yang Tunku tidak berfikir, yang orang ini kata berfikir. Jadi, yang mana satu yang betul, sebab itu-lah kalau kita boleh—saya jauh sa-kali daripada hendak mengatakannya Perdana Menteri kita ini nanyok, tetapi saya suka-lah kalau sa-kira-nya kita dapat orang lain . . .

Mr Chairman: Itu-lah kalau kita beri peluang kapada dia, boleh-lah. Kalau kita sudah berchakap berjam² macham hendak beri peluang kapada dia.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Pengerusi, itu-lah sebab-nya kita memikirkan bahawa masalah Tuan Ramani ini patut-lah Perdana Menteri kita ini memikirkan dan sakurang²-nya untuk merengankan bebanan-nya melantek sa-orang Menteri yang lain di-bawah kelolaan Perdana Menteri, atau pun kita tarek orang kita daripada U.N. itu dan gantikan dengan Ahli daripada Kelantan Hulu itu dan saya suka sangat kalau dia dapat pergi ka-Amerika itu.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Ada-kah maksud supaya dihantar wakil Kota Bharu Hilir ini ka-Bangsa² Bersatu dengan maksud supaya dia tidak ada peluang ka-Kelantan (*Ketawa*).

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Dia pergi ka-sana tentu dia pulang, Tuan Pengerusi, ta'kan-lah hendak duduk sana langsung, dia orang Melayu!

The Prime Minister: Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Batu in moving his amendment, has told the House that he did the same thing last year, in order to focus attention on our foreign affairs and to give an opportunity to Members of the Opposition to debate on matters of foreign policy, and he said that his present amendment proposing a token cut of \$1 from the salary of the Minister of External Affairs has no other objective than to talk as he talked last year on so many things, which in fact, came to nothing. I have got a list of the things that he had talked about and I propose to run through them quickly, as it would take a long time to reply to each one of them. In fact, he knows the answers to all these things and, therefore, I do not have to be very explicit on them.

Last year he suggested that we should lay on the Table a White Paper on our foreign policy to enable the Opposition to criticise this Government on its foreign policy. But, let me tell the Honourable Member and other Honourable Members of the Opposition that the foreign policy of this country has been consistent, it has not changed ever since we decided on it, and we have not formulated a hard and fast rule by which we are guarded in our foreign policy, because the foreign policy of every country must be alive, and it must fit itself to the trend of political thoughts, the trend of political events around us. Therefore, it is very hard for a country to say, "This must be our foreign policy and we must adhere strictly to it".

The Honourable Member harps on one thing to which I think I should

reply—it is the same tune which he played last year, this is on our Ambassadors abroad. Tun Haji Abdul Razak replied to this matter just now, because he thought that as these two particular Ambassadors whom the Honourable Member named are members of the Kedah Ruling House, I would be rather shy to reply. However, let me say this: Do not think that the qualification to be an ambassador is to be a member of the Kedah Ruling House—and that is also not the qualification of the Prime Minister of Malaysia. These two persons are not out of job, and in fact one of them has been seconded to the service. These officers are sent abroad because of certain qualifications which they have and we feel that they could rightly represent us abroad and could do it very well—and this has been proved in that they have done very well indeed. I do not want to go further on this matter.

The other matter is in respect of the High Commissioner, whom he called a discredited politician, namely, Tun Lim Yew Hock. I have defended Tun Lim Yew Hock time and time again and I will say again that the proof of his quality is in the work which he has done in bringing about close relationship between Australia and ourselves. The same can be said with regard to Tengku Indera Putra. Tengku Indera Putra's qualification is not because that he is a member of the Kelantan Ruling House but because he is very fine man, a wonderful man, who has thrown in his lot with the people of the country when the country was fighting for its independence. He was not discredited. He left because he felt that somebody else might rightly stand in Kelantan, and also because he likes to live in Penang. He has never been quiet, he has always worked for the Alliance Party; and I feel that with his personality and with his education he could well represent us in Japan, and let us see what he could do. However, to condemn a person just on the eve of his transfer to take up his new duty, I think, to say the least, is not quite "cricket". Perhaps, the Honourable

Member does not play cricket, and as he does not smoke, he does not drink, he does not keep a mistress, (*Laughter*) I can well understand that he is a marvellous person!

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification, Mr Chairman, Sir. I can chat very intelligibly with the Honourable Prime Minister on, shall we say, Lady Constantine, the merits of his bowling, of his batting and of his fielding.

The Prime Minister: I have not much time to hear about the bowling, and so on. I do not play cricket myself. (*Laughter*). But these are the words that they use. The Opposition and the Government, it must be said, cannot be expected to see eye to eye with one another, either on matters at home—internal matters in respect of this country—or, less still, on foreign policy. They have, naturally, different outlooks because they are in the Opposition and, perhaps, they prefer to be friends to countries, which are unfriendly towards us. Their criticisms of the Government from time to time have pleased the ears of these foreign countries who are, as I said, unfriendly to us. Therefore, they go on talking on those lines. These countries perhaps have the backing of the Opposition, countries which they have mentioned in the course of their discussion on this matter on foreign policy—countries like Communist China, like North Vietnam, like Indonesia, like Pakistan, and so on, which we say belong to the Eastern bloc, as opposed to us, which we consider as neutral. However, our interest is to see, first, whether in following the policy which we follow we are better off, or we are not, compared with these countries, which they think so much of—Malaysia compared to these other countries. If they think the policy of these countries is much better off than ours, then I say, "Thank God we have not followed these countries' policy". We prefer to stick to our own which had brought us so much happiness, so much prosperity and so much peace, and this is the policy which we will have allowed ourselves to be

guided by. So, I just do not want to talk on any policy because it suits some Members of the Opposition for us to follow that policy, or because it suits some other countries for us to follow that policy.

However, the Socialist Front Members feel that way and I see that from time to time they will bring the same matter up, when we come to debate the budget. I can expect them to speak on the same line next year, and say almost the same thing and for me to stand up and give the same reply. However, if it suits them, makes them feel happy, and it serves their purpose to talk, I welcome them to talk, and let them debate on this matter as much as they like. The cutting of \$1 in the pay of Minister of External Affairs does not effect me very much indeed, because I am not paid, as I said last year, to be Minister of External Affairs. I am paid only to be Prime Minister, and what I say as a Prime Minister, or what I say as Minister of External Affairs, it is one and the same thing; even if somebody else were to be the Minister of External Affairs, and I as Prime Minister were to make a statement, whatever he said would be drowned by what I have to say. Therefore, whatever I say is the most important thing.

On the matter of the Senator case—Dr Tan spoke of the establishment of a Consulate in Taiwan—I would like to inform this House that a consulate is not the same as an embassy. It does not mean to say that we recognise Taiwan or Republic of China to set up an Embassy. A consulate is necessary to facilitate travelling between the people of both countries. Today, every time anybody feels that he wants to have a holiday, they all want to go to Taiwan, and I think it would be in their interest that we should have a consulate there, and I do not think he has spoken out of place, when he said that we should have a Consulate there because he had discussed this matter with me to be quite frank, and I said I will look into it and personally I think it is a good thing to have a consulate because we have quite a lot of dealing with Formosa.

Then on the matter of foreign policy, I would like to stress this point. We, as I said, have been guided by four principles (1)—to uphold the Charter of the United Nations; (2)—to hold special belief; (3)—to achieve freedom and full sovereignty; to be on good terms with neighbouring countries without sparing any effort in establishing and strengthening economic and cultural ties with them; (4)—to contribute to the fullest possible extent towards promotion and maintenance of world peace and prosperity. These principles have guided us in the past, and will continue to be our guide for the future. These are our policy and we are not doing anything more, or anything less, than that. Malaysia, perhaps I might say, pursues with this principle a dynamic foreign policy with the necessary flexibility, as I said, to adapt ourselves to changing circumstances and changing world's situation, so long as we do not lose sight of the objective, and that is to be friends, to preserve and to promote our good neighbourliness with countries that have been kind towards us. Now, with this objective in mind, the Government conducts its own policy, its foreign affairs, on the basis of its obligations and faithful adherence to the Charter of the United Nations, and, you might not believe it, the Bandoeng Declaration. These two sets of principles have always constituted the twin pillars of Malaysia's foreign policy, and, within the frame-work of this principle, Malaysia is pursuing her vigorous and dynamic, as I said, foreign policy for the promotion of a peaceful world based on the rule of law; and on the rule of law, the liquidation of colonialism in all forms, in all shapes, in all manifestations; the elimination of all forms of discrimination based on colour, religion or creed—that is our foreign policy and that too is our internal policy. We have found that this is a policy that is best suited to this world today.

We know that the prejudices aroused from different religions, different ideologies, and different things, have caused nothing but suspicion, hatred and wars in the end. That is why I say, in pursuing the policy of Malaysia, at

least we have identified itself too with the Afro-Asian countries, and together with the Afro-Asian countries, we have taken up various cases—cases of Rhodesia, cases of other countries, which we feel have suffered as a result of certain domination.

On diplomatic relations with communist countries, I have informed this House earlier on, that it is our policy too to try and get near to these communist countries, or countries that do not share the same ideologies with ourselves, so long as they want to be on terms of friendship with us. I repeat here what I said before. We are not one that would crawl on our knees in order to beg of them to be friendly with us. If they choose to be friendly with us, we will be only too happy to set up whatever diplomatic relations we can with them, but we are not, of course, going out of our way to try and push ourselves into their favour.

Now, I come to the matter of Chinese representation at the United Nations. This point was raised by the Honourable Member and I say here what I said earlier on, that we agreed that Communist China is a big country that should be admitted into the United Nations, but she should be admitted on the term as provided by the United Nations but not on her term. Her term is that the Republic of China should be pushed out, countries that are unfriendly to her also should be kicked out. And, now, Formosa with its 200 million people should not be sacrificed just for the benefit of these people, the Communist China that has done nothing at all except to try and to provoke other nations to make war, to make trouble, and attempt to destroy the peace of this world. That is all that she has done so far, and that is why we have not agreed on China's admission on her term. If she wants to be admitted, she must be admitted on the term provided by the United Nations.

On Malaysia's prestige abroad, I am happy to say that our image and prestige in the international world have been going from strength to strength. Our Representative, whom the Honourable Member dislikes had made a

name for himself, a name for this country. I have something more to say in Malay in reply to the Honourable Member. However, we have now served on various Committees in the United Nations, and that is a real compliment to us.

On the question of Rhodesia, I have made my statement time and time again. I do not think I need repeat here, but what we have done in respect of matters pertaining to Rhodesia is that we have taken quite a lead and, in that stand, which we have taken, we have even antagonised our very close friend Great Britain, but because we work by the principle, I am afraid we have little time to care about what our friends think of our policy.

On matters regarding the Philippines, that has been dealt with, I would like to say that I will be very happy indeed, to welcome the Philippines back into the whole of A.S.A. A.S.A. has made a stride forward some years back, but there is a little stagnation because of the break in diplomatic relation between the Philippines and ourselves. Now, with this good news that we heard, I hope to be able in course of time to resume diplomatic relation with Philippines, because our people have had no quarrel with Philippines.

Berkenaan dengan ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang berchakap dengan panjang lebar terutama-nya berkenaan Maphilindo. Maphilindo ini saya bersetuju dan saya sains bersama dengan Presiden Sukarno, Presiden Macapagal. Tujuan-nya ia-lah kerana kita hendak menyatukan tiga buah negeri ini dengan kerana hendak menjaga kehormatan masing², kerana hendak memperkuat ekonomi dan hendak merapatkan diri ketiga² negeri itu kerana hendak memperkokohkan politik di-dalam tiga² buah negeri itu.

Jadi, dengan kerana itu kita sains dan tujuan kita itu, ia-itu-lah tujuan yang besar, tetapi apabila telah pun kita sains Maphilindo itu, saya dapati Ketua², macham Presiden Sukarno, tujuan-nya ada-lah berlain daripada apa yang saya faham itu, tujuan-nya dia-lah hendak jadi ketua yang besar, kita ini hendak jadi pak turut—hendak

jadi hamba terchichir kepada-nya. Apa yang dia kehendaki, kita mesti ikut. Kalau dia suroh kita sungkor katanah—sungkor! Sembah dia, sembah! Dia-lah maharaja lela—dia-lah yang besar—maha besar dalam Tenggara Asia ini.

Saya sunggoh pun Ketua daripada negeri yang kecil, tetapi tidak kita ini begitu hendak perhinakan diri kita, dan dengan tujuan saya hendak merapatkan diri dengan baik² dengan-nya, kita telah bersetuju menjemput atau mempersilakan pasukan tentera United Nations untuk memeriksa kehendak² orang² daripada Sarawak dan Borneo. Ini tidak payah kita buat yang sa-benar-nya, kerana kita telah menentukan Malaysia, tetapi dengan kerana hendak berbaik dengan mereka itu, kita bersetuju, tetapi apa yang dia buat, apabila United Nations punya team datang, dia tidak bersetuju. Apabila kita bersetuju observer daripada Indonesia pergi ka-sana, dia bawa dengan dia punya tape-recorder, dengan segala notis² untuk di-hemborkan di-Malaysia—di-Borneo dan Sarawak, bagi menyokong Indonesia, menyebelahi Indonesia dan sa-bagai-nya. Ini tujuan yang tidak baik. Kita yang masok tujuan yang baik. Dia hendak gunakan kita dengan tujuan yang tidak baik. Ini-lah bagaimana tuan² dapat tahu keterangan sekarang ini dengan tidak kejujuran sa-orang Ketua itu menjadikan-lah hal² bagaimana yang kita telah dengar pada hari ini. Demikian juga Macapagal telah memutuskan tali persahabatan dengan kita, bukan dengan perbuatan kita, chuma-nya dengan perbuatan diri-nya sendiri. Dia mahu Borneo, kita kata, ini bukan kita yang berkuasa hendak menyerahkan Borneo, orang Borneo sendiri yang boleh menentukan nasib mereka. Mereka suka dudok, kita, alhamdulillah, kita terima. Ini yang diputuskan tali persahabatan dengan kita, jadi kalau dia hendak putus dengan kerana tidak berperasaan yang jujur, biar-lah—tidak ada upaya saya hendak berkata.

Bagitu-lah juga Pakistan dengan India. Ini saya hendak menerangkan sa-kali lagi kepada tuan². Dasar kita

yang sa-benar-nya hendak menjadikan sa-orang yang berkawan dengan sa-buah negeri untuk hendak menyelesaikan pergadohan sa-kira-nya boleh. Kita tahu kita negeri kecil, macham Ahli dari Batu kata, kita ini orang yang kecil—10 million—tidak harus kita berchakap macham budak² biar di-pandang orang sahaja, bukan dia buka mulut. Jadi itu saya suroh dia dudok itu, tadi masa dia berchakap—jangan buka mulut, dengar sahaja-lah apa yang saya hendak chakap. Jadi, apa yang saya hendak kata ini, hal pergadohan ini, Ramani telah pun diberi hukuman yang tetap. Dasar kita tidak berubah, hendak chuba, hendak chari jalan berhenti tembak-menembak antara dua buah negeri ini. Jadi, apa yang di-perkatakan, bukan berkait langsung dengan pergadohan India dengan Pakistan—tidak berkait! Apa yang di-kata itu sudah pun di-terima dalam report committee atau pun commission yang telah pun memeriksa kejadian itu. Pehak Ahli Security Council ini menimbangkan perkara itu. Jadi, apabila orang hendak berchakap hal luar² itu yang tidak kena-mengena dengan hendak memberhentikan tembak-menembak, hal plebiscite dan sa-bagai-nya, ini yang dia kata ta' usah di-pertarek hal² luar itu, mari-lah kita berbath atas hal yang hendak di-berhentikan tembak-menembak itu.

Saya tidak hantar Ramani kesana kerana dia sakit. Dia itu sakit salama², yang saya tahu, dan dia ada banyak wang untuk berubat diri dan dia pergi sana kerana kita nampak kelayakan-nya di-sana. Jikalau ada-lah dia buat satu² perkara yang membangkang hukuman kita, ini boleh-lah kita ambil tindakan di-atas dia. Tetapi tidak. Jadi, kalau ada masa, saya suka hendak memberikan keterangan yang penoh lagi atas hal ini, tetapi masa sudah pun sengkut, kerana sekarang ini sudah pukul lapan suku—saya hendak habiskan juga apa yang saya kata. Jadi, bagaimana tuan² marah perkara ini, saya kata tindak-lah sa-patut²-nya ada sebab yang besar. Jadi begitu-lah juga Pakistan yang memutuskan persahabatan dengan kita ini, yang sa-benar²-nya tidak ada fasal, tetapi kita

tahu daripada dahulu Pakistan berbaik² dengan Indonesia. Pakistan berbaik² dengan Indonesia sampai kapada waktu kita bersidang di-London, Commonwealth hendak ambilkan satu persetujuan hendak mengutok Indonesia fasal menyerang kita; Pakistan satu-lah, sa-buah negeri yang enggan daripada bersetuju, menunjukkan bahawa Pakistan tidak jujur dengan kita. Jadi, hal yang sedikit berlaku menyatakan perchakapan Ramani sahaja yang boleh memutuskan persahabatan—itu menunjukkan perasaan Pakistan dan hati Pakistan—Menteri Luar Pakistan, Mr Bhutto, ini sentiasa dia tidak suka kapada kita, kita persilakan dia mari ka-sini pun, dia tidak mari—dia pergi hanya di-Indonesia dan balek ka-sini singgah di-Singapura, tetapi yang saya telah berjumpa dengan dia, dia tidak ada kejujoran langsung terhadap kita. Jadi dengan nama-nya yang saperti itu, kita tidak hairan di-atas dia (*Ketawa*). Jadi, jangan kita salah faham (*Ketawa*). Kita berchakap fasal Pakis-tani ini Islam, negeri kita ini kena-lah masok sa-belah Islam. Kalau hendak kira bagitu, India pun ada 50 million Islam. Kalau kita hendak buat-kan peperangan fasal Islam, kena-lah ada sebab pergadohan fasal ugama; ini bukan pergadohan fasal ugama. Bagitu-

lah juga dahulu pergadohan Pakistan dengan Afghanistan sampai berlaku tembak-menembak semua, bukan pergadohan fasal ugama—fasal politik. Jadi dengan kerana itu, jangan-lah kita ini, bagaimana orang kata, melompat dengan tidak ada fikiran terlebih dahulu. Jadi, bagitu-lah yang dapat saya jawab pada kali ini. Jadi bagi pehak saya, saya bangkang keras di-atas pindaan yang di-chadangkan, oleh Ahli Yang Berhormat daripada Batu (*Tepok*).

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Chairman, Sir, may I wind up?

Mr Chairman: I will put the question. There is no winding up.

Amendment put, and negatived.

House resumed.

Mr Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya hendak menyatakan, ada-lah Committee of Supply bagi Supply Bill tahun 1966 maseh lagi membahathkan Head S. 21, S. 22 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 esok pagi.

Adjourned at 8.15 p.m.